

JAMADIL AKHIR 1440

[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

PERCUMA

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH

## KE ARAH KELANTAN BERSIH & CERIA

Fokus

Kelantanku Bersih

Destinasi

Jeram Mengaji

Kelantan Sana Sini

Masjid Bersih, Negeri Makmur

ISSN 2289-5418



9 772289 541000

MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

TAMBATAN DIRAJA, JALAN SULTAN, KOTA BHARU



بازر توءخورو  
BAZAR TOK GURU



#BAZARVIRALKELATE

Bare munoh ado belako.  
pakat punjgoh mari sokmo

JOM!



[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)



Bazar Tok Guru



bazarviralkelate



014-538 2083



بازر تؤُکورو  
BAZAR TOK GURU



# SEWA KEDAI MURAH

## #BAZARVIRALKELATE

SEWA BELI  
**RM350**  
SEBULAN

SEWAAN  
**RM90**  
SEBULAN

**FESYEN  
FABRIK  
KOSMETIK  
PEJABAT**



[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)



Bazar Tok Guru



[bazarviralkelate](#)

📞 HUBUNGI  
**019-932 2295**

BAUCAR BAUCAR

**BAUCAR**



**DISKAUN BAGI 50 PEMBELI**  
#BAZARVIRALKELATE

[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

[Bazar Tok Guru](#)

[bazarviralkelate](#)

**15% LOT BIASA**

**10% LOT PENJURU**

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru

# AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-19

## KETUA EDITOR

**HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

**ZAMAKHSHARI MUHAMAD**

PENGURUS KANAN PEMASARAN & KOM. KORPORAT  
KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## JAWATANKUASA EDITORIAL

**HJH. NIK AIDA NIK AHMAD**

PENGURUS KANAN AUDIT DALAMAN KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## ZURAIDAH HUSIN

PENGURUS KANAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## HJ. MAHADI MOKHTAR

PENGURUS KANAN PEMBANGUNAN KORPORAT  
KELANTAN UTILITIES MUBAARAKAN HOLDINGS SDN. BHD.

## WAN SUBKI WAN OMAR

PENGURUS BESAR  
KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.

## MOHD HAikal ROZAINI

EKSEKUTIF KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## MUHAMMAD NAJID ABDULLAH

EKSEKUTIF LATIHAN MODAL INSAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## PENYELARAS EDITORIAL

**SHARIAH DERAHMAN**

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

**SITI NORAZAMI MOHD ANUAR**

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## PENULIS

**KCTV NETWORK**

## PENULIS BERSAMA

MUSTAQIM AMIR AZUARI MOHAMED, AHMAD DHUHA ZANAZANZALY, DR. WAN NIK WAN YUSSOF, ASLANI M M FAQIH, AISHAH JAMAL, NASRUDDIN MUHAIDIN YUSRI YAAKUB, NOORLEYNE HAMZAH SAIFUL RAHMAN AB RAHIM, MUHAMMAD NAJID ABDULLAH SHARIAH DERAHMAN, SITI NORAZAMI MOHD ANUAR

## PEREKA GRAFIK & REKA PETAK

**MOHD HAikal ROZAINI**

EKSEKUTIF KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## MUSTAQIM ISA

PEMBANTU TADBIR KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

NUR SYAHIRAH MOHD HAMKA  
YASMINE ZAHARAH MOHD RAZILAN

## JURUGAMBAR

**AHMAD NAI'ME MUHAMMAD**

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

## JURUGAMBAR BERSAMA

MUHAMAD BUKHARI MUHAMAD ARIFIN  
UNIT KOMUNIKASI MENTERI BESAR  
MUSTAQIM AMIR AZUARI MOHAMED  
MUHD ASYRAF MAD RAZALI, MUSTAQIM ISA AIR KELANTAN SDN. BHD.  
UNIT MULTIMEDIA & DOKUMENTASI, UBES

## PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT**

TINGKAT 4, BANGUNAN PMBK, JALAN KUALA KRAI,  
15150 KOTA BHARU, KELANTAN.  
TEL: 09-747 4082 (SAMB. 116) FAKS: 09-747 7815

## DITERBITKAN OLEH

**PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

TINGKAT 6, BANGUNAN PMBK, JALAN KUALA KRAI,  
15150 KOTA BHARU, KELANTAN.  
TEL: 09-747 4082 FAKS: 09-747 7815  
LAMAN PORTAL: [www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

## DICETAK OLEH

**DINAMIK RESTU SOLUTIONS SDN. BHD.**

PT361, TINGKAT BAWAH, BELAKANG TESCO KOTA BHARU  
15050 KOTA BHARU, KELANTAN  
TEL: 013-9587478

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian kandungan ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian majalah, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.





# PROMOSI SAMBUNGAN BAHARU AIR

## KOS SAMBUNGAN PERCUMA

UNTUK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)  
DAN JABATAN AIR NEGERI KELANTAN (JANK)

### i INFO PROMOSI

Para pelanggan hanya perlu membayar deposit sahaja untuk permohonan mendapat bekalan air projek BALB/JANK ini. Lain-lain kos untuk kemasukan akan ditanggung oleh AKSB termasuk barang-an kelengkapan sambungan bekalan air dan upah tukang paip.

Permohonan boleh dibuat melalui penghulu kawasan anda atau terus kepada pejabat AKSB jajahan.

Layari laman sesawang kami:

 [www.airkelantan.com.my](http://www.airkelantan.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**PINTAS** 15777 | **KB Utara** 09-743 5777  
**KB Timur** 09-765 7373 | **KB Selatan** 09-747 0260  
**Bachok** 09-778 8773 | **Tumpat** 09-719 1450  
**Psr Puteh** 09-786 4330 | **Tnb Merah** 09-955 2551  
**Psr Mas** 09-792 2222 | **Machang** 09-975 4140  
**Kuala Krai** 09-966 7412 | **Jeli** 09-944 0975  
**Gua Musang** 09-912 3916




**AIR KELANTAN SDN. BHD.**  
WISMA AIR KELANTAN, LOT 188, JALAN KUALA KRAI,  
15050 KOTA BHARU, KELANTAN  
TEL: 09-743 7777 FAKS: 09-747 2030



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015  
CERT. NO. AR 4438  
AIR KELANTAN SDN BHD

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO. AR 6519  
LOJI RAWATAN AIR KELAR

MS ISO/IEC 17025  
TESTING  
SAMPLE NO. 707  
MAKMAL PUSAT AIR KELANTAN



**YMC** TECHNOLOGIES  
SDN BHD

Tel: 603-7845 4033/4185/3759

E-mail: sales@ymctech.com Website: www.ymctech.com




*Balmoral efusion® Epoxy Coated Steel Tank*



*NOVA ISS® Composite Stainless Steel Tank*

## KANDUNGAN



LAMAN HADAPAN:  
**KE ARAH  
KELANTAN  
BERSIH & CERIA**

# QIADAH

Paparan muka hadapan majalah Qiadah edisi kali ini memaparkan landskap sekitar kawasan Tambatan Diraja Kota Bharu. Persekutuan kawasan ini boleh dijadikan salah satu contoh persekitaran yang bersih dan ceria sesuai dengan kempen 'Kelantanku Bersih, Kelantanku Ceria'. Menepati tema yang berkisar tentang kebersihan dan keceriaan, gambar yang dipaparkan bagi edisi kali ini diharap dapat menyuntik semangat kita semua untuk sama-sama menyahut seruan kempen 'Kelantanku Bersih'.

PERISTIWA

**8**

AMANAT KHAS  
YMM PEMANGKU  
RAJA KELANTAN

FOKUS

**12**

KELANTANKU  
BERSIH

FOCUS

**18**

A CLEANER KELANTAN

VARIASI

**24**

INISIATIF  
KELANTAN  
BERSIH

VARIASI

**28**

MELENTUR  
BULUH  
BIARLAH DARIPADA  
REBUNGNYA

VARIASI

**32**

BUKAN DENDA  
TETAPI  
MENDIDIK

VARIASI

**36**

GENTERA  
MELAHIRKAN  
GENERASI SEJAHTERA  
DAN LESTARI

VARIASI

**40**

TEKNOLOGI  
HIJAU  
PENGURUSAN  
SAMPAH

VARIASI

**43**

INFRA-  
STRUKTUR  
KEBERSIHAN  
DI KOTA BHARU

VARIASI

**46**

KEBERSIHAN  
CERMIN  
KEIMANAN

VARIASI

**50**

SEMARAK  
KEMEN  
KELANTANKU  
BERSIH

PEMINIMPIN

**53**

DR. IZANI  
HUSIN

**HERITAGE****57**

FROM COIR TO BROOM

**MAKANAN****60**

PULUT LEPA

**DESTINASI****63**


JERAM MENGAJI

**TOKOH****67**

DR. YAACOB YUSOF

**FOKUS PMBK****82****AKTIVITI PMBK****JENAMA KELANTAN****71**

NAIMbif

**KELANTAN SANA SINI****74**

MASJID BERSIH NEGERI MAKMUR

**INSPIRASI KELANTAN****78**

TAN SRI NADZMI SALLEH

**AKTIVITI PMBK****84**


SYAWAL YANG MULIA DIRAI BERSAMA

**AKTIVITI PMBK****86**

SKIM BANTUAN IMAN AL-GHAZALI

**AKTIVITI PMBK****88**

PROGRAM BUBUR ASYURA KUMPULAN PMBK

**AKTIVITI PMBK****90**

AKSB TUAN RUMAH MYWAC 2018

**TEROWONG MASA****92**

TEROWONG MASA

**DALEK KELANTAN****94**

DIALEK KELANTAN



# AMANAT KHAS YMM PEMANGKU RAJA KELANTAN

Foto: UKMB


فْتیقْن اوچافن يع مها مليا دوكتور تغکو محمد فائیز فترا ابن سلطان إسماعيل فترا، فمغکو راج کلنتن کتیکا ایستیعاداہة قمبوکان ڦغل ڦرتام دیوان نگری کلنتن يع کامفت بلس تاهون ٢٠١٨، فد ١٠ ذوالقعدۃ ١٤٣٩ برسمان ٢٣ جولي برتمفت دکوت دارالنعیم، کوتا بهارو.

"سابن تاهون مسئلة کبرسیهن دان کچریان دنگری کلنتن سنتیاس منجادي ایسو اوتم يع ڦالیغ هاغه دفرکاتنکن دمیدیا-میدیا سوسیال. کورغث کچکنان مشارکت برھوبو ڻ کفتیعن ڦنجاگان کبرسیهن دان عالم سکیتر منجادي فکتور اوتم يع دلیهه مثومبغ کفڈ مسئلة کبرسیهن دان کچریان این. جوسترو ایت، بیتا مغشورکن اکر ڦندکاتن کیمیین قمبودیان کبرسیهن دکالغن مشارکت، دسمقیغ ڦعوا توکواسان يع برتروسن منجادي فوكوس اوتم ڦیهق برکواس تمقاتن دنگری این. دسمقیغ ایت جوکا، بنتوان کاؤا ڻن سرتا ڦراسارانا کبرسیهن درڏد کرا جان نگری دان ڦرسکوتوان امته ڦرلو باکی ممبولیهکن سکالا او سها دالم مریالیساسيکن ڦلسانان ڦروگرم کلنتن برسيه داڻه ڇافی دغۇن جایاٿ".

---

Petikan ucapan Yang Maha Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Pemangku Raja Kelantan ketika Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Dewan Negeri Kelantan yang keempat belas tahun 2018, pada 10 Zulkaedah 1439H bersamaan 23 Julai 2018M bertempat di Kota Darulnaim, Kota Bharu.

"Saban tahun masalah kebersihan dan keceriaan di negeri Kelantan sentiasa menjadi isu utama yang paling hangat diperkatakan di media-media sosial. Kurangnya kecaknaan masyarakat berhubung kepentingan penjagaan kebersihan dan alam sekitar menjadi faktor utama yang dilihat menyumbang kepada masalah kebersihan dan keceriaan ini. Justeru itu, beta mengesyorkan agar pendekatan kempen pembudayaan kebersihan di kalangan masyarakat, disamping penguatkuasaan yang berterusan menjadi fokus utama pihak berkuasa tempatan di negeri ini. Disamping itu juga, bantuan kewangan serta prasarana kebersihan daripada kerajaan negeri dan Persekutuan amatlah perlu bagi membolehkan segala usaha dalam merealisasikan pelaksanaan program Kelantan bersih dapat dicapai dengan jayanya." 





# KELANTANKU BERSIH

KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN PENGHIJAUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

الحمد لله والصلوة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه وبعد

Segala puji dan puja hanya kepada Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat serta mereka yang mengikuti jalan menegakkan agama Islam di muka bumi ini.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kerajaan negeri Kelantan masih kekal berada atas landasan dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Tahun ini genap 29 tahun kerajaan negeri ditadbir berlandaskan prinsip Islam. Bukan sedikit cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam membangunkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri model yang mentadbir dan memerintah berlandaskan panduan agama Islam.

Segala perancangan yang dibuat dan gerak kerja dalam pentadbiran adalah berpaksikan kepada tiga teras iaitu; Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan. Tiga teras tersebut merupakan sendi utama dalam dasar pentadbiran kerajaan Kelantan yang kini memasuki fasa 'Merakyat Membangun Bersama Islam' ke arah meningkatkan usaha menyebar luas ilmu kepada rakyat melalui cara memberi pengetahuan, mening-



**USTAZ DATO' HAJI AHMAD YAKOB**

S.J.M.K., D.J.M.K. (KELANTAN)

(DATO' BENTARA KANAN)

MENTERI BESAR KELANTAN

kan pemahaman, memastikan penerimaan, menggalakkan penghayatan dan memakmurkan amalan.

Serentak dengan itu, kerajaan negeri telah mewujudkan "Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2016-2025): Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan" bagi memastikan rakyat negeri Kelantan menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan tadbir urus kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar MBI.

Kerajaan negeri juga telah meletakkan sasaran untuk menjayakan program kebersihan, keceriaan dan penghijauan. Kempen "Kelantanku Bersih" sedang giat dijalankan di seluruh jajahan bagi melahirkan masyarakat dan rakyat Kelantan yang mementingkan kebersihan dan keindahan negeri Kelantan sesuai dengan agama Islam yang indah.

Semoga usaha kerajaan negeri Kelantan dalam mendaulatkan Islam mendapat keredaan daripada Allah dan sokongan padu masyarakat Kelantan pelbagai kaum.

Sekian, Wassalam.



# KE ARAH KELANTAN BERSIH DAN CERIA

Firman Allah SWT yang bermaksud:

**"...(Ingatlah), ketika Allah menurunkan kepadamu hujan dari langit untuk membersihkan (suci) kamu dengan hujan itu..."**  
(Surah Al-Anfal, ayat 11)

Alhamdulillah. Segala pujian hanya layak buat Allah SWT. Doa sejahtera pula buat junjungan besar Nabi dan Rasul Muhammad SAW, para sahabat dan pengikut baginda hingga akhir zaman.

Fokus ayat di atas menceritakan tentang bagaimana secara teknikalnya Allah turunkan hujan untuk membersihkan bumi. Secara saintifiknya juga membuktikan bahawa hujan membersihkan atmosfera bumi daripada debu atau jerebu. Natijahnya udara kembali bersih. Begitu juga air hujan menjadi sebahagian jenis air yang boleh menyucikan.

Perbahasan ulama fekah memperincikan secara dalam berkaitan kebersihan dan kesucian. Dalam banyak perbincangan bab bersuci (طهارة) takrifan dari-pada segi bahasa yang bermaksud bersih dan terhindar daripada kotoran serta takrifan mengikut istilah ulama fekah iaitu menghilangkan kekotoran luaran dan dalaman dengan menggabungkan takrifan kedua-duanya menjadi satu hukum iaitu syariat Allah menjadikan suci itu adalah bersih. Ini kerana agama Islam mementingkan kebersihan luaran dan dalaman dengan mengaitkannya dengan solat untuk membebaskan umat Islam daripada kekotoran najis dan sifat-sifat tercela.

Perbahasan fekah yang mendalam ini menjadi saksi bahawa umat Islam sejak dahulu sebenarnya tidak terpisah dengan kebersihan, ia boleh dirujuk kepada kitab-kitab fekah yang secara majoritinya memulakan perbincangan ilmiah berkenaan dengan hukum sehari-hari dengan tajuk kebersihan (bersuci).

Sebagai contoh kitab yang masyhur dalam kalangan masyarakat melayu Matla' Al-Badrain (مطلع البدرين) karangan Syaikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani (1886M), cucu saudara kepada Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani, memulakan perbincangan dengan bab kebersihan (bersuci). Begitu juga



**HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

dengan kitab-kitab fekah yang lain seperti Al-Iqna' Fi Halli Alfaz Abi Syuja' (الإقناع في حل ألفاظ أبي شجاع) oleh Syeikh Syamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbiniy (977H) dan kitab moden Al-Muktamad Fi Al-Fiqh Al-Syafie (المعتمد في الفقه الشافعي) oleh Ustaz Dr. Muhammad Az-Zuhaili (1997M).

Perincian kepada semua yang di atas hanyalah sebagai secangkir peringatan bahawa Islam sebenarnya mementingkan kebersihan dalam kehidupan umatnya. Ilmu-ilmu Islam telah terangkum dengan kemas mengemudi kehidupan Muslim dengan etika hukum membicarakan secara khusus tentang kebersihan. Tentu salah jika memisahkan soal penjagaan kebersihan dengan segala kelestarian hidup Muslim. Daripada penjagaan kebersihan tubuh badan, tempat tinggal malahan masyarakat sekitar, Islam hadir sebagai penyelamat sejak dahulu.

Justeru, penerusan kepada usaha-usaha menjaga kebersihan seharusnya diberikan keutamaan dalam menjalankan urusan sehari-hari umat Islam. Dalam hal ini, PMBK sebagai badan berkanun kerajaan mengambil langkah memberikan kefahaman dan menjernihkan kekeliruan tentang kebersihan.

Rakaman terima kasih kepada petugas dan penulis yang bertungkus-lumus menyiapkan Qiadah kali ini. Semoga segala usaha dan kerja ini dilimpahkan pahala oleh Allah SWT juga. Ke arah Kelantan bersih dan ceria.

Sekian, terima kasih.



Dataran Rehal, Kota Bharu.

# KELANTANKU BERSIH

Oleh: Dr. Wan Nik Wan Yussof  
Foto: Ahmad Na'me Muhammad

Diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqas bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Suci yang menyukai hal-hal yang suci, Dia Maha Bersih yang menyukai kebersihan, Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan, Dia Maha Indah yang menyukai keindahan, kerana itu bersihkanlah tempat-tempatmu." (Hadis Riwayat Tirmizi).

Hadis ini membuktikan betapa Islam mementingkan kebersihan sebagai aspek utama kehidupan dan cermin budaya masyarakat bertamadun. Al-Quran menasihatkan umat Islam agar menyanjung tinggi amalan kebersihan. Ia turut menjadi keutamaan dalam dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diamalkan dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 1990.

Pelan Strategik Merakyatkan MBI (MMBI) yang diperkenalkan sejak tahun 2014 jelas menampakkan kepentingan kebersihan. Ia meletakkan Amalan Kebersihan sebagai mercu tanda pertama berbanding enam mercu tanda lain. Pelaksanaannya adalah berpandukan dua KPI Objektif, iaitu Mewujudkan Kelantan Bersih (Kelantan Go Green) dan Melahirkan Masyarakat Cakna Kebersihan.

## Kelantan Go Green

Kelantan Go Green dijayakan melalui pelancaran Kelantan Bersih 2015/PBT Bersih 2015. Penggerak utamanya adalah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan. Program yang dilaksanakan adalah pertandingan kebersihan melibatkan seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tujuannya adalah memilih PBT terbersih melalui dua fasa pelaksanaan.

Peruntukan RM100,000 disediakan bagi persiapan infra dan kemajuannya dinilai setiap tiga bulan. Antara aspek yang boleh dimasukkan dalam penilaian adalah pembangunan landskap, keceriaan, kebersihan persekitaran dan sebagainya. Hadiah pertandingan perlu berbaloi sebagai ransangan serta modal bagi melengkapkan prasarana dan kempen kebersihan berterusan.

PBT berperanan sebagai pihak bertanggungjawab melaksanakan pelan strategik secara tahunan dalam menjayakan objektif Mewujudkan Kelantan Bersih. Ia melibatkan:

- (i) Projek Kitar Semula.
- (ii) Tender Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah.
- (iii) Pusat Pengumpulan Sampah.
- (iv) Zon Bersih di setiap PBT.
- (v) Kempen Kebersihan pada papan iklan. Namun kejadian pelan strategik bergantung kepada penyeianan peruntukan khas daripada kerajaan negeri.



**Padang Merdeka, Kota Bharu.**

### **Melahirkan Rakyat Cakna Kebersihan**

Objektif Melahirkan Masyarakat Cakna Kebersihan dijayakan melalui kerjasama antara PBT, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan badan bukan kerajaan (NGO). Juga bersama-sama Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Urusetia MMBI.

Kempen kebersihan 'Jupo Sapoh Kutip' melibatkan aktiviti Hari Tanpa Sampah, Program Beli Sampah (kitar semula) dan Pertandingan Laman Bersih patut diteruskan. Begitu juga kempen melalui papan iklan utama di setiap jajahan yang diuruskan oleh PBT bersama UPKN. Tidak lupa seruan melalui khutbah Jumaat dengan kerjasama MAIK dan kempen Kebersihan, Keindahan, Keceriaan (3K) bagi kategori pejabat kerajaan dan swasta yang diuruskan oleh Urusetia MMBI dengan kerjasama PBT.

Pendekatan seterusnya adalah penguatkuasaan/denda di bawah tanggungjawab PBT. Sebagai peneraju utama, PBT perlu menyediakan panduan standard penguatkuasaan kebersihan melibatkan:

- (i) Denda RM2 bagi kesalahan paling minimum kepada pembuang sampah di tempat awam.**
- (ii) Menempatkan pegawai penguat kuasa di tempat-tempat awam.**
- (iii) Laporan dan pemantauan penguatkuasaan oleh Yang Dipertua (YDP) atau Exco PBT secara pemeriksaan mengejut.**

Kejayaan pendekatan ini bergantung kepada kesungguhan semua pihak terutama orang ramai.

Program Budaya Kebersihan dalam konteks masyarakat awam serta kakitangan oleh semua PBT turut digerakkan melalui pendekatan aktiviti dalaman serta luaran. Antara yang sesuai adalah motivasi kesedaran, usrah ketua jabatan, anugerah individu dan tindakan tatatertib. Bentuk program luaran bersesuaian adalah ceramah kebersihan kepada peniaga pasar serta edaran risalah kebersihan di masjid serta tempat-tempat awam.

### **Kebersihan dan kesihatan rakyat**

Kelantan Melangkah ke Hadapan adalah perancangan strategik pentadbiran kerajaan negeri berpaksikan tiga tonggak utama dengan disokong 10 bidang utama. Salah satu bidang penting adalah Kebersihan dan Kesihatan Rakyat di bawah tonggak Kebajikan. Matlamatnya adalah mendorong masyarakat berlumba-lumba berbuat kebajikan terutama melahirkan masyarakat cakna serta bertanggungjawab membudayakan amalan kebersihan dan kesihatan.

Kempen kesedaran kebersihan perlu bermula di peringkat awal sekolah dan ia boleh dijayakan melalui usaha memperkasa jawatankuasa penduduk serta memperhebat promosi melalui media massa. Juga dengan mewujudkan kerjasama kurikulum/program kebersihan dan kesihatan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Dalam konteks PBT, keberkesaan pengurusan kebersihan dalam kawasan operasi adalah penting. Ia

boleh dicapai menerusi Undang-Undang Kecil PBT, menambah dana bagi mengatasi masalah aset dan tenaga kerja pembersihan serta penggunaan teknologi moden dalam operasi pembersihan. Juga dengan meningkatkan penguatkuasaan kebersihan, mewujudkan zon kawalan kebersihan diselia Ahli Majlis PBT, mewujudkan Jawatankuasa Bersama Pemantauan Pengurusan Sisa Pepejal dan meningkatkan program kitar semula.

Kesungguhan kerajaan negeri dibuktikan melalui sokongan kepada misi "Ke Arah Kelantan Bersih". Peruntukan RM6 juta disediakan sebagai permulaan untuk Program Kebersihan dan Keceriaan di bawah pengurusan PBT. Ia diharap dapat meningkatkan aspek pengurusan sisa pepejal, makanan dan tandas awam. Semua inisiatif dilaksanakan bagi menunjukkan suasana negeri bersih.

### **Kelantan bersih rakyat sejahtera**

Persepsi 'orang Kelantan pengotor' tidak digemari dan dianggap tidak berasas. Namun realitinya, ia timbul kerana tahap kebersihan menyediakan di tempat-tempat tertentu terutama kawasan tumpuan ramai. Ia turut mendorong inisiatif diambil Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA).

PAPISMA adalah sebuah NGO dianggotai sekumpulan doktor pakar, pegawai perubatan, jururawat dan pakar pemakanan. Mereka mencetuskan kempen 'Kelantanku Bersih' dengan sokongan kerajaan negeri Kelantan. Ia bermula pada Mei 2018 dengan matlamat menjayakan misi 'Kelantan Bersih ke Arah Negeri Sejahtera' dan kejayaannya bergantung kepada sokongan padu rakyat.

**Kempen ini menggariskan tempoh masa tiga tahun (minimum) dengan tiga fasa pelaksanaan. Fasa pertama adalah pendidikan (Jun 2018-Jun 2019) dengan fokus mendidik masyarakat mengenai amalan kebersihan.**

**Fasa kedua adalah penguatkuasaan (Jun 2019-Jun 2020) dengan kerajaan melalui PBT meningkatkan penguatkuasaan undang-undang melibatkan kebersihan. Fasa ketiga adalah permasaan (Jun 2020 -Jun 2021) yang mana pihak kerajaan serta seluruh rakyat berganding bahu dalam pelbagai aspek bagi memastikan Kelantan benar-benar bersih.**

Pembahagian fasa adalah strategi gerak kerja tersusun dan penerangan setiap fasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui laman facebook rasmi kempen. Bagi melancarkan penerimaan masyarakat, pihak sekretariat kempen mengalu-alukan seluruh rakyat terlibat aktif dalam aktiviti kempen.

### **Kajian amalan bersih**

Pusat Kajian Strategik (PKS) Kelantan telah menjalankan kajian dan penelitian terhadap tahap amalan bersih dalam kalangan rakyat pada 2016 bertujuan:

- 1) Melihat tahap pengurusan kebersihan di lokasi strategik tumpuan pelancong dan orang ramai.
- 2) Mendapatkan maklum balas dari segi tahap amalan kebersihan.
- 3) Mendapatkan maklum balas berkenaan langkah-langkah penambahan amalan bersih.

Kaedah kajian adalah pemerhatian dan temu bual berpandukan soalan berstruktur dengan responden



dalam kalangan pegawai PBT, pengunjung atau pelancong dan orang awam terpilih. Disusuli bukti rakaman foto dan pemerhatian dianalisis secara kualitatif.

Fokus pemerhatian adalah aspek kebersihan, pengrusaan sampah, tandas, keceriaan dan bau di persekitaran. Lokasi terlibat adalah 32 masjid, enam pantai peranginan, lapan pusat membeli-belah, 18 pusat perkelahan dan rekreasi serta 23 stesen pengangkutan awam.

Hasil temu bual dengan 108 responden mendapati amalan bersih di kebanyakan lokasi adalah pada tahap sederhana. 60.2% responden menganggap tahap kebersihan memuaskan dan 39.8% menganggap keadaan tidak memuaskan. 64.8% responden bersetuju tahap kebersihan dipengaruhi faktor persekitaran dan purata 59.3% responden berpuas hati terhadap amalan kebersihan pengunjung, penjual, pelawat, ahli kariah dan pengguna.

### Cadangan penambahbaikan

**Kajian turut menghasilkan beberapa cadangan penambahbaikan amalan kebersihan. Antaranya adalah pemerkasaan projek kitar semula dalam memenuhi objektif Mewujudkan Kelantan Bersih. Begitu juga cadangan tender pengurusan tapak pelupusan dan pengumpulan sampah kepada pihak swasta bagi meringankan beban kerajaan serta membuka peluang kerja kepada anak tempatan.**

Cadangan lain adalah peningkatan aktiviti, komitmen agensi, penglibatan NGO dan kesedaran awam demi

mencapai objektif Melahirkan Masyarakat Cakna Kebersihan. Misalnya gotong-royong perdana melibatkan NGO, agensi kerajaan atau syarikat swasta. Ia dapat meringankan beban PBT dan memupuk amalan kebersihan dalam kepimpinan masyarakat, swasta dan kepimpinan kerajaan.

Seterusnya adalah pemerkasaan kempen kebersihan bulanan melalui khutbah Jumaat. Imam main peranan penting dalam memperingatkan anak mukim mengenai kepentingan amalan kebersihan. Ahli politik juga perlu menyampaikan matlamat kerajaan dalam mempertingkatkan amalan kebersihan. Ia akan memberi impak positif kerana pengaruh mereka sangat kuat dalam kalangan rakyat Kelantan.

Sampai masanya kerajaan negeri Kelantan menuahkan Urusetia MMBI dan bekerjasama dengan PBT bagi menggiatkan kesedaran awam mengenai amalan bersih. Antara usaha dicadangkan adalah kempen menerusi ruangan iklan akhbar serta media sosial. Kempen berterusan boleh menarik minat dan memupuk kesedaran orang awam. Penguatkuasaan perlu diperketatkan dan kesedaran pada peringkat sekolah harus diberikan penekanan.

### Cabarani

Pembinaan masyarakat Kelantan daripada segi kebersihan memerlukan perhatian dan komitmen serius. Cabarannya adalah penyuburan peradaban berimbang bersesuaian dengan jolokan ‘Serambi Mekah’. Perlu usaha berterusan bagi mengubah susila kehidupan tertib atas prinsip “kebersihan sebahagian daripada iman”.



**Pantai Senok, Bachok.**



Mural di Medan Ilmu, Kota Bharu.

Sudah masanya peraturan dan penguatkuasaan kebersihan secara khusus dibentuk. PBT juga perlu melaksanakan pendekatan kempen kerohanian melalui papan iklan dengan tema mendidik akhlak masyarakat agar cintakan kebersihan. begitu juga penganjuran ceramah khusus kepada peniaga dan orang awam bagi membangkitkan kesedaran terhadap amalan kebersihan.

Pendakwah seperti Dakwah Halaqat hendaklah sentiasa menyentuh aspek ilmu akhlak dan ibadat dengan penekanan terhadap hal fekah ibadat. Selanjutnya, kerajaan negeri perlu beri pengiktirafan kepada premis yang menjaga kebersihan mengikut kategori seperti masjid, premis perniagaan, taman rekreasi, taman perumahan, pasar dan perhentian bas atau teksi.

Memacu kesungguhan semua pihak dalam membudayakan rakyat dengan amalan kebersihan adalah cabaran utama. Kerajaan negeri amat serius dalam usaha mewujudkan negeri bersih. Antara buktinya adalah penubuhan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Kelantan. Tanggungjawab mengurus pusat ini diberikan kepada Kumpulan Utilities Mubaarakan (KUM).

Matlamat meningkatkan kebersihan dan kesejahteraan adalah agenda besar. Kerajaan negeri perlu

lebih komited ke arah merealisasikan Pelan Strategik MMBI berkait mercu tanda Amalan Kebersihan. Penglibatan NGO mampu melengkapkan inisiatif kerajaan negeri dan inisiatif baharu perlu digarap demi mengatasi cabaran dalam pelaksanaan oleh pihak berkenaan. Kesungguhan semua pihak amat penting demi memastikan matlamat Kelantan Bersih dan Rakyat Sejahtera tercapai. ☺

**RIA-SAKUSA**  
(RIADAH SAMBIL KUTIP SAMPAH)  
**SIRI 9**

**1 Feb 2019 (Jumaat)**  
**5 - 6.30 Petang**  
**Pantai Cahaya Bulan (PCB)**

Ketua Program: 0139471496 (En. Din)

Semmo Dijemput Hadir.  
Bowok Supik Rokrak Terpakai, Sarong Tange,  
Nyeprik Sapoh & Air Mineral





Mural di Medan Ilmu, Kota Bharu.



Antara kempen yang dijalankan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama PBT dan agensi berkaitan.

# A CLEANER KELANTAN

By: Dr. Wan Nik Wan Yussof



**Bulatan Jam Besar.**



**Dataran Warisan.**



**Dataran Rehal.**

Narrated by Sa'ad ibn Abi Waqas that the holy Prophet said: "Indeed Allah SWT is Holy and loves hallowed things, He is Most Clean who loves cleanliness, He is Most Majestic who loves gloriouosity, He is Most Magnificent who loves beauty, because of that make thy places clean." (H.R: Tirmizi)

Hygiene is a main aspect of life and a reflection of civilised society. The hadith above proves that hygiene is very important in Islam and the Holy Quran advises all Muslim to exalt hygiene practices. It is also a priority in Membangun Bersama Islam (MBI) policy implemented in the administration of Kelantan State Government since 1990.

Introduced since 2014, the Publicizing MBI Strategic Plan (MMBI) put Hygiene Practice as the first landmark among six other landmarks. The implementation is based on two objectives, which are Kelantan Go Green and Creating Cleanliness Concerned Society.

## Kelantan Go Green

Implementation of Kelantan Go Green is carried out through the launching of Kelantan Bersih 2015/PBT Bersih 2015. The key player is the Chairman of Local Government, Housing and Health Committee. Among programs that are implemented, including are cleanliness competition involving all local authorities to choose the cleanest among them through two phases.

MYR100,000 were allocated to prepare the infrastructures and its development is assessed every three months. Aspect of assessment includes landscape development, cheerfulness, environmental cleanliness and others. Prizes should be worth the value as a stimulant and can be used as capital to equip the infrastructures and having continuous cleanliness campaign.

Local authorities are responsible to implement the strategic plan annually to achieve Kelantan Go Green objectives, which involves:

- (i) Recycling projects.
- (ii) Tender Management of waste disposal site.
- (iii) Waste collection center.
- (iv) Clean zone in every local authorities.
- (v) Cleanliness campaign on the billboard.

However, the implementation of this strategic plan are based on the provision of allocation from the state government.

## **Creating Cleanliness Concerned Society**

Creating Cleanliness Concerned Society were implemented through cooperation of local authorities, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and NGOs. Together with Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri (UPKN), Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), State Economic Development Corporation (SEDC) and MMBI Secretariat.

Programmes that should be continued are 'Jupo Sapoh Kutip' campaign consisting of A Day Without Garbage activity, Buy The Garbage Programme (recycleable garbage) and Clean Home Courtyard Competition.

The campaign through billboard managed by local authorities and UPKN in all provinces and preaching through the Friday Sermon managed by MAIK. Not to forget the 3K campaign (cleanliness, beauty, cheerfulness) in government and private office managed by MMBI Secretariat in collaboration with local authorities.


The next objective is enforcement where as the main executor, local authorities have to prepare a standard guidelines consisting of:

- (i) Minimum RM2 fine for public littering.
- (ii) Placing enforcement officer in public areas.
- (iii) Report and monitoring of the enforcement by Yang Dipertua Majlis Daerah (YDP) or Chairman of Local Government through spot check.

The success of this objective depend highly on awareness and determination of all parties, especially the public.

Cleanliness Culture Programme among the society and civil servants also implemented through internal and external activities. Among suitable internal activities are awareness motivation, department head knowledge circle, individual rewards and disciplinary actions.

The suitable external activities would be cleanliness talks to market traders and cleanliness leaflets distributions at mosques and public areas.





**Pokok kurma di Bulatan Jam Besar.**

## **People's Hygiene and Health**

Kelantan Moving Forward is the state government's strategic plan based on three main pillars and supported by 10 key areas. One of the important key areas are People's Hygiene and Health under the Pillar of Welfare. The goal is to encourage the society to compete in doing charity, especially to create hygienic and health concerned society.

Cleanliness Awareness Campaign have to start as early as primary school and can be implemented through empowerment of residents committee, intensifying promotions through the mass media and establishing co-curriculum programme on hygiene and health in schools and higher learning institutions.

The effectiveness of cleanliness management by local authority is very important. This can be achieved through by-Laws related to cleanliness, increasing fund to overcome assets and workforce problems and using modern technology in cleaning operation, increasing cleanliness enforcement activities, establish cleanliness controlled zone which is supervised by local authority's council members, establishing joint committee on solid waste management monitoring and improving the recycling program.

The state government proved their seriousness in supporting 'Towards a Cleaner Kelantan' mission through an allocation of RM6 million as a start for Cleanliness and Cheerfulness programs which is supervised by local authorities. Hopefully this programme can improve management of solid waste, food court and public toilet. All these initiatives were carried out towards cleaner Kelantan.

## **A cleaner Kelantan for prosperous society**

'Kelantanese is polluter', a perception which is not liked by many and considered baseless. But in reality, it arises due to poor cleanliness level in certain locations especially in public areas. This is being the factor that motivating an initiative by Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA).

PAPISMA is a non-governmental organisation (NGO) consisting of medical specialists, medical officers, nurses and nutritionists. Together they initiate 'Kelantanku Bersih' campaign with the support of Kelantan State Government. The campaign started in May 2018, aimed to make 'Kelantan Bersih ke Arah Negeri Sejahtera' mission a success.

They plan for three years campaign (minimum) which is divided into three phases of implementation. The first phase is education (June 2018 – June 2019), focusing in educating society about cleanliness. The second phase is enforcement (June 2019 – June 2020), where government and local authorities will carry out more enforcement of the law on cleanliness. The third phase is empowerment (June 2020 – June 2021), in which the government and society collaborating in every aspects of cleanliness to ensure Kelantan is truly clean.

These are organized working strategy and information on every phases will be notified in the campaign's official Facebook page. The campaign's secretariat also encourages the society to be actively involved in the campaign in order to ensure public acceptance.

## Cleanliness Practice Study

In 2016, Kelantan Strategic Research Center carried out a research on cleanliness practice in the society with the aim to:

- 1) Look at cleanliness management level in public and tourism area.
- 2) Gain feedback on cleanliness practice level.
- 3) Gain feedback on steps to improve cleanliness practice.

Method used are observation and interview based on structured questionnaire with respondents amongst local authority officers, visitors, tourists and selected locals. It was followed by photographic evidence and all observations were analysed qualitatively.

Observation's focus are cleanliness, waste management, toilets, cheerfulness and environment's smell. The locations involved are 32 mosques, six beaches, eight shopping complexes, 18 recreation parks and 23 public transportation stations.

Findings from interviews with 108 respondent shows the cleanliness practice are at moderate level in most locations. 60.2% of respondents felt satisfied with the cleanliness level and 39.8% not satisfied. 64.8% of respondents agreed on the level of cleanliness is influenced by environmental factors and an average of 59.3% of respondents satisfied with cleanliness practice among visitors, hawkers, *kariah* members and users.



Dataran Cheng Ho, Kota Bharu.



Billboard at Pulau Melaka.



Taman Tengku Anis, Pengkalan Chepa.

## Suggestions for improvement

Studies by Kelantan Strategic Research Center has also suggests ways to improve cleanliness practice. Among the suggestions are empowerment of recycling project to achieve Kelantan Go Green objective. Tendering of waste disposal and collection site management to the private sector has also being proposed. This will ease the government's financial burden and opening job opportunities for the locals.

Another suggestion is to increase number of activities, agencies commitment, NGOs involvements and public awareness to achieve Creating Cleanliness Concerned Society objective. For example, mutual coorporation involving NGOs, government agencies and private companies with the aim to ease local authority's financial burden and cultivate cleanliness practice among community leaders, private sectors and government.

Other suggestion is empowerment of monthly cleanliness campaign through the Friday Sermon. Imam plays an important role in addressing the importance of cleanliness to the community. Politicians must also play their part in delivering government's goal to improve cleanliness practice. This will give a positive impact because of the politician influence which are very strong to the people of Kelantan.

The time has come for the government to set up the MMBI Secretariat and collaborate with the local authorities to intensify public awareness campaign towards cleanliness practice. Campaign through newspapers and social media also proposed. Continuous campaign will attract the interest and cultivate public awareness. Enforcement must be strengthened and awareness at school must be emphasized. ☐



Pantai Sri Tujuh, Tumpat.

# Jupo sapoh kutip Jange tohok kokse

Jangan  
amalkan!



Di luar  
tong  
sampah

Buang  
melalui  
tingkap

Sampah  
atas  
bonet

Buang  
merata-  
rata

Ini bukan amalan kita

#kelantankubersih

# KELANTAN BERSIH

## INISIATIF

Oleh: M. Faqih Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Tidak adil untuk terus melabel Kelantan sebagai negeri kotor tanpa melihat isu sebenar di sebalik masalah tersebut. Sejak dahulu sehingga kini, negeri ini terus terpalit dengan imej kurang bersih. Qiadah mengambil inisiatif untuk bertemu Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Dr. Izani Husin untuk mendapatkan gambaran lebih jelas tentang isu berkenaan.



## TIDAK PERNAH REDA

Isu kebersihan tidak pernah reda di negeri ini dan sentiasa menjadi buah mulut terutama dalam kalangan pelancong. Oleh sebab itu, kerajaan negeri Kelantan memberi tumpuan khusus kepada usaha meningkatkan kebersihan pada penggal ini. Antara usaha yang dilaksanakan sejak beberapa bulan lalu ialah pelancaran kempen Kelantanku Bersih dan gotong-royong. Kempen peringkat negeri pula dilancarkan pada Oktober 2018.

Menurut Dr. Izani, gerak kerja kebersihan sudah lama dijalankan tetapi penglibatan rakyat agak perlahan. Pada penggal ini, kempen kebersihan dilaksanakan secara agak agresif. Program diadakan demi membangkitkan semangat orang ramai agar bersama-sama menjaga kebersihan.

Pihak terlibat termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan bukan kerajaan (NGO), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan orang ramai. Isu kebersihan terus diperkatakan walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Namun keadaan sudah berbeza berbanding sebelum ini dan boleh dikatakan banyak tempat telah memperlihatkan suasana kebersihan terjaga.

"Pengurusan kebersihan di Pasar Siti Khadijah diswastakan kepada syarikat BUJ Technology Enterprise Sdn. Bhd. Menurut peniaga di situ, sudah ada perbezaan dalam pengurusan kebersihan dan keadaan sudah bertambah baik berbanding dahulu. Bagaimanapun, penambahbaikan tetap perlu dibuat, terutama mengenai sikap kita sendiri. Peniaga perlu kutip sampah sekiranya ada atau terjatuh berhampiran premis niaga mereka," tegas Dr. Izani.



Kebersihan diutamakan kerana Pasar Besar Siti Khadijah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang popular di Kelantan.

## PENDIDIKAN DAN PENGUATKUASAAN

Aspek pendidikan mengenai pengurusan dan amalan kebersihan juga diutamakan. Bagaimanapun, ia perlu digembung atau disulam dengan penguatkuasaan seperti kompaun kepada mereka yang ingkar. Pendekatan "punishment and reward" adalah sebahagian daripada kaedah mendidik masyarakat.

Dr. Izani menjelaskan, Islam mengajarkan kaedah dosa serta pahala dan ia turut diaplakasikan dalam aspek penguatkuasaan kebersihan. Kerajaan negeri mengarahkan semua PBT di Kelantan untuk menjadikan pengurusan kebersihan sebagai agenda utama. Aktiviti yang perlu dilaksanakan adalah seperti kempen kebersihan, penganjuran program gotong-royong dan mengenakan kompaun.

"Aspek pendidikan dibuat berterusan dan kita merancang untuk masuk ke sekolah-sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Kita yakin sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri juga akan beri kebenaran untuk kita laksanakan kempen kebersihan kendalian PBT dengan kerjasama NGO. Pada masa ini, ceramah kebersihan dibuat di masjid-masjid yang dikendalikan oleh doktor pakar daripada Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA).



Program gotong-royong yang dijalankan sekitar Kota Bharu baru-baru ini.

"Setakat ini program gotong-royong sudah dilaksanakan di 10 lokasi terutamanya kawasan di bawah Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Antara PBT lain yang melaksanakan program gotong-royong ialah Majlis Daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Tanah Merah dan Majlis Daerah Tumpat. Wakil rakyat turut anjur gotong-royong di tempat mereka dan kita harap usaha ini dibuat secara berterusan," kata Dr. Izani.



Sumber: Facebook MDKPI

## KEKANGAN DIHADAPI PBT

Usaha meningkatkan tahap kebersihan turut bergantung kepada sumber kewangan setiap PBT. Terutamanya dalam penyediaan prasarana termasuk lori pengangkut sampah dan tong sampah mencukupi. Dr. Izani menjelaskan, kuantiti lori kompaktor, *half moon* dan tong sampah akan ditambah di kawasan MPKB-BRI. Di kawasan PBT lain, usaha akan dilaksanakan untuk memperbanyakkan penyediaan tong sampah.

"Untuk belanjawan 2019, kita minta semua PBT beri keutamaan dan penambahan kepada aspek kebersihan. Terutama pembelian lori pengangkut sampah dan tong sampah. Selain itu, kita akan memperkemaskan tapak pelupusan sampah dan pendekatan kempen serta kompaun akan dilaksanakan secara berterusan.



"Kita sudah wartakan beberapa tempat di bawah inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok (IKBAR). Namun promosi IKBAR belum meluas dan kita belum menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang merokok di kawasan larangan merokok. Setakat ini tumpuan IKBAR adalah di Zon Bebas Asap Rokok sekitar pusat bandar Kota Bharu. Kita akan mempertingkatkan promosi dan publisiti IKBAR kepada masyarakat," katanya.

## DILEMA KEKURANGAN INFRASTUKTUR

Dalam pada itu, Dr. Izani mengakui kerajaan negeri Kelantan berada dalam dilema untuk menyediakan kemudahan lebih lengkap bagi mempertingkatkan pengurusan kebersihan. Sebelum ini, kerajaan negeri merancang untuk mengadakan usaha sama dengan kerajaan Persekutuan untuk pelupusan sisa pepejal. Bagaimanapun perancangan itu tidak dapat dieruskan.

"Kerajaan negeri mahu swastakan pengurusan sisa pepejal kepada Alam Flora. Perbincangan ke arah itu mengambil masa sehingga lima tahun. Bagaimanapun, perbincangan akhirnya menjadi 'hand-off' berikutan campur tangan menteri yang menolak cadangan Kelantan".

"Cadangannya adalah kita akan serah kerja pelupusan

sampah kepada Alam Flora. Jadi kita hentikan sementara pembelian lori sampah dalam tempoh rundingan. Bila kerjasama tidak berjaya, ia jadi beban kepada kerajaan negeri dan PBT. Kita perlu sediakan semula kemudahan yang tertangguh," kata beliau.

Katanya, kerajaan negeri merancang untuk kembali membeli kemudahan infrastruktur secara lebih terancang. Beliau juga cuba mendapatkan sokongan syarikat GLC dan swasta agar turut membantu melalui program sosial korporat (CSR) masing-masing. Kerajaan negeri mengalu-alukan penglibatan semua pihak dan CSR boleh diberikan dalam bentuk tong sampah dan sebagainya.

"Setakat ini kita dapat CSR daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang menyumbangkan dua lori *half moon* kepada MPKB-BRI. Yayasan Kelantan Darul Naim (Yakin) bersetuju sumbang RM100,000 dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) pula beri RM10,000 untuk beli tong sampah. Kita harap syarikat swasta termasuk bank tampil untuk bersama-sama membina Kelantan bersih," katanya.

## SAMBUNG PERMOHONAN DAN CEGAH GEJALA SOSIAL

Selain itu, Dr. Izani berhasrat mahu menyambung semula permohonan kepada kerajaan Persekutuan terutama perkara-perkara yang belum diluluskan. Kerajaan negeri Kelantan mahu menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Persekutuan dalam konteks "government to government". Beliau berhasrat untuk membentuk hubungan lebih baik demi kesejahteraan rakyat.

Beliau turut memaklumkan bahawa kerajaan negeri memutuskan untuk tidak lagi membenarkan premis shisha beroperasi di seluruh negeri Kelantan pada Mesyuarat Exco tahun lepas. MPKB-BRI akan memberi fokus kepada operasi menghentikan perniagaan shisha. Tindakan siti dan kompaun akan dilaksanakan sekiranya ada pengusaha shisha dikesan dalam operasi yang dilaksanakan oleh PBT.

"Kita minta peniaga supaya tidak meneruskan perniagaan shisha kerana kita dapati ada peniaga mencampurkan bahan tertentu ke dalam shisha. Selain itu, kita dapati operasi premis shisha sehingga larut malam turut mengundang gejala sosial dalam kalangan anak muda."

"Menteri Besar, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob telah menegaskan agar kerajaan negeri serta jabatan dan agensinya memberi fokus kepada masalah sosial. Kita dapati shisha menjadi salah satu perkara yang menyumbang kepada gejala sosial," kata Dr. Izani.



**Ranhill**

**Ranhill Water Services  
THE NRW SPECIALIST**

Ranhill Water Services (RWS) provides a holistic water supply services specialising in NRW management in the quest for water supply sustainability.

**WE  
ARE  
RWS**

Contact Us :

Ranhill Water Services Sdn. Bhd. (681858 H)  
Level 4, Matang Building, 83, Jalan Langkasuka, Larkin, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia.  
Tel : +607 276 2020 Fax : +607 276 3030  
[www.rws.com.my](http://www.rws.com.my)



# KEBERSIHAN: **MELENTUR BULUH BIARLAH DARIPADA REBUNGNYA**

Oleh: Muh Na Abdullah Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



"Kenapa tidak masukkan sampah itu ke dalam tong?". Sapa saya pada kanak-kanak yang mungkin berusia 7 tahun. "Mak kata kotor, letak sahaja di tepi tong". Jawabnya petah dengan kuntum senyum seolah-olah tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Saya balas senyuman dengan menampakkan gigi. Terasa kelat senyuman. Keliru dan tidak mampu meneruskan kata-kata. Terkebil-kebil memandang kanak-kanak yang pada usia itu tidak diajar perkara yang betul.

Setelah meletakkan seberkas kecil sampah di tepi tong (tidak di dalamnya), dia bergegas ke kereta yang pada hemah saya dipandu ibunya. Bagaikan diarah, saya ambil bungkusan kecil itu lalu memasukkannya ke dalam tong bersama sampah yang bawa.

"Betul juga kata-kata budak tadi. Tempat ini kotor dan kenapa perlu datang secara dekat untuk memasukkan sampah ke dalam tong", hati kecil saya meragui prinsip yang saya pegang selama ini.

Sepanjang perjalanan dari tempat pembuangan sampah hingga ke rumah, otak saya seolah dipaksa untuk berfikir. Sampah sememangnya bahan kotor tetapi membuang sampah bukan di tempat yang sepatutnya akan menjadi bertambah kotor. Mendidik anak-anak perihal menguruskan kotoran perlu bermula dari rumah.

Cerita sebegini barangkali boleh ditamatkan di sini tetapi atas temar pebelajaran ia tetap segar untuk dibincangkan.

Firman Allah SWT dalam surah Tahrim: ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka."

Konteks ayat di atas adalah memelihara daripada kemuncak segala azab iaitu api neraka. Pemeliharaan pada asasnya memelihara akidah dan cakupan yang dipelihara pula daripada sekecil-kecil peranan iaitu menjaga diri dan keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anak.

Dalam Islam, kebersihan dertiakan mengikut dua konteks iaitu kebersihan zahir dan batin. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Tuhanmu, maka ucaphlah dan ingatlah kebesaran-Nya. Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan." (Muddathir: 3-4).

Kebersihan zahir boleh difahami dengan mudah kerana ia melibatkan apa yang boleh dicapai pandangannya dengan mata seperti kotoran najis.

Daripada konteks batin pula ia dertiakan dengan kebersihan hati, terhindar daripada maksiat dan sifat-sifat tercela seperti dengki. Malah kekufturan adalah najis yang utama. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir



**Didikan kebersihan bermula dari rumah.**



**Didikan dan aktiviti kurikulum tentang kebersihan diterapkan diperingkat prasekolah.**



**Sukatan kebersihan dimasukkan dalam pembelajaran pada peringkat sekolah rendah.**



**Didikan dan aktiviti kebersihan diperluaskan pada peringkat sekolah menengah.**

*musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjidil Haram sesudah tahun ini dan jika kamu bimbangkan kepapaan, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu daripada limpah kurnia-Nya, jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana." (Surah at-Taubah: 28).*

Perbincangan kebersihan - melentur buluh biarlah daripada rebungnya ini membawa kepada hakikat ajaran yang seharusnya menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak berkaitan kebersihan. Jika sedari kecil (umur 2 tahun) anak-anak yang telah mulai berjalan, ibu bapa seharusnya menerapkan agenda kebersihan.

Pepatah arab ada menyebutkan yang bermaksud "Mempelajari ilmu semasa kecil seperti memahat di atas batu iaitu kekal lama."

Mengajar anak-anak cara yang betul membuang air kecil misalnya perlu dengan cara yang sebenar. Ajaran perlu bermula dengan memperkenalkan tempat yang betul untuk membuang air kecil, kaedah duduk yang selesa untuk membuang air dan seterusnya cara membersihkan alat yang sulit dan tempat buang air tersebut. Ketiga-tiga perkara ini nampak mudah tetapi berapa ramai ibu bapa memulakannya sejak kecil. Mulakan dari rumah dan lakukan berperingkat daripada sekecil-kecil asas.

**Memulakan ajaran membuang sampah pada tempat yang betul juga perlu bermula dari rumah. Sediakan tong sampah dengan kaedah**

**plastik sampah yang betul. Posisikan kedudukan tong sampah yang jauh dari tempat makan. Jika berdekatan dapur pastikan ia tertutup dan bersih. Setiap sampah secara disiplinnya perlu diletakkan di dalam tong sampah.**

Anak-anak perlu diberitahu bahawa sampah adalah bahan kotor tetapi membuang sampah bukan pada tempatnya (tong sampah) menambahkan lagi kekotoran. Bahan kotor seperti sampah perlu diuruskan dengan baik agar tidak memudaratkan kesihatan. Tempat yang dikotorkan dengan pengurusan sampah yang tidak betul akan memudaratkan kesihatan, merimaskan penglihatan dan menyumbat hidung dengan bau yang memualkan.

Kesemua ilmu kebersihan yang dipelajari sejak kecil ini akan menjadi tabiat yang berpanjangan. Tabiat inilah yang akan menentukan nilai dan etika dalam kehidupan bermasyarakat.

Secara asasnya, ilmu akademik yang dipelajari di sekolah sudah memadai untuk membentuk tingkah laku anak-anak tetapi pepatah Inggeris ada menyebutkan "actions speak louder than words."

Tiga tahap aliran persekolahan di negeri Kelantan akan mendasari perbincangan berkaitan kebersihan: melen-tur buluh biarlah daripada rebungnya ini. Fokus pada fasa pendidikan ini akan menzhahirkan segala usaha yang telah dilaksanakan pada peringkat sekolah berkaitan sukatan pembelajaran tentang kebersihan.

#### **PUSAT ASUHAN TUNAS-TUNAS ISLAM (PASTI)**

PASTI adalah pusat asuhan kanak-kanak yang mempunyai kurikulum dan ko-kurikulum yang tersendiri dan tidak perlu diperkenalkan lagi amnya di Malaysia dan khasnya di negeri Kelantan. Sebagai sebuah institusi prasekolah, PASTI dilihat sebagai tapak yang paling ampuh untuk diserapkan agenda kebersihan.

Kanak-kanak seawal 4 sehingga 6 tahun diambil tanpa mengira latar belakang. Malah ada rekod menunjukkan ada segelintir anak-anak bukan Islam dihantar ke PASTI. Daripada segi kebersihan, anak-anak di PASTI telah diajar soal kebersihan yang melibatkan usaha pembelajaran berkaitan mengurus kebersihan diri dan persekitaran.

Semakan sukatan kebersihan ini adalah secara kurikulum dan ko-kurikulum. Ia merangkumi proses pembelajaran dan aktiviti sebagaimana berikut:

- 1** Arahan mencuci tangan sebelum dan sesudah makan.
  - 2** Didikan membuang sampah dalam tong sampah.
  - 3** Amalan harian kebersihan diri dengan aktiviti menggosok gigi.
  - 4** Gotong-royong menyapu bilik darjah.
- Mengingatkan anak-anak PASTI tentang pentingnya menjaga kebersihan diri dalam perhimpunan mingguan.



Foto: Pasti Salsabila, Kg. Tanjung Stan.



Anak-anak PASTI dididik menjaga kebersihan diri dan persekitaran dengan pengajaran asas. Nampak agak mudah tetapi hakikatnya ia perlu dititik beratkan sejak kecil. Inilah yang dipanggil melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

### SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TUNAS ISLAM (SRITI)

Sekolah Rendah Integrasi Tunas Islam adalah penerusan kepada PASTI. Walaupun ia masih baru tetapi telah memasukkan sukanan kebersihan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain meneruskan ajaran yang telah diamalkan di PASTI dalam soal kebersihan, anak-anak pelajar SRITI diperkenalkan dengan aktiviti menyeronokkan dalam menjaga kebersihan seperti:

- 1 Kempen menggunakan kertas *playcard* dan ditampal di bangunan kelas.
- 2 Menggunakan Bahasa Arab dan Inggeris dalam slogan kebersihan seperti اغسل يديك قبل الأكل dan *wash your hand*.

Aktiviti ini dilancarkan secara tahunan dan penggunaan arahan dwi bahasa iaitu Arab dan Inggeris menjadikan aktiviti kebersihan menyeronokkan.

Pembudayaan kebersihan ini digerakkan secara agresif lagi diperingkat SRITI dengan mengajar anak-anak SRITI sebagaimana berikut:

- 1 Mencuci pinggan dan cawan selepas digunakan.
- 2 Penjagaan kebersihan tandas.
- 3 Penggunaan selipar tandas termasuk mengepam air selepas tandas digunakan.

Seawal sekolah rendah, anak-anak perlu diperkenalkan dengan cara dan kaedah yang betul untuk mengurus kebersihan. Mengurus diri sendiri di sekolah PASTI dipanjangkan ke SRITI dengan mengurus persekitaran menggunakan cara yang baik. Anak-anak diajar supaya menjaga kebersihan diri dan persekitaran agar hidup akan lebih sihat dan boleh menjadi amalan ketika berada di rumah masing-masing.

### SEKOLAH ALIRAN AGAMA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)

Kerajaan negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) mewujudkan sekolah-sekolah aliran agama pada peringkat menengah. Selain tambahan mata pelajaran yang mengguna pakai sukanan Timur Tengah terutama Maahad Bu'uth al-Azhari, Mesir, pelajar-pelajar juga diterapkan dengan penjagaan kebersihan.

Antara aktiviti harian, mingguan dan bulanan yang diperkenalkan pada peringkat sekolah adalah seperti berikut:

- 1 Jadual semakan kebersihan kelas secara harian.
- 2 Gotong-royong bulanan melibatkan bilik darjah dan kawasan sekolah.
- 3 Kempen kebersihan semasa perhimpunan secara bulanan.
- 4 Pertandingan kelas bersih dan cantik.
- 5 Denda bagi kelas kotor.

Pada peringkat PASTI dan SRITI, anak-anak hanya diperkenalkan dengan penjagaan kebersihan diri dan persekitaran dengan asas pengajaran sahaja, manakala di sekolah menengah aliran agama YIK diperkenalkan konsep denda bagi pelajar yang mengotori kawasan sekolah terutama bilik darjah.

Program denda membezakan pelajar sekolah rendah dan menengah. Pelajar-pelajar pada peringkat sekolah menengah yang sepatutnya telah tahu dan mengamalkan kebersihan seharusnya dikenakan hukuman. Penetapan ini selaras dengan faktor usia dan kaedah yang lebih keras diperkenalkan sebagai peringatan.

### PENUTUP

Semestinya pepatah “melentur buluh biarlah daripada rebungnya” adalah tepat dan membawa contoh pendidikan pada peringkat prasekolah sehingga peringkat menengah di negeri Kelantan sebagai bukti telah wujud ajaran yang baik buat anak-anak.

Ajaran yang baik dalam sistem pendidikan di negeri ini sepatutnya mampu melahirkan masyarakat yang mementingkan kebersihan. Oleh sebab itu, sepantas lalu sudut pandang ini membawa erti bahawa apa yang dipelajari pada peringkat sekolah seharusnya disambut baik oleh institusi keluarga malah masyarakat. Dengan kombinasi semua peringkat, pastinya negeri Tanah Serendah Sekebum Bunga ini akan seindah dan seharum namanya. ☺

# BUKAN DENDA TETAPI MENDIDIK

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: Muhd Asyraf Mad Razali

Bukan denda tetapi mendidik. Itu merupakan hasrat kerajaan negeri Kelantan dalam menguatkuaskan undang-undang berkaitan kebersihan. Tujuan utama penguatkuasaan adalah untuk menyuburkan budaya kebersihan dalam kalangan rakyat negeri ini. Ia adalah usaha kerajaan negeri untuk mengubah stigma negatif kelompok rakyat Malaysia yang melabelkan orang Kelantan sebagai pengotor.

Stigma itu sangat tidak bersesuaian dengan julukan Negeri Serambi Mekah yang diberikan kepada Kelantan. Malah ia sama sekali tidak bertepatan dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang sudah 29 tahun diamalkan di negeri ini iaitu sejak era pentadbiran mantan Menteri Besar, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.



Serbuhan atau pemeriksaan kebersihan dan kesihatan yang dibuat oleh MPKB-BRI di sekitar bandar Kota Bharu.

Sejak mula mengambil alih pentadbiran sehingga kini, kerajaan negeri sedia ada tidak pernah berhenti berusaha mengikis stigma negatif itu. Ia dilakukan secara berterusan bagi memastikan julukan Negeri Serambi Mekah tidak terus tercemar oleh tangan-tangan nakal rakyat yang suka membuat kekotoran.

## PERKASA UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

Aspek penguatkuasaan dilaksanakan melalui bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah undang-undang kecil sedia ada. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri, MPKB-BRI giat menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh kawasan seliaannya.

**Kawasan seliaan MPKB-BRI merangkumi tiga zon penguatkuasaan iaitu Zon A melibatkan kawasan pusat bandar, Zon B adalah sekitar Pengkalan Chepa dan Zon C merangkumi kawasan Salor serta Ketereh. Langkah penguatkuasaan dan pemantauan adalah bagi memastikan warga Kota Bharu menjadikan kebersihan sebagai perkara penting dalam kehidupan sehari-hari.**



Islam adalah agama yang cukup menitikberatkan soal kebersihan. Kerana itu MPKB-BRI lebih berani melakukan transformasi serta memperkasakan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran dan Pengurusan Sisa Pepejal. Ia bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat bagi menjaga kebersihan.



Pemerkasaan  
Undang-undang Kecil



Tiga Zon  
Penguatkuasaan



Pengawas  
Kebersihan



Kompaun Kebersihan  
Dikeluarkan



Meningkatkan  
Kemudahan Infra

Pegawai-pegawai  
penguatkuasa  
MPKB-BRI



## KESUNGGUHAN MPKB-BRI

Pemerkasaan undang-undang kecil berkenaan menampakkan kesungguhan MPKB-BRI untuk mengubah sikap masyarakat Kelantan agar lebih mementingkan kebersihan. Pindaan ke atas kedua-dua undang-undang kecil berkenaan telah dilaksanakan di peringkat negeri dan kini dalam proses untuk diwartakan bagi memperkemaskan lagi aspek penguatkuasaan.

Langkah memperkemaskan undang-undang pada peringkat punca kuasa akan memudahkan tugas MPKB-BRI. Ia bukan sahaja memudahkan PBT berkenaan menguatkuasakan undang-undang, malah membolehkan usaha mendidik masyarakat agar menitikberatkan kebersihan dilakukan secara berterusan.

Penggubalan dan pindaan undang-undang berkaitan kebersihan pada kali ini adalah lebih spesifik dan menyeluruh. Langkah ini diambil bagi memperbaiki kekhilafan yang membolehkan peruntukan undang-undang sedia ada dicabar oleh pelaku kesalahan. Ia juga akan memudahkan pihak PBT mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sepatutnya.

Pindaan berkenaan secara jelas menunjukkan komitmen tinggi MPKB-BRI dalam usaha mendidik masyarakat agar lebih mengambil serius isu kebersihan kerana kebersihan sebahagian daripada iman.



## PENGAWAS KEBERSIHAN

Sebagai langkah mendidik masyarakat, MPKB-BRI menempatkan pengawas-pengawas kebersihan bagi memantau kawasan-kawasan di zon A, B dan C. Tujuannya adalah untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku salah laku kebersihan melibatkan masyarakat ketika proses membuang sampah atau sebaliknya. Pengawas-pengawas berkenaan akan turut menjadi "mata-mata" kepada MPKB-BRI bagi membuat laporan sekiranya berlaku limpahan sampah di kawasan terlibat.

MPKB-BRI mempunyai seramai 16 orang pengawas kebersihan dilantik bagi memantau dan menguatkuasakan undang-undang. MPKB-BRI memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran peraturan sama ada oleh masyarakat atau mana-mana pihak. Peraturan perlu dihormati dan ia adalah ubat paling mujarab untuk membentuk disiplin dalam kalangan masyarakat.



Kompaun kebersihan turut dikeluarkan bagi memastikan kebersihan dijaga.

**Kempen Kelantanku Bersih**  
**Fasa 1 : Pendidikan**

Objektif:  
Meningkatkan kefahaman, kelakuan dan amalan berkaitan kebersihan dalam kalangan rakyat Kelantan

**BUDAYA KITO ORE KLATE**

**Jupo Sapoh Kutip**

**Tok Buwe Koksey**

**JUPO SAPOH KUTIP JANGE TOHOK KOKSEY**

**Kempen Kelantanku Bersih**

**Kempen Kelantanku Bersih**  
**Fasa 1 : Pendidikan**

Objektif:  
Meningkatkan kefahaman, kelakuan dan amalan berkaitan kebersihan dalam kalangan rakyat Kelantan

**Ini bukan**  
**BUDAYA KITO ORE KLATE**

**Buang Sampah Keluar Kenderaan**

**Letak Sampah Atas Kenderaan**

**JUPO SAPOH KUTIP JANGE TOHOK KOKSEY**

**Kempen Kelantanku Bersih**

## 10 KOMPAUN SEHARI

Purata 10 keping kompaun berkait dengan kebersihan dikeluarkan kepada individu yang melakukan kesalahan mengikut peruntukan undang-undang kecil MPKB-BRI. Ia memperlihatkan kesungguhan badan berkanan itu untuk membentuk masyarakat cakna kebersihan.

Nilai kompaun yang dikeluarkan ke atas kesalahan membabitkan kebersihan adalah bermula daripada RM150 sehingga RM500. Mengikut peruntukan undang-undang kecil, jika mana-mana individu yang terbabit dalam bidang perniagaan sudah dikompaun sebanyak tiga kali, MPKB-BRI akan batalkan terus lesen mereka.

MPKB-BRI sudah menjalankan empat operasi kebersihan ke atas premis-premis makanan sekitar kawasan Kota Bharu sepanjang tahun 2018. Ia melibatkan sebanyak 3,000 premis perniagaan dan daripada jumlah itu, sebanyak 2,000 premis sudah diperiksa. Baki 1,000 premis lagi dalam proses pemeriksaan.

Tahap kesedaran mengenai kebersihan sudah ada dalam kalangan masyarakat termasuk peniaga, namun amalan kebersihan sahaja yang belum dipraktikkan dengan baik. Oleh sebab itu, MPKB-BRI akan terus merangka pelbagai program bagi menjayakan agenda kerajaan negeri ke arah Kelantanku Bersih.



Kemudahan kebersihan dipertingkatkan dengan penambahan lori pengangkut sampah dan tong-tong sampah.

## PERLU SEIRING

Menyentuh berkenaan penyediaan kemudahan infra seperti lori dan tong sampah, Setiausaha MPKB-BRI menekankan bahawa ia perlu bergerak seiring dengan aspek penguatkuasaan. Pendekatan berkenaan akan dapat memastikan undang-undang kecil berkaitan kebersihan dapat dilaksanakan dengan baik.

Katanya, buat masa ini, MPKB-BRI sedang berusaha mempertingkatkan kemudahan infra. Ia merupakan langkah bagi memastikan proses penguatkuasaan dapat berjalan dengan lancar. Dalam pada itu, langkah berkenaan juga dapat menutup kritikan masyarakat apabila mereka berdepan dengan tindakan daripada MPKB-BRI berkaitan isu kebersihan.

"Apabila semua ini dapat kita sempurnakan, tidak akan ada lagi pengawas-pengawas kebersihan. Kita akan menggerakkan terus semua anggota penguatkuasa untuk mengambil tindakan terhadap pesalah. Ketika itu, kita tidak akan berkompromi dengan pesalah sebaliknya akan guna peruntukan yang ada untuk menguatkuasakan peraturan mengikut undang-undang kecil."


"Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mana PBT masih mengendalikan sendiri pengurusan sampah. Di negeri-negeri lain, kerja-kerja pengurusan sampah sudah diserahkan kepada kontraktor-kontraktor swasta," kata Hazmi.



## PENUTUP

Segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan pada hari ini adalah selaras dengan pelan strategik MMBI dan juga dasar MBI sendiri. Ia adalah sebuah dasar yang bertepatan dengan ajaran Islam dan sunnah Rasulullah SAW.

Umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW amat menekankan aspek kebersihan dalam kehidupan seharian. Justeru itu, rakyat perlu memberi sokongan penuh bagi menjayakan segala usaha dan hasrat kerajaan negeri ke arah Kelantanku Bersih. ☺



KOLEJ GENTERA  
ASUH DAN DIDIK



PENAMBAHAN  
AHLI GENTERA



MEMBUDAYAKAN  
AMALAN  
KEBERSIHAN



AKTIVITI  
GOTONG-ROYONG  
DAN SEBAGAINYA

## FOKUS PROJEK GENTERA

Ahli Gentera didaftarkan secara berkumpulan dari setiap jajahan bagi mengikuti projek Gentera. Mereka diyakini akan menjadi generasi sejahtera kreatif. Dalam erti kata lain menjadi generasi contoh daripada aspek pemahaman, penghayatan dan pengalaman dasar MMBI.

Lima fokus projek Gentera adalah:

- 1 Melahirkan ahli dengan karakter sejahtera.
- 2 Melahirkan ahli sebagai operator sejahtera.
- 3 Menampilkkan ahli menerusi dialog sejahtera.
- 4 Melahirkan ahli Gentera dalam kesenian sejahtera.
- 5 Menggerakkan ahli merentasi nilai-nilai kesejahteraan.

Selain itu, ahli-ahli Gentera perlu memiliki ciri-ciri berikut:

Sebagai agen perubahan yang mendorong rakan sebaya berpaksikan nilai-nilai Islam. <b>1</b>	Sebagai rakan strategik sesama belia dalam berkongsi maklumat, ilmu dan berinteraksi memberi pandangan. <b>2</b>
Sebagai belia yang mempunyai semangat patriotik, cinta dan mempertahankan tanah air. <b>3</b>	Sebagai belia yang soleh dan baik melalui pengalaman ibadat berterusan. <b>4</b>
Sebagai belia yang arif mengenai dasar kerajaan negeri Kelantan dan mampu menterjemah serta menggerakkannya dalam bentuk lisan maupun tindakan. <b>5</b>	Sebagai belia Kelantan yang secara statistiknya kurang kadar jenayah dan gejala sosial. <b>6</b>
Sebagai belia dan duta yang menyalurkan informasi kerajaan negeri kepada segenap lapisan masyarakat. <b>7</b>	Sebagai belia yang berakhlik, berdisiplin dan menguasai visi serta objektif dasar MMBI. <b>8</b>
Sebagai perunding solusi kepada persoalan dan hala tuju generasi muda. <b>9</b>	Sebagai belia yang patuh dan taat kepada pemilik alam. <b>10</b>



## GENERASI SEJAHTERA ISLAM (GENTERA) MELAHIRKAN GENERASI SEJAHTERA DAN LESTARI

Oleh: Nasruddin Muhaidin, Pengarah U-Be

Generasi Sejahtera Islam (Gentera) adalah pendekatan bagi mengenal pasti warga Kelantan yang lahir selepas tahun 1990 dan berumur antara 18 hingga 29 tahun. Ia terbina daripada sosialisasi dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Ahli Gentera adalah pewaris dan penyambung nilai-nilai kesejahteraan yang menjadi matlamat pembangunan di bawah dasar Merakyat MBI (MMBI).

Gentera diorientasikan sebagai penggerak rakan sebaya menerusi aktiviti berkonsepkan kesukarelawan dan kesejahteraan rakyat. Ia dibangunkan melalui kerjasama strategik antara beberapa agensi dan badan bukan kerajaan (NGO). Kerangka program Gentera ialah melahirkan kumpulan generasi pewaris dasar MMBI berteraskan konsep Ubudiyyah, Masuliyah dan Itqan (UMI).

"Fokus kita adalah pembinaan kefahaman teras UMI dalam skop kesejahteraan hidup, keupayaan menggerakkan nilai-nilai kesejahteraan dan pelaksanaan program ke arah melebarkan kefahaman, penghayatan dan pengalaman nilai-nilai hidup sejahtera kepada kumpulan sasar," katanya.



Program Kolej Gentera 2019.

## KOLEJ GENTERA 2019

Program berbentuk kolej pengajian iaitu Kolej Gentera 2019 dilaksanakan bagi merealisasikan projek Gentera 2019. Ia berlangsung pada setiap hari Jumaat dan Sabtu selama 10 minggu bermula 4 Januari 2019 bertempat di Syabab Point Kota Bharu. Selain pendedahan secara teori dalam bidang operator, moderator, karikatur dan aktivis kelestarian, peserta juga akan mengikuti latihan amali bersama kumpulan tenaga pakar dan berpengalaman.

Pada minggu tertentu, peserta Kolej Gentera 2019 akan bersaing di pentas realiti bagi merebut kejuaraan dalam bidang masing-masing. Hadiah yang ditawarkan berbentuk wang tunai dan sebagainya. Peserta Kolej Gentera 2019 akan dibayar elauan berpadanan serta menerima beberapa keistimewaan lain.

Peserta terikat dengan jadual, program dan peraturan yang mesti dipatuhi bagi mengelak penarikan balik keistimewaan yang diberikan. Bagaimanapun, diharap insentif tersebut bukan menjadi matlamat utama peserta tetapi sebagai galakan untuk bersama-sama menjayakan hasrat serta matlamat Kolej Gentera iaitu melahirkan komuniti yang benar-benar menghayati nilai dan falsafah MMBI.

Peserta juga akan didedahkan dengan beberapa aktiviti lain sepanjang Kolej Gentera 2019 berlangsung. Antaranya adalah kunjungan hormat pimpinan utama kerajaan negeri Kelantan, lawatan agensi, program bual bicara dan aktiviti bersesuaian dengan cita rasa belia.



Lawatan peserta Kolej Gentera ke agensi-agensi kerajaan.

## KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KELESTARIAN

Kebersihan, keceriaan dan kelestarian alam sekitar adalah isu global tanpa penghujung. Malaysia juga tidak terkecuali daripada berdepan isu sama termasuk usaha menggerakkan setiap lapisan masyarakat untuk bersama-sama menangani isu kelestarian alam.

Dalam ucapan Tahun Baru 1440 Hijrah, Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob menyatakan tiga fokus yang perlu diberikan penekanan termasuk isu kebersihan. Ini bermakna, negeri ini belum terlepas daripada belenggu sampah dan kekotoran.

Gentera menyahut seruan tersebut dengan memberi tumpuan kepada pembentukan komuniti aktivis bagi menjaga alam sekitar. Program Kolej Gentera 2019 turut memuatkan sukan dalam aspek kelestarian dengan memberi penekanan kepada melahirkan budaya cakna kebersihan dalam kalangan masyarakat Kelantan.

Peserta Kolej Gentera 2019 akan berbincang mencari solusi, mengemukakan pandangan dan cadangan dalam isu kebersihan yang akhirnya akan dikemukakan kepada pihak kerajaan. Secara amalinya, komuniti Gentera akan menyusun beberapa aktiviti melibatkan kelestarian. Ia tidak terhad kepada aktiviti gotong-royong malah turut melibatkan aktiviti mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk diubah menjadi lebih baik.

Selain itu, beberapa agenda lain akan turut dirangka bersama dalam usaha merealisasikan hasrat kebersihan, keceriaan dan kelestarian alam sekitar. Ia akan melibatkan kerjasama yang bersepadu daripada pelbagai pihak dan bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum:41;

**Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).** ☐



Budaya cakna kebersihan turut diterapkan dalam diri para peserta.



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

PERBADANAN KEMAJUAN  
IKTISAD NEGERI KELANTAN

“Penggerak  
Pembangunan  
Ummah”



## MISI KORPORAT

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan ummah.

Bangunan PKINK,  
Peti Surat 142,  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu, Kelantan.



الأنصار  
AL-ANSAR

[pkink@pkink.gov.my](mailto:pkink@pkink.gov.my)

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

Tel : 097414141

Faks : 097414140



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

# TEKNOLOGI HIJAU PENGURUSAN SAMPAH


Oleh: Mustaqim Amir Azuri Mohamed Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Kerajaan negeri Kelantan mengambil pelbagai inisiatif untuk merealisasikan Kelantan Bersih. Antaranya dengan memberi tanggungjawab mengurus tapak pelupusan sisa pepejal di negeri ini kepada Kelantan Utilities Mu baarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUM). Inisiatif ini diambil demi menuju ke arah pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal secara holistik dan melangkaui sempadan daerah. Sekali gus mengurangkan beban Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menguruskan kebersihan awam.

KUM adalah anak syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang ditubuhkan pada 29 November 2007. Matlamat utama penubuhan adalah untuk bertindak sebagai syarikat pemegang pelaburan bagi pihak kerajaan negeri dalam sektor utiliti dan teknologi hijau.

KUM memiliki dua anak syarikat iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) selaku operator bekalan air dan Majaari Services Sdn Bhd (MSSB) bagi pengurusan pembetungan. Ia turut memiliki dua syarikat bersetuju iaitu Sihat-Afiat Sdn Bhd (SASB) sebagai pengeluar air mineral dan Pengurusan Sisa Pepejal Mubaarakan Sdn Bhd (PSPM) yang bertanggungjawab dalam pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal.





**SANITARY LANDFILL**  
Tapak pembuangan sisa yang diasingkan dan terpencil daripada pemandangan umum. Mempunyai ciri-ciri mesra alam dan kawalan terhadap sumber biologi, kimia dan fizikal serta selamat untuk alam sekitar.

**MATERIAL RECOVERY FACILITY**  
Fasiliti khas yang bertanggungjawab dalam memproses sisa dengan menerima, mengasingkan dan menyediakan bahan kitar semula untuk pemasaran kepada pengguna.

**LEACHATE TREATMENT PLANT**  
Loji khas yang bertanggungjawab dalam merawat air resapan di tapak pelupusan bagi mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.

## TAPAK PELUPUSAN BERIS LALANG

Bermula 1 Mei 2018, KUM telah mengambil alih pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal milik Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) di Beris Lalang, Bachok. Namun aktiviti mengutip sampah kekal di bawah tanggungjawab PBT di setiap jajahan. Tapak Pelupusan Beris Lalang (TPBL) adalah tapak pelupusan sisa pepejal yang menerima aman sampah terbanyak di negeri ini.

**TPBL menerima sampah dari empat daerah iaitu Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Ketereh dengan jumlahnya mencecah antara 300 hingga 350 tan sehari. Kebanyakan sampah adalah sisa pepejal domestik yang dijana oleh penduduk di empat daerah berkenaan. Pecahan purata sisa pepejal diterima dalam sehari adalah sisa domestik sebanyak 300 hingga 315 tan, sisa komersial sebanyak 10 tan dan sisa binaan sebanyak 5 tan.**

Langkah menuju ke arah pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal secara holistik akan dibuat menerusi penyediaan dan pelaksanaan Pelan Induk Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Negeri Kelantan. Antara pelan yang dimasukkan adalah pembangunan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari sebagaimana diluluskan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

KUM juga akan mengkaji potensi untuk membangunkan loji jana kuasa biogas di tapak pelupusan. Begitu juga dengan kemungkinan membangunkan kilang memproses bahan kitar semula di Kelantan. Kilang ini diharap dapat membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

## KESEDARAN MASYARAKAT DAN PENGASINGAN SAMPAH

Tidak dapat disangkal bahawa majoriti isu kebersihan adalah berpunca daripada sikap masyarakat. Bagi KUM, tanggungjawab membentuk kesedaran masyarakat memerlukan kerjasama semua pihak. Kerajaan dan PBT tidak harus dibiarkan memegang tanggungjawab ini bersendirian.

KUM menyatakan kesediaan untuk bersama-sama memainkan peranan bagi membentuk kesedaran masyarakat terhadap kebersihan. Mereka bersedia menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha ini. Malah KUM bersedia untuk berpadu tenaga dengan mana-mana pihak berkaitan alam sekitar dan penjagaan kebersihan awam bagi mengadakan kumpen serta aktiviti kesedaran awam.

Rakyat Kelantan perlu mula mengamalkan langkah mengasingkan sampah di rumah. KUM menekankan betapa pentingnya sistem dan peraturan pengasingan sisa pepejal dikuatkuasakan bagi memastikan rakyat melaksanakan aktiviti pengasingan sampah yang mana aktiviti ini akan menyumbang kepada peningkatan tahap kebersihan negeri.

## TEKNOLOGI HIJAU DALAM PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Aktiviti pengasingan sampah di rumah merupakan elemen penting untuk mengaplikasikan teknologi hijau dalam pengurusan sisa pepejal. Menurut KUM, penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan sisa pepejal seharusnya bermula di rumah atau premis masing-masing. Disebabkan tiada aktiviti pengasingan sampah di setiap premis pada masa kini, pihak KUM terpaksa mengambil lebih masa untuk menjalankan aktiviti kitar semula di TPBL.

Aktiviti pengasingan sampah di premis akan memberi kesan besar kepada persekitaran dan alam sekitar. Ia juga dapat membantu menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal dan pembersihan di negeri ini. Penghuni premis juga perlu mengasingkan sisa makanan dari pada sisa-sisa lain. Sisa makanan mewakili 50 peratus sisa pepejal yang dijana di setiap premis. Ia sebenarnya boleh dikompos untuk menghasilkan baja bagi kegunaan sendiri atau dijual.

Sisa seperti plastik, kaca dan lain-lain boleh dijual kepada pengusaha barang kitar semula. Namun aktiviti seumpama itu belum dilaksanakan secara meluas di Kelantan. Antara faktor penyumbang kepada ketiadaan aktiviti pengasingan sampah adalah kesedaran amalan kitar semula yang agak rendah dalam kalangan rakyat Kelantan. Faktor lain adalah sistem kutipan yang tidak menyokong amalan pengasingan sampah di premis. Natijahnya, aktiviti pengasingan sampah terpaksa dilakukan di tapak pelupusan.

Aktiviti pengasingan sampah di premis akan memudahkan pembeli barang kitar semula membeli bahan buangan ini. Ia sekali gus dapat menarik pelbagai pelabur dalam sektor kitar semula ke Kelantan. Peningkatan pelaburan dalam sektor ini akan meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan.

Botol plastik, kaca, kertas atau sisa dapur yang tidak diasingkan memerlukan satu proses khas dijalankan di tapak pelupusan sisa pepejal. Menurut KUM, kos akan meningkat kerana fasiliti khas perlu disediakan untuk aktiviti pengasingan sampah.

## PENINGKATAN TEKNOLOGI

Sehubungan potensi peningkatan pelaburan dalam sektor kitar semula, KUM melalui PSPM akan melaksanakan aktiviti pengasingan sisa pepejal secara bersistematis. Ia dilaksanakan melalui pemasangan atau penggunaan Material Recovery Facility (MRF) di

TPBL. Penggunaan MRF akan mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan.

**Selain itu, sisa makanan akan digunakan untuk penghasilan gas manakala sisa plastik diproses untuk menghasilkan biofuel. Sisa-sisa lain akan dijual kepada vendor barang kitar semula. Kaedah ini membolehkan hayat penggunaan tapak pelupusan sisa pepejal dilanjutkan.**



Kerja menaik taraf tapak pelupusan yang sedia ada kepada sebuah Sanitary Landfill sedang diusahakan.

KUM akan turut melaksanakan kerja menaik taraf tapak pelupusan sedia ada kepada sebuah Sanitary Landfill melalui pelaksanaan langkah-langkah tertentu. Salah satu langkahnya adalah pembangunan Leachate Treatment Plant bagi merawat air resapan di tapak pelupusan bagi mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. Langkah lain adalah melalui pembinaan loji biogas bagi mengumpul gas untuk penjanaan elektrik dan menutup selamat kawasan sampah yang sudah tidak digunakan.

## FOKUS LAIN

KUM telah cuba menyumbangkan yang terbaik kepada negeri Kelantan melalui aktiviti peringkat syarikat, anak syarikat dan syarikat bersekutu. Antaranya, membantu kerajaan negeri menguruskan bekalan air bersih kepada masyarakat melalui operasi AKSB. Juga membantu kerajaan negeri menyelesaikan masalah pengurusan sisa kumbahan melalui penubuhan MSSB.

Selain itu, KUM turut membantu kerajaan negeri merangka dan melaksana Pelan Induk Pembangunan Mapan (PIPM) Negeri Kelantan. Antara perkara digariskan melalui PIPM adalah mengenal pasti kedudukan negeri ini daripada segi pencapaian pembangunan mapan. Ia turut menggariskan hasrat yang ingin dicapai oleh kerajaan negeri dalam aspek pembangunan mapan.

Selain itu, KUM turut membantu untuk menggariskan rangka kerja bagi mencapai hasrat kerajaan negeri dalam sudut pembangunan mapan. Begitu juga dengan struktur tadbir urus kerajaan negeri dalam memastikan PIPM dapat dicapai.

# INFRASTRUKTUR KEBERSIHAN DI KOTA BHARU

## PERLUKAN KESEDARAN MASYARAKAT

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed



Hazmi Abdul Hamid  
Setiausaha MPKB-BRI

Umum mengetahui bahawa isu kebersihan di negeri Kelantan merupakan satu isu tanpa noktah dan terus diperkatakan sehingga ke hari ini. Banyak pihak tampil dengan pelbagai pandangan dalam isu ini apakah lagi apabila membahaskan hasrat kerajaan negeri untuk mencapai Kelantan Bersih.

Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) sebagai salah satu jabatan pelaksana pengurusan kebersihan juga pasti mempunyai pandangan mereka sendiri. Boleh dikatakan MPKB-BRI telah menyediakan pelbagai kemudahan prasarana demi menjaga kebersihan sekitar Kota Bharu. Namun, segala kemudahan yang disediakan pasti tidak akan memberi apa-apa makna tanpa ada kerjasama daripada semua pihak terutama masyarakat dalam menjaga dan menguruskan kebersihan.

Kerjasama dan kesedaran masyarakat merupakan perkara utama yang disentuh oleh Setiausaha MPKB-BRI, Hazmi Abdul Hamid ketika membicarakan isu pengurusan kebersihan di Kota Bharu. Namun, beliau tidak menafikan bahawa kemudahan infrastruktur kebersihan perlu diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

**"Kita sedang berusaha untuk menyelaras-kan semua kemudahan infrastruktur keber-sihan di Kota Bharu. Kita turut menerima sumbangan serta bantuan daripada jaba-tan-jabatan lain dalam usaha ini. Malah Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) juga turut memberi sumbangan".**

"Ini adalah antara usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan MPKB-BRI dalam me-nyediakan kemudahan-kemudahan kebersihan di kawasan Kota Bharu. Sebenarnya kita sudah mempunyai infrastruktur kebersihan termasuk lori-lori pengangkut sampah, tong-tong sampah dan sebagainya. Namun kita merasakan ia perlu dipertingkatkan demi mencapai hasrat Kelantan Bersih," kata beliau.

## Kempen Kelantanku Bersih Fasa 1: Pendidikan

Objektif:

- Memberi galakan kepada anak-anak supaya sentiasa menjaga kebersihan
- Memberi pendedahan tentang cara-cara membasuh tangan dengan betul

زون برسيه

ZON BERSIH

DILARANG  
MEMBUANG  
SAMPAH  
MERATA-RATA  
**DENDA RM500**

JUMPA SAMPAH KUTIP !

AKUAN

TIDAK

BUANG

SAMPAH

PADA

TEMPATNYA !

ORANG BERIMAN

MEMBUANG

SAMPAH

PADA

TEMPATNYA !



1. Kutip Sampah

# AISUKE

(Aiskrim Untuk Kebersihan)

\*Aktiviti Khusus Untuk Anak-Anak Sewaktu Program Ria Sakusa



2. Serahkan kepada urusetia



3. Dapat aiskrim PERCUMA

Pelbagai kempen dijalankan untuk mendidik masyarakat agar menjaga kebersihan.

### TIGA ZON KEBERSIHAN

Menurut Hazmi, secara keseluruhannya, buat masa ini MPKB-BRI mempunyai 20 buah lori sampah, namun hanya 19 dapat digunakan. MPKB-BRI kini dalam perancangan untuk menambah bilangan kemudahan ini dan berharap untuk mencapainya pada tahun 2019. Perancangan ini adalah antara langkah perlu bagi melancarkan lagi pengurusan kebersihan di sekitar kawasan Kota Bharu.

"Kita mempunyai tiga jenis lori pengangkut sampah setakat ini iaitu lori kompaktor, lori half-moon dan lori jenis RORO yang boleh memasuki lorong-lorong kecil. Selain itu, kita mempunyai sebuah kren untuk kerja-kerja mengangkut sampah berat seperti pokok-pokok yang ditebang. Semua 19 buah lori pengangkut sampah berkenaan kita gunakan untuk memberi perkhidmatan di dua zon kebersihan sekitar Kota Bharu", jelas Hazmi.

Tambah beliau, perkhidmatan mengangkut sampah di Zon A dan Zon B dilaksanakan sendiri oleh MPKB-BRI. Di Zon C pula, perkhidmatan mengangkut sampah diserahkan kepada pihak swasta. Langkah ini diambil bagi memastikan kelancaran perkhidmatan berkenaan di semua kawasan sekitar Kota Bharu serta meringankan bebanan MPKB-BRI agar mereka boleh memberi tumpuan kepada Zon A dan Zon B.

MPKB-BRI juga telah mewujudkan Zon Bersih di sekitar kawasan Kota Bharu. Menurut Hazmi, tumpuan serta penyediaan prasarana kebersihan diberikan lebih keutamaan di Zon Bersih bergantung kepada kemampuan MPKB-BRI. Bagaimanapun kepentingan di lain-lain kawasan tidak pernah diabaikan.

### TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Dalam pada itu, Hazmi menekankan bahawa masyarakat tidak boleh bergantung 100 peratus kepada penyediaan prasarana kebersihan. Begitu juga dalam aspek pengurusan kebersihan yang mana tanggungjawab itu tidak boleh diletakkan di atas bahu MPKB-BRI sepenuhnya. Kesedaran dan kerjasama daripada masyarakat adalah lebih penting dalam memastikan kebersihan berada pada tahap terbaik.

Beliau berpendapat, cara terbaik untuk benar-benar mencapai hasrat Kelantan Bersih adalah dengan kembali kepada konsep *an-nazofatu minal iman* atau kebersihan sebahagian daripada iman. Kerana itulah MPKB-BRI menggerakkan Jabatan Pembangunan Islam untuk meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan dalam kalangan masyarakat.

"Sekarang ini MPKB-BRI berusaha untuk menghidupkan konsep kebersihan sebahagian daripada iman dalam erti kata sebenar. Konsep ini sekali gus bersesuaian dengan keupayaan MPKB-BRI dalam menyediakan prasarana serta perkhidmatan kebersihan di seluruh kawasan Kota Bharu. Kita juga mahu masyarakat sedar bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan ini turut menjadi tanggungjawab mereka".

"Kita turut menggerakkan semua jawatankuasa penduduk (JKP) untuk membawa kesedaran ini kepada masyarakat. Selain itu, kita adakan kursus kepada pemegang lesen MPKB iaitu golongan peniaga yang mana sebenarnya mereka 'wajib' menjaga aspek kebersihan mengikut syarat lesen," katanya.



Usaha berterusan tidak mengira masa sama ada siang atau malam.

## AMALAN KEBERSIHAN MASIH RENDAH

Melalui pemerhatian yang dijalankan, Hazmi berpendapat bahawa masyarakat Kelantan sudah pun mempunyai kesedaran berkenaan kebersihan. Namun apa yang menjadi masalah adalah tahap amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat masih rendah. MPKB-BRI berusaha meningkatkan kesedaran tentang perkara ini dari semasa ke semasa melalui pelbagai aspek termasuk penguatkuasaan dan kompaun.

"Melalui pemerhatian, MPKB-BRI melihat bahawa kebanyakan peniaga seperti enggan mengambil inisiatif sendiri dalam memastikan kebersihan. Mereka sudah mempunyai kesedaran tentang kebersihan tetapi masih meletakkan aspek pengurusan kebersihan sebagai tanggungjawab penuh MPKB-BRI. Mentaliti inilah yang mahu kita ubah".

"Masalah utama sekarang ini adalah masyarakat meletakkan tanggungjawab menguruskan kebersihan secara 100 peratus di atas bahu MPKB-BRI. Mereka perlu sedar bahawa dengan kemudahan prasarana sedia ada sekarang ini, pastinya MPKB-BRI tidak mampu menangani semua masalah kebersihan secara bersendirian. Isu kebersihan ini memang memerlukan kesedaran dan kerjasama daripada seluruh anggota masyarakat," tegas beliau.

## MEMINIMUMKAN KUTIPAN BERPUSAT

Seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di seluruh negara, MPKB-BRI turut mempunyai hasrat untuk melaksanakan sistem pengasingan sampah daripada punca. Bagaimanapun, perjalanan ke arah itu masih begitu jauh berikutan permasalahan pada masa kini belum dapat diselesaikan termasuk menyuntik kesedaran untuk kitar semula".



Tong kitar semula turut disediakan.

"Sekarang ini MPKB-BRI sedang berusaha membangkitkan kesedaran mengenai kitar semula dengan menyediakan tong-tong kitar semula di sekolah-sekolah dan masjid-masjid. Kita juga menyediakan pusat kitar semula di tiga lokasi sekitar Kota Bharu. Untuk sistem pengasingan sampah daripada punca, kita belum ada jangkaan bila akan dikuatkuasakan tetapi pelan tindakan ke arah itu bakal dimulakan pada tahun 2019 termasuk mewujudkan pusat mini pemindahan sisa pepejal".

"Kita juga mahu memperkasakan sistem kutipan sampah dari pintu ke pintu bagi meminimumkan sistem kutipan sampah berpusat. Sistem ini telah kita laksanakan di 150 taman perumahan sekitar Kota Bharu dan bakal dilaksanakan pada baki 60 taman perumahan lagi pada tahun 2019," kata Hazmi.

Tambah beliau, MPKB-BRI kini dalam perancangan untuk menambah bilangan lori pengangkut sampah demi memperkasakan sistem kutipan dari pintu ke pintu. Mengikut data perolehan, ia dijangka akan dapat dilaksanakan menjelang April atau Mei 2019. Dalam pada itu, Hazmi berharap masyarakat Kelantan dapat berubah kepada lebih baik dalam amalan kebersihan, termasuklah dalam aspek pembuangan sampah dengan cara yang betul dan mematuhi jadual kutipan sampah. 

# KEBERSIHAN C E R M I N KEIMANAN

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

*"Syahadan, adalah rumah-rumah mereka itu atap lagi perbuatannya tidak senonoh. Maka di bawah rumahnya itu penuhlah dengan longkang dan sampah-sampah. Maka adalah beberapa rumah yang saya masuk ke dalamnya sebab hendak melihat peraturannya. Maka saya lihat dari hal tempat tidur mereka itu dan perkakas mereka itu, dan daripada makan minum mereka itu, sekaliannya dengan kekotoran adanya; lagi tiap-tiap rumah itu busuk baunya" - Abdullah Munsyi (1796 - 1854)*

Sungguhlah kebenaran itu pahit untuk ditelan. Begitulah juga kritikan pedas Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munsyi terhadap kehidupan orang Kelantan. Hakikatnya kritikan itu lahir daripada pengamatan beliau sepanjang pelayarannya dari Singapura ke Kelantan dan dimuatkan dalam karya "Kisah Pelayaran Abdullah" yang diterbitkan pada tahun 1938 di Singapura.

"Inilah kritikan yang sentiasa saya suarakan kepada imam-imam masjid seluruh Kelantan setiap kali bertemu mereka. Jujurnya, kita sendiri tahu bagaimana sikap masyarakat Kelantan dalam soal kebersihan. Sikap yang dibawa sejak abad ke-19 atau mungkin lebih lama sehingga kini."

"Sebab itu kita perlu didik masyarakat Kelantan untuk buat anjakan paradigma dan lebih peka terhadap amalan kebersihan. Ia boleh bermula di masjid dan diperluaskan ke semua kawasan termasuk tempat tinggal dan rumah," kata Mohd Afifi Ahmad@Ahmad Ashaari yang merupakan Pegawai Hal Ehwal Masjid Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).



#### DIDIKAN MELALUI MASJID

#### TEGURAN SESAMA SENDIRI

#### BRIGED IKHWAN

#### LABEL (PEMBERITAHUAN) DIPERBANYAKKAN

#### KENAL PASTI TUMPUAN MASJID

#### GALAKAN MELALUI PERTANDINGAN

#### SUNTIKAN SEMANGAT

**Mohd Afifi Ahmad@Ahmad Ashaari**  
Pegawai Hal Ehwal Masjid  
Majlis Agama Islam dan Adat  
Istiadat Melayu Kelantan  
(MAIK)



#### MASYARAKAT PERLU DITEGUR

Berhubung sikap masyarakat dan jemaah dalam amalan kebersihan, Mohd Afifi dengan jelas mengatakan mereka perlu ditegur terutamanya dalam menjagaan kebersihan dan penggunaan tandas. Ini termasuklah sikap segelintir anggota masyarakat yang masih tidak mengepam air selepas menggunakan tandas sebaik selesai melepaskan "hajat" mereka.

"Dalam usaha menegur masyarakat, MAIK ambil pendekatan menggunakan khutbah Jumaat sebagai medium penyampai. Ia boleh dianggap sebagai medium utama bagi menyampaikan pesanan, peringatan dan nasihat kepada seluruh rakyat Kelantan. Kita terapkan perihal kepentingan amalan kebersihan dalam khutbah Jumaat setiap minggu. Malah MAIK turut menyediakan khutbah khusus mengenai kebersihan," katanya.

Selain khutbah Jumaat, MAIK turut mengadakan Kursus Kebersihan dan Keceriaan Masjid kepada imam-imam seluruh Kelantan. Ia bertujuan melatih imam serta ahli jawatankuasa masjid mengenai kaedah atau langkah untuk menasihati serta menerapkan kepekaan dan amalan kebersihan kepada masyarakat.

Taklimat diberikan kepada adik-adik Briged Ikhwan sebelum aktiviti bermula di Masjid Sultan Muhammad II Telipot.



## BRIGED IKHWAN

MAIK menyokong penuh usaha yang dilaksanakan oleh masjid-masjid dalam mendidik masyarakat mengenai amalan kebersihan. Malah usaha berkenaan digalakkan agar dimulakan daripada peringkat awal usia menggunakan konsep "melentur buluh biarlah daripada rebungnya". Sokongan MAIK terhadap usaha ini turut dizahirkan melalui pewujudan Briged Ikhwan yang dianggotai oleh kanak-kanak, remaja dan belia.

**Menurut Mohd Afifi, Briged Ikhwan ditempatkan di masjid-masjid bandar seluruh negeri ini. Tenaga briged ini boleh digunakan oleh masjid-masjid mukim yang berada di bawah pentadbiran masjid bandar di setiap jajahan. Malah MAIK juga menggalakkan masjid-masjid berkenaan menetapkan jadual bagi pergerakan briged ini ke masjid-masjid seluruh jajahan.**

"Terdapat sebanyak 598 masjid di seluruh Kelantan. 17 daripadanya adalah masjid bandar yang merupakan masjid utama jajahan. Masjid bandar bertanggungjawab memantau pentadbiran dan pengurusan masjid mukim kategori A dan masjid mukim biasa di seluruh jajahan. Sebanyak 35 masjid mukim kategori A di seluruh Kelantan dan selebihnya adalah masjid mukim biasa. Briged Ikhwan ditempatkan di masjid-masjid bandar. Masjid mukim daripada kedua-dua kategori boleh menggunakan khidmat Briged Ikhwan untuk kerja-kerja imarah masjid dan kebersihan dengan memaklumkan masjid bandar di jajahan masing-masing," katanya.

Tambahnya, MAIK memang menggalakkan semua masjid memanfaatkan khidmat Briged Ikhwan. Di samping membantu menghidupkan masjid, Briged Ikhwan boleh membantu usaha mendidik dan menerapkan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat melalui program gotong-royong membersihkan masjid, kawasan perkuburan dan kawasan-kawasan lain.

Briged Ikhwan telah dilatih dengan semangat kesukarelawanan. Keberadaan briged ini dalam ke-

lompok masyarakat perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Paling penting, imam-imam perlu bergerak secara proaktif bagi menjadualkan dan mencorakkan pergerakan briged ini di jajahan masing-masing.

## MENGHIDUPKAN KEBERSIHAN SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN

Berpandukan konsep *an-nazofatu minal iman*, MAIK menggalakkan semua imam menerapkan aspek amalan kebersihan dalam pengurusan masjid. Antara langkah yang dilaksanakan adalah dengan meletakkan label-label bertulis "Kebersihan Sebahagian Daripada Iman" di lokasi-lokasi spesifik sekitar masjid termasuk di tandas bagi mendidik masyarakat.

Mohd Afifi menegaskan bahawa imam-imam memainkan peranan penting dalam soal ini. Mereka digalakkan untuk sentiasa menyebut "kebersihan sebahagian daripada iman" atau "kebersihan itu mencerminkan keimanan" sama ada dalam khutbah Jumaat, kuliah atau sebagainya.

"MAIK amat mementingkan pengurusan kebersihan di masjid-masjid seluruh Kelantan. Setiap masjid diberikan peruntukan tahunan berjumlah RM3,000 untuk pengurusan kebersihan. MAIK juga memberi ruang kebebasan bagi pihak masjid mengatur dan mengambil inisiatif sendiri dalam aspek pengurusan kebersihan", menurut Mohd Afifi.

**"Pentadbiran dan pengurusan masjid bandar dipantau secara terus oleh MAIK dan sememangnya disediakan petugas khas untuk kebersihan yang merupakan penjawat awam. Bagi masjid mukim, kita galakkan mereka mengembangkan peruntukan yang diberikan dan mengambil inisiatif dalam pengurusan kebersihan. Terpulang kepada mereka bagaimana memanfaatkan peruntukan diberikan. MAIK juga membayar eluan bulanan siak yang bertugas di masjid-masjid sekitar negeri ini," katanya.**

## MASJID MUKIM KATEGORI A

MAIK memberi perhatian kepada semua masjid mukim yang berada di bawah pemantauan masjid bandar. Namun tumpuan yang lebih diberikan kepada masjid mukim kategori A berdasarkan keperluan semasa. Masjid mukim kategori A merupakan masjid-masjid yang berada di lokasi strategik dan menjadi persinggahan orang ramai dari semasa ke semasa.

Katanya, peruntukan tambahan juga diberikan kepada masjid mukim kategori A bagi memastikan pengurusan kebersihannya berjalan lancar dan sentiasa terjaga. Tegasnya, ia bukan semata-mata untuk menjaga imej masjid, malah lebih penting adalah keselesaan pengunjung serta jemaah dan

diharap ia dapat menjadi contoh kepada masjid-masjid mukim yang lain.

MAIK amat menitikberatkan aspek kebersihan di masjid mukim kategori A. Antara perkara yang diberikan keutamaan adalah kebersihan tandas. Perkara ini sentiasa ditekankan dalam seminar, program atau mesyuarat bersama imam yang mana mesyuarat bersama imam masjid bandar dan masjid mukim kategori A diadakan sebulan sekali. Tumpuan mesyuarat adalah berkenaan pengurusan masjid termasuk kebersihan dan keceriaan.

**"Apabila jemaah, pengunjung atau musafir datang ke masjid, antara tempat pertama yang mereka tuju adalah tandas. Sebab itu MAIK amat mementingkan kebersihan tandas masjid. Kita tegaskan kepada imam dan jawatankuasa masjid agar memastikan kebersihan tandas sentiasa terjaga dan mesra masyarakat," kata Mohd Afifi.**

## INISIATIF MAIK

Demi memastikan tahap kebersihan masjid terjaga, MAIK mengambil beberapa inisiatif termasuk memastikan ada slot untuk kebersihan dalam setiap program dianjurkan. Pertandingan masjid terbersih dan terbaik turut diadakan pada sambutan Maal Hijrah setiap tahun. Melalui pertandingan ini, kesemua 10 jajahan perlu memilih sebuah masjid bagi mewakili jajahan masing-masing.



Istimewanya pertandingan ini adalah ia bukan sekadar meraikan masjid tetapi pekerja kebersihan. Bagi masjid yang muncul juara pertandingan berkenaan, siaknya akan turut menerima hadiah wang tunai RM1,000. Ia sebagai galakan kepadanya untuk mempertingkatkan aspek pengurusan kebersihan dan keceriaan masjid.

MAIK juga menggalakkan setiap jajahan menganjurkan pertandingan masjid terbersih/terbaik melibatkan semua masjid dalam jajahan masing-masing. Masjid yang muncul juara pada peringkat jajahan boleh dicalonkan sebagai wakil jajahan ke pertandingan peringkat negeri.

"Kita turut melaksanakan aktiviti *naziran* ke masjid-masjid seluruh negeri dari semasa ke semasa bagi memantau tahap kebersihan dan keceriaan masjid. Borang penilaian disediakan untuk memastikan tahap kebersihan dan keceriaan mencapai spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

**Lawatan mengejut turut diadakan bagi pemerintahan pengurusan kebersihan di setiap masjid. Laporan akan dikeluarkan dan jika didapati tahap kebersihan masjid tidak memuaskan, MAIK akan memanggil imam untuk berbincang dan menasihati agar menambah baik pengurusan kebersihan.**

"Setakat ini prestasi kebersihan masjid boleh dianggap memuaskan dan sederhana. Kita turut bergantung kepada aduan serta rungutan awam. Alhamdulillah, buat masa ini MAIK kurang menerima rungutan atau aduan awam berhubung tahap kebersihan masjid. Bagaimanapun MAIK berpendapat, masih ada ruang luas untuk peningkatan dalam pengurusan kebersihan masjid. Penambahbaikan dalam perkara ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa dan secara berterusan," tegas beliau.

Inisiatif lain yang diambil oleh MAIK adalah pembelajaran melalui lawatan. Imam-imam akan dibawa untuk melawat masjid-masjid di negeri lain untuk melihat tahap kebersihan serta keberkesanannya. Diharapkan agar segala yang dipelajari melalui inisiatif ini dapat diadaptasi dan diaplikasikan di masjid masing-masing.

## MODUL KURSUS PENGURUSAN

Kini, MAIK dalam usaha memperkasakan pengurusan masjid termasuk dalam sudut kewangan dan kebersihan. Usaha menyuntik semangat kepada imam dan ahli jawatankuasa bagi mencapai tahap pengurusan terbaik dibuat secara berterusan. Untuk tujuan ini, MAIK mengadakan lawatan berkala di masjid-masjid seluruh negeri Kelantan.

Langkah terbaharu yang dilaksanakan oleh MAIK adalah menyediakan modul kepada imam-imam di seluruh Machang. Melalui modul ini, mereka perlu menghadiri kursus pengurusan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang pada setiap hari minggu.

"Modul ini memberi fokus terhadap aspek pengurusan termasuk kewangan. Namun apa yang lebih penting, kita mahu dedahkan imam-imam dengan suasana akademik bagi menggalakkan mereka sentiasa berfikir termasuk dalam pengurusan kebersihan. Ia merupakan projek perintis (pilot project) yang MAIK laksanakan dengan kerjasama UiTM. Kita pilih jajahan Machang kerana kampus UiTM berada dalam jajahan tersebut. Apabila berjaya, modul ini akan diperkembangkan ke masjid-masjid di jajahan lain," kata Mohd Afifi mengakhiri perbualan. ☙



Tanggal 9 Mei 2018 menyaksikan rakyat Kelantan sekali lagi memberi mandat kepada saf kepimpinan yang diketuai oleh Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob melalui Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14). Bermakna sudah tujuh penggal kepimpinan ulama menerajui kepimpinan negeri. Mandat ini datang bersama cabaran besar dan kerajaan negeri Kelantan kini perlu menggariskan hala tuju lebih konkret demi kemakmuran rakyat.

Pada penggal ke-13, tumpuan kerajaan negeri adalah memenuhi keperluan perumahan rakyat dengan menyediakan 5,000 unit Rumah Mampu Milik. Ia digembleng bersama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang turut membabitkan usaha sama syarikat swasta bersama Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Bagi penggal ke-14, tiga fokus utama kerajaan negeri adalah menyediakan peluang pekerjaan, kempen Ke-lantanku Bersih dan mengekang gejala sosial.



Kebersihan Sebahagian  
Daripada Iman



Jumpa  
Sampah Kutip



Clean, Green

# SEMARAK KEMPEN KELANTANKU BERSIH

Oleh: Aslani M Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

## AGENDA UTAMA

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Dr. Izani Husin menetapkan kempen Kelantanku Bersih dan mengekang gejala sosial sebagai agenda utama. Menurut beliau, sungguhpun mengekang gejala sosial lebih melibatkan segmen rakyat, namun ia turut membabitkan bidang kuasa PBT seperti shisha, hiburan dan pelesenan premis.

**Kempen Kelantanku Bersih pula dianggap cabaran besar di bawah portfolio beliau berikutan label dan imej yang cukup lama melekat pada rakyat Kelantan. Ditambah pula dengan sikap masyarakat yang sememangnya sukar diubah. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan negeri namun kesedaran rakyat dilihat tidak banyak berubah.**



Timbunan sampah yang ditinggalkan di Pantai Senok, Bachok.

"Bukan mudah mahu buang imej kotor yang kuat terkait dengan rakyat Kelantan. Kita sudah buat pelbagai usaha. Malah gerak kerja kempen ini sudah dilaksanakan secara berterusan sejak 29 tahun lalu. Antara kempen yang dijalankan adalah Bersih Sebahagian Daripada Iman, Jumpa Sampah Kutip dan Clean, Green."

"Kita juga anjur program gotong-royong secara berkala terutama di tempat tumpuan awam. Program ini diperluaskan ke pasar-pasar besar di setiap bandar. Hasil daripada kesungguhan ini dapat dilihat melalui perubahan yang berlaku terutamanya di kawasan bandar," katanya.

## BUKAN LAGI POLEMIK

Menurut Dr. Izani, rungutan berkenaan isu kebersihan semakin berkurang di media massa dan bukan lagi polemik pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN). Komentar rakyat membuatkan beliau terpanggil menjadikan aspek kebersihan sebagai gerak kerja utama portfolio yang dipegangnya. Tumpuan utama adalah pembentukan disiplin rakyat dalam menjaga kebersihan.



Amalan tidak bertanggungjawab sebegini biasa dijumpai, malah seakan sudah menjadi budaya kita.

Dua elemen yang diambil kira adalah mengambil positif kritikan orang ramai dan usaha untuk memperbaiki. Beliau berharap jawatankuasa yang diketuainya dapat mengatur program bermanfaat demi mencapai situasi lebih baik. Berhubung peningkatan kebersihan, keutamaan diberikan kepada pengurusan kutipan sampah dan kebersihan premis.

"Kita turut beri tumpuan kepada kebersihan kawasan awam dan tumpuan ramai termasuk kawasan rehat. Malangnya, biarpun pelbagai usaha dilakukan, rakyat tetap dengan sikap buang sampah di merata tempat. Lebih menyedihkan, sesetengah masyarakat buang sampah betul-betul di luar tong sampah yang disediakan oleh PBT. Satu tabiat buruk segelintir masyarakat adalah suka letak sampah atas bonet kereta. Sebab itu kita perlu laksanakan kempen kebersihan secara lebih agresif dengan kolaborasi GLC, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan sekolah," katanya.

Kerajaan negeri turut merangka program dengan kerjasama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA). NGO perubatan itu tampil merancakkan agenda gotong-royong di tempat awam dan perkelahan di pantai. Mereka turut menyampaikan kuliah mengenai kepentingan menjaga kebersihan di masjid dan surau.

"Untuk peringkat awal, program itu dibuat di Masjid Muhammadi dan Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian. Kita turut sampaikan mesej kepentingan menjaga kebersihan melalui khutbah Jumaat dan insya-Allah, kita akan rangka program secara berterusan," katanya.

## PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan undang-undang adalah langkah utama bagi kerajaan negeri Kelantan dalam menangani isu kebersihan. Kerajaan negeri tidak akan teragak-agak menggunakan peraturan sedia ada dalam perkara ini seperti arahan menutup sementara restoran atau kedai makan yang kotor.



**"Orang beriman membuang sampah pada tempatnya"**  
Slogan program gotong-royong yang diadakan di Pantai Cahaya Bulan.

Dr. Izani memaklumkan, sehingga September 2018, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) telah mengarahkan sebanyak 30 restoran ditutup kerana didapati kotor. PBT boleh memberi amaran, kompaun atau arahan tutup sementara dengan tempoh maksimum selama dua minggu. Bagaimanapun premis yang mampu menyelesaikan segera masalah kebersihan boleh kembali beroperasi dalam tempoh yang singkat.

"Kita tumpukan kepada premis menjual makanan kerana kecuaian peniaga boleh menyebabkan penyakit merebak. Kita tidak boleh berkompromi dengan isu keracunan makanan dan penyakit bawaan tikus. Sebab itu premis menjual makanan perlu dipastikan sentiasa bersih."

"PBT buat pemeriksaan berkala dengan kerjasama Jabatan Kesihatan kerana kebersihan makanan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kesihatan. Sama ada melibatkan keracunan atau sebagainya. Kita tidak lagi beri notis sebaliknya terus beri kompaun sekiranya premis menjual makanan didapati kotor," katanya.

**Bagi kesalahan berulang, lesen premis boleh digantung atau ditarik balik dan arahan penutupan akan dikuatkuasakan secara tegas. Dr. Izani meminta orang ramai serta peniaga memberi kerjasama bagi menjadikan premis menjual makanan di Kelantan sentiasa bersih. Pemantauan penguatkuasaan PBT turut melibatkan pasar malam dan pasar tani.**

"Sungguhpun kita utamakan penguatkuasaan, namun kempen tetap diadakan berterusan. Kerajaan negeri juga sedang merangka peraturan di bawah Undang-Undang Kecil berkaitan kesalahan membawa sampah atas bonet kereta. Orang ramai yang melanggar peraturan itu boleh dikenakan saman," katanya.

## CONTOHI NEGARA MAJU

Sikap tidak mengutamakan kebersihan turut berlaku di negara-negara Arab seperti di Mesir. Namun keadaannya berbeza di Dubai walaupun berada dalam kelompok negara Arab. Menurut Dr. Izani, kejayaan negara maju seperti Jepun, Singapura, Dubai dan negara-negara Eropah menangani masalah kebersihan adalah disebabkan oleh penguatkuasaan secara tegas.

"Saya difahamkan, Singapura menguatkuasakan denda atas kesalahan membuang sampah sejak tahun 1980-an lagi. Ketika itu sudah dikenakan penalti sebanyak RM500. Sekarang kadar penalti adalah 5,000 Dolar Singapura. Begitu juga di Dubai yang mana kesalahan membuang sampah dikenakan denda sebanyak 500 Dirham."

"Di Dubai, boleh dikatakan tong sampah diletakkan dalam setiap kenderaan. Situasi sama berlaku di Taiwan. Rakyat di negara berkenaan tidak membuang sampah di tempat awam sebaliknya sampah dibawa balik ke rumah untuk dibuang. Bila lori sampah datang, mereka sendiri yang masukkan sampah ke dalam lori dan bukan dilakukan oleh pekerja seperti di negara kita," kata Dr. Izani.

Tambah beliau, penguatkuasaan tegas dan denda perlu jadi keutamaan dan PBT di Kelantan sedang bergerak ke arah itu. Kompaun boleh dikenakan sehingga RM500 walaupun kebiasaan PBT hanya kenakan kadar minimum pada masa skarang. Kelantan masih dalam proses menguatkuasakan peraturan secara lebih tegas dan ia tidak akan dilaksanakan secara mengejut. ☑

# DR. IZANI HUSIN

## Tuah tidak datang bergolek

Oleh: M Faqih

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



Peribahasa orang tua-tua dahulu mengatakan "yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang". Begitulah perjalanan politik Dr. Izani Husin sebelum bergelar pemimpin pada hari ini. Beliau melalui perjalanan panjang dan penuh onak untuk berada pada tahap ini.

Mengimbau sejarah hidup beliau membolehkan kita mengenali diri sebenar pemimpin ini. Beliau bukan daripada keturunan bangsawan, malah bukan anak pegawai kerajaan yang membesar dalam keselesaan. Ayah beliau merupakan pemandu bas ekspres.

### **Pengorbanan berbaloi**

Menurut Dr. Izani, bapanya Husin Idris, pernah berkhidmat dengan Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (SKMK). Sebuah syarikat bas yang pernah menjadi pilihan rakyat Kelantan untuk ke pelbagai destinasi seluruh negara. Bersama SKMK, Husin berpeluang melawat negeri lain serta merentasi sempadan sehingga ke Singapura dan Thailand.

Husin bersama SKMK semenjak tahun 1960-an lagi dan setelah lama menimba pengalaman, beliau beralih angin dengan menyertai Syarikat Sri Nilam. Menginjak usia 55 tahun, beliau berasa kudrat kian berkurang dan mengambil keputusan berhenti kerja sebagai pemandu bas ekspres.

Selepas itu beliau memilih untuk menjadi pemandu kereta sapu atau dikenali sebagai "prebet sapu" di Kelantan. Di samping itu Husin bersama isterinya, Mariam Daud mengusahakan kedai makan di kampung. Semuanya demi menyara 12 anak mereka dan boleh dikatakan segala pengorbanan mereka berbaloi. Separuh daripada anaknya berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT). Enam berjaya membina kerjaya dalam sektor awam dengan kebanyakannya menjadi guru, manakala dua lagi mengusahakan kedai jahit. Dr. Izani yang merupakan anak ketiga berjaya sebagai doktor perubatan dan kini bergelar seorang Exco kerajaan negeri Kelantan.

### **Asal:**

Kampung Tebing Tinggi, Sabak, Pengkalan Chepa

### **Tarikh lahir:**

24 Januari 1963

### **Bapa:**

Husin Idris

### **Ibu:**

Mariam Daud

### **Isteri:**

Rosmarina Yusoff

### **Anak:**

Tujuh orang (2 perempuan, 5 lelaki)

### **Pendidikan:**

Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Islah, Kota Bharu (1970 – 1975)

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Bharu (1976 – 1980)

Matrikulasi UKM di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (1981 – 1982)

Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan Am Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); (1983 – 1989)

### **Kerjaya:**

Pegawai Perubatan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM); (1989 – 1993)

Doktor di Merican Dispensary (1993 – 1996)

Buka klinik sendiri, Klinik Dr. Izani (1996 – kini)

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI); (1995 – 2004|2008 – 2011)

Ahli Lembaga Pengarah KPK, Binaraya, PKINK dan KELKON

Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN); (2011 – kini)

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan (Mei 2018 – kini)

## Membesar dalam kesusahan

Daripada Aswad bin Yazid, ditanyakan kepada Aisyah R.A, "Apakah yang dilakukan oleh Rasulullah di rumahnya?" Aisyah menjawab, "Baginda membuat tugas keluarganya iaitu membantu kerja keluarganya, lalu apabila masuk waktu solat, Baginda pun keluar untuk bersolat." (Hadis riwayat Bukhari).

Rasulullah merupakan suri teladan terbaik bagi manusia termasuklah dalam aspek kepimpinan. Hadis di atas menjelaskan antara ciri-ciri yang perlu ada pada diri seorang pemimpin. Berpandukan hadis tersebut, Rasullullah SAW secara tidak langsung menunjukkan bahawa seorang pemimpin yang baik adalah mereka yang sentiasa mengambil berat dan membantu urusan keluarganya.

Sedikit sebanyak, ciri-ciri ini dapat dilihat dalam diri Dr. Izani yang dilahirkan pada tanggal 24 Januari 1963 di Kampung Tebing Tinggi, Sabak, Pengkalan Chepa. Beliau cukup memahami erti kesusahan hidup dan sentiasa membantu ibu bapanya dalam tugas sehari-hari. Malah bagi beliau dan adik-beradiknya, membantu ibu bapa di rumah adalah kewajipan. Secara tidak langsung ia mendidik jiwa Dr. Izani untuk sentiasa menghormati dan membantu golongan tua.

"Semasa saya remaja, ayah sangat sibuk bekerja sebagai pemandu bas ekspres. Pagi pergi kerja dan malam baru balik. Kami adik-beradik diajar erti kesusahan hidup semenjak kecil dan pernah buat pelbagai kerja kampung seperti menanam, mencedung dan menuai padi."

"Kami anggap menolong ibu di rumah sebagai kerja kami sebab ayah selalu tiada di rumah. Jadi semenjak di bangku sekolah lagi kami sudah biasa dengan kerja tanam padi, tanam sayur, ternak lembu, cerut rumput dan pelbagai kerja kampung. Musim tengkujuh paling ditunggu sebab dapat memukat dan menangguk ikan darat."

"Musim tengkujuh paling kami adik-beradik tunggu sebab boleh buat banyak aktiviti digemari. Mencari lokan dan menjala ikan di sungai pula menjadi aktiviti pilihan pada musim cuti sekolah. Namun membantu ibu bapa dalam tugas harian di rumah tetap menjadi kewajipan," kata Dr. Izani.



Bersetia Bakti Dato' Sri Dr. Izani bin Haji Ahmad

YB DATO' HJ. NOR AZIZAH BINTI HJ. NIK. YUSOF, YB DATO' HJ. NAZIR BIN MUHAMMAD, YB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB / DATO' BENTARI KANAN, YBMM DR. TENGKU MUHAMMAD FAIZ PETRA BIN SELASZIMAI PETRA, YB DATO' HJ. MOHD. AMAR BIN ABDULLAH, YB DATO' SHABDHAN BIN ABU AZIIZ & JUNIOR, YB DATO' DR. MOHAMAD FAZLI BIN DATO' HASSAN

## Pendedahan awal politik

Sebetulnya Dr. Izani telah mendapat pendedahan berkenaan politik tempatan semenjak awal usianya iaitu dari bangku sekolah rendah lagi. Ini berikutan ayahnya telah bergiat secara aktif dalam politik ketika itu. Di sebalik kerjayanya sebagai pemandu bas ekspres, Husin sebenarnya pernah memegang jawatan Ketua PAS Cawangan Kampung Tebing Tinggi.

Maka tidak hairanlah kesemua anaknya turut bergiat aktif sebagai ahli PAS. Husin secara tidak langsung telah merintis laluan politik buat anak-anaknya. Terpulanglah sejauh mana mereka mahu berjalan di laluan yang telah tersedia.

Ia dimanfaatkan sebaik mungkin oleh Dr. Izani untuk melangkah lebih jauh dalam arena politik tempatan. Sungguhpun perjalannya begitu jauh, beliau tetap tabah sehingga akhirnya dilantik menjadi salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dengan memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan.

## Pendidikan dan kerjaya

Dr. Izani memulakan alam persekolahan di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Islah, Kota Bharu. Selepas itu beliau meneruskan persekolahan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kota Bharu (SMKB) di Kompleks Sekolah Wakaf Mek Zainab.

Keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membolehkan beliau diterima masuk ke Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpusat di Sekolah Menengah Sains Pengkalan Chepa. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di UKM sehingga menerima Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan Am pada tahun 1989.

Kerjaya Dr. Izani dalam bidang perubatan bermula sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian. Selepas empat tahun berkhidmat di hospital berkenaan, beliau bertukar angin ke Merican Dispensary, Kota Bharu dan bertugas sebagai doktor selama tiga tahun ka klinik sendiri, iaitu Klinik Dr. Izani.

Beliau kemudiannya mengambil keputusan untuk membuka klinik sendiri iaitu Klinik Dr. Izani. Pada awalnya klinik beliau dibuka di Cabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat sebelum operasinya dipindahkan ke Jalan Parit Dalam di pusat bandar Kota Bharu. Kemudian operasi klinik berkenaan dipindahkan sekali lagi ke Pengkalan Chepa iaitu di hadapan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

### Bermula di kampus

Penglibatan aktif Dr. Izani dalam arena politik tanah air sebenarnya telah bermula ketika beliau melanjutkan pengajian di UKM lagi. Ketika sesetengah pihak menjadikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pilihan raya kampus sebagai tapak mula untuk berjinak-jinak dalam politik, beliau sudah aktif bersama PAS. Malah beliau antara individu yang membawa PAS masuk ke Fakulti Perubatan UKM sehingga tertubuhnya gerakan Islam Penyelamat Ummah (IPU) pada tahun 1983.

"Ketika menuntut di UKM saya sudah aktif bersama PAS. Saya bersama bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulai Chondong, Zulkifli Mamat dan bekas ADUN Melor, Wan Ismail Wan Jusoh merupakan kumpulan pelajar pertama mengadakan *tamrin* bersama PAS di Kelantan pada tahun 1983. *Tamrin* diadakan di Pejabat PAS Kota Bharu dan Allahyarham Wan Jamil Wan Mahmood merupakan Ketua Pemuda PAS Kelantan ketika itu."

"Pada tahun 1984, saya menjadi salah seorang perwakilan yang terpilih membarisi MPP bagi Fakulti Perubatan UKM. Hanya dua perwakilan IPU dari Fakulti Perubatan berjaya memenangi pilihan raya kampus pada tahun itu. Seorang lagi perwakilan IPU yang menang adalah dari Fakulti Sains Fizik," katanya.

Tambah beliau, secara keseluruhannya wakil gerakan Islam gagal mendapat tempat dalam pilihan raya kampus pada tahun 1984 dan mahasiswa pro kerajaan yang banyak menang. Tahun tersebut juga menyaksikan kemuncak perpecahan gerakan Islam di kampus UKM Bangi.

### Karier politik bersama PAS

Selepas menamatkan pengajiannya di UKM, Dr. Izani kembali ke Kelantan pada tahun 1990. Beliau telah dilantik sebagai Bendahari Pemuda PAS Pengkalan Chepa. Pada tahun yang sama, beliau turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa (AJK) Pemuda PAS Negeri Kelantan dan di Pengkalan Chepa pula, beliau dilantik sebagai Naib Ketua Pemuda PAS.

Bersandarkan bakat dan karisma kepimpinannya, Dr. Izani telah diberi kepercayaan sebagai Ketua Pemuda PAS Kawasan Pengkalan Chepa selama satu penggal. Pada tahun 1995, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) sehingga tahun 2005. Pada tahun 2009, beliau dilantik sebagai ahli majlis buat kali kedua untuk tempoh tiga tahun. Dalam pada itu, beliau turut dilantik sebagai Bendahari Perhubungan PAS Kelantan pada tahun 2004.

Sungguhpun telah bergelar seorang pemimpin dan menjawat jawatan penting dalam kerajaan negeri Kelantan, beliau turut bergiat aktif dalam badan bukan kerajaan (NGO). Antara NGO disertainya adalah Persatuan Pekerja Islam Kelantan, Koperasi Kudrat dan Koperasi Rakyat Kelantan.

Latar belakang beliau dalam dunia perubatan juga tidak dilupakan dan tidak hairanlah jika beliau turut membabitkan diri bersama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) sebuah

“Wujudkan persekitaran bersih.  
Kalau bukan kita, siapa lagi?  
Kalau bukan sekarang, bila lagi? ”



Latar belakang beliau dalam dunia perubatan juga tidak dilupakan dan tidak hairanlah jika beliau turut membabitkan diri bersama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) sebuah NGO kesihatan yang aktif di Malaysia. Beliau juga turut terlibat dalam Khidmat Malaysia Kelantan sebagai Pengerusi.

### **Jiwa muda seorang pemimpin**

Tidak dapat dipertikaikan bahawa seorang pemimpin itu perlu mempunyai jiwa muda walaupun sedikit se pertimana yang pernah ditunjukkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat. Antara aspek jiwa anak muda adalah meminati bidang sukan dan Dr. Izani turut memiliki ciri-ciri ini. Beliau pernah aktif bersukan semasa di sekolah dan di IPT.

Pada usia remajanya, Dr. Izani sangat meminati sukan bola sepak, sepak takraw dan pelbagai sukan lain. Perkara ini diakui sendiri oleh beliau. Minat dalam sukan secara tidak langsung dapat membantu beliau mendekati serta memahami kehendak golongan remaja dan belia.

Sukan mungkin dilihat tidak relevan dengan portfolio dipegang beliau ketika ini tetapi tidak dapat disangkal ia merupakan antara ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin. Rasulullah SAW sendiri merupakan seorang pemimpin yang meminati acara sukan seperti memanah dan berkuda. Sukan boleh dianggap sebagai antara wadah utama bagi seseorang pemimpin merapati golongan remaja serta belia dan ia boleh membantu seseorang pemimpin itu untuk lebih memahami golongan berkenaan.

"Saya juga meminati sukan sejak di bangku sekolah. Semasa di sekolah menengah, saya dilantik sebagai Ketua Persatuan Sepak Takraw. Di UKM pun saya masih aktif dalam sukan sepak takraw," katanya ketika mengakhiri temu bual bersama Qiadah. □





# FROM COIR TO BROOM

By: Mustaqim Amir Azuari bin Mohamed | Photo: Ahmad Na'ime Muhammad




**Ibrahim Yaakob had been making coir broom since 1981 and maintained the traditional way of making it.**

When it comes to hygienic care, Malays are in short of heritage to talk about. So, when there are one or two that are existed, then it is not too much to suggest that it should be preserved. One of the Malay heritage that is closely associated with hygienic care is coir broom.

Coir broom is a broom that is made from coconut fiber. Due to the chatty nature of its process, not many people especially younger generations are interested into that business. Not only in Kelantan but throughout Malaysia, there are lack of people who would want to be a coir broom manufacturer. So, it could be concluded that this business is in the edge of extinction.

Ibrahim Yaakob, 73, may be the only coir broom manufacturer left in Kelantan or at least the only one who manufactured it in a traditional way. As an old man who lives in a suburb area of Bachok, he does agree that the younger generations, including his offspring, are lacking of interest to be a coir broom manufacturer.



According to Ibrahim, his neighbour, Jusoh Ibrahim used to be one of coir broom manufacturer alongside himself. But due to health reasons, Jusoh decided to pull the plug off. So, Ibrahim is now left alone to fulfill all the demands in the market.



## Demand is still high

Despite of the technology development, demand for coir broom is still high in the market. Ibrahim said, the main factor that lead the demand for coir broom to stay high in the market is because the price is cheap. The selling price is at RM5 per unit and the demand comes from all over Malaysia.

"The demand comes not only from Kelantan but also from other places in Malaysia. For example, from Kemaman (Terengganu), Kuantan (Pahang) and other states. The retailers come to my house in Kampung Daramain, Bachok to get their coir broom stocks for sale. Therefore, I need to ensure that the stock is always there and ready for pick up."

"The minimum order for coir broom from the retailers is at 30 units and I also sell it by myself at the pasar tani, night market and other places. I can say that, at least 20 to 30 units of coir broom can be sold per week," says Ibrahim.

## Keeping it traditional

Ibrahim has long been in the coir broom manufacturing business. He started in 1981 when he learnt how to make a coir broom from Ibrahim Hamid, a friend of many talents. They do not only share the same name but also the same interest. During that time, according to Ibrahim, his long-time friend would come to his house and taught him everything to know about coir broom manufacturing.

Until today, Ibrahim has maintained the traditional method of coir broom manufacturing which he learnt back in those days. From what he told us, the traditional method will assure the quality of the coir broom more than the modern method does. The coir which is the most important part of the broom can be made softer and straighter using the traditional method.

"I do prefer using the traditional method to make a coir broom. For me, the quality of coir broom made traditionally is better than the one made using modern method. However, I do agree that the traditional method is more time consuming because there is no machinery involved. Everything is made manually," Ibrahim explained.

## Gathering of raw materials

Manufacturing coir broom is not as easy as we thought. It starts with gathering of raw materials, which are coconut coir for the broom head and bamboo sticks for the handle. According to Ibrahim, the rapid growth of development has in some ways, made gathering of raw materials more challenging as it contributes to the depletion of raw materials. As time flies by, the number of coconut coir and bamboo stick are decreasing.

"I am lucky enough to be able to gather the supplies of coconut coir from villagers. If I were to buy from coconut traders or factory, it would have cost me a lot. Both the traders and factory will only take big orders and a lorry of coconut coir will cost up to RM140."

"Manufacturing coir broom while living in a village is a blessing for me, since the cost of bamboo tree for broom sticks is cheaper as I only have to spend MYR1 for three units of bamboo stems. I buy it from the villagers and one bamboo stem is enough to make three broom sticks," said Ibrahim.

### The crucial stage

Now we come to the most crucial stage in coir broom manufacturing, the stage which involved the process of softening and decomposing the coconut fiber. At this stage, time management and thoroughness are the most important element. Any change in weather, techniques and skill sets will all be considered at this stage.

Ibrahim said, after the raw material gathering process, all the coir will be soaked in salt water for quite some times. It could be said that this is the most important stage in coir broom manufacturing. The completion of this stage will determine the level of difficulties in coconut coir decomposing process.

"After all the coir are gathered, it will be soaked in salt water at a stream near the shore. It is not too far from my house and it is at the back of my child's shop. I have to be thorough in this process because it will determine the quality of the broom."

"All this is done in soaking wells that I had dug at the riverbank. The walls of the well must be made properly so that the coir will not be washed away by the current especially at high tide. The coir must be deeply soaked in the water, since the deeper it is then the softer the coir will be. Softer coir will make a better broom," Ibrahim explained.

He said that this process alone will take minimum of six months and up to maximum of a year just to get the best quality of the coir. After this process has been completed, the coir will go through decomposing process. It's sounds complicated, but the truth is it involves only a stick and a beat up.

After being soaked for such a long time, the coir will be soft enough that it can be beat up with a stick to decompose it. After all the coir needed have been decomposed, then Ibrahim will take them back to his house to be dried up and turned into a broom. The hardest part is done and what is left is the completion of the coir broom.

### The broom

The last stage is actually the easiest part of coir broom manufacturing and this is where there is room for Ibrahim to be creative. He said that coir from one coconut is enough for one broom. But before that, all bamboo sticks were cut and dried up. After that, all materials is assembled and turned into a fully equipped broom.

Ibrahim said, if he works fast enough, he can make two brooms in an hour. Hence, producing a coir broom all by himself and meeting the demands are not quite an issue. All that needed are enough materials and well managed time.

The only concern that has been playing in Ibrahim's mind is inheritance. The younger generations are not interested in coir broom manufacturing and this included his child. Up to today, he is the only one in this business and when time comes, he fears that there is no one left that knows how to make a coir broom.

However, he hopes that one of his daughters will continue the business as she has already learnt all the processes from him. As a coir broom manufacturer, he would like to see this heritage being preserved for generations to come. But Ibrahim can only hope, since the decision now lies in the hand of the new generation and the stakeholders. ☐





# Pulut Lepa

## PENGGERA LUPUT MASA

Oleh: Zanazanzaly  
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Leluhur bangsa Melayu-Islam amat mementingkan masa kerana mereka faham dan sedia hadam inti pati surah al-Asr yang menekankan betapa pentingnya menepati masa. Justeru itu, nenek-moyang kita mencipta satu menu bernama Pulut Lepa sebagai hidangan bersimbolkan amaran atau penggera supaya anak cucu mereka tidak lalai, cuai dan alpa. Orang Kelantan juga gemar menggelar istilah "lepa" dengan perkataan loleh, deder atau kelipar.

Resipi Pulut Lepa ini dicipta oleh orang tua-tua kita dengan sarat menyirat falsafah peri mustahaknya akur pada waktu, bagi mengelak wabak berlaku kepada anak cucu yang terjebak dengan tabiat berjanji palsu. Sebab itulah pada waktu dahulu tidak wujud istilah "janji Melayu" seperti sekarang, berpunca daripada generasi baharu yang sudah hilang jati diri akibat lemahnya antibiotik dalam ruh mereka lalu menjadikan citra bangsa Melayu baharu sudah tidak lagi kebal dengan iman yang kental kerana tiang agama yakni solat tidak dijaga dengan sempurna sedangkan Allah berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 103: *Sesungguhnya solat itu adalah kewajiban yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.*

Simbolik falsafah Pulut Lepa bermula dengan nenda berbasmalah diikuti dengan bonda dan anak daranya mengaminkan bacaan doa nenda ketika mereka memasuki ke ruang dapur iaitu: *Wahai Rabb kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami.* (al-Kahfi:10).

Sambil tersenyum nenda pun membuat penyediaan serondeng atau lebih dikenali dengan panggilan sambal ikan sebagai inti Pulut Lepa dengan menggunakan lima ekor ikan selayang yang direbus dengan

sekeping asam gelugur dan secubit garam halus. Lemak manis zat dan khasiat protein isi ikan segar dari laut bersebatи dengan asam dan garam di darat adalah manifestasi esen kekuatan rohani dan jasmani yang berperanan sebagai asas tunjang rasa kehambaan insan kepada Tuhan Sekalian Alam.

Sembari beristighfar, dara sunti mulai menumbuk lumat isi ikan sehingga berubah tekstur lalu dikeluaran daripada lesung batu kapur dan diketepikan di anjung dapur.

Bonda pula mengisar halus lapan biji cili kering, lima ulas bawang merah, seulas bawang putih, setengah inci halia sebagai arca kebersediaan dan penyerahan hamba untuk larut (fana) dengan patuh dan taat kepada perintah Tuhan secara menyeluruh menerusi ibadat solat.

Sementara itu, nenda menyudu lima sudu makan gula pasir, satu setengah sudu teh garam halus dan empat sudu makan santan pekat serta sedikit minyak untuk menumis adalah lambang nikmat kemanisan iman yang dikecapi semasa dan sebaik sahaja selesai menunaikan ibadah wajib itu secara tertib, khusyk dan bertamakniah.

*Tidak ada yang akan menyatakan terjadinya hari itu (kiamat) selain Allah.* Surah an-Najm ayat 58 itu menjadi zikir mereka sepanjang aktiviti menumis bahan kisar dengan sedi-kit minyak sehingga wangi. Nenda pun memasukkan empat sudu makan santan pekat seraya bonda menggaul sebatи kesemua bahan di dalam kuali. Setelah bahan tumisan kelihatan hampir kering, si dara sunti pun memasukkan isi ikan yang ditumbuknya tadi. Bonda terus mengacau inti ikan itu mengikut putaran tawaf yakni dari kiri ke kanan (arah lawan jam) dengan api perlahan sampai sambal kering dan berderai elok, lalu dibiarkan seuk.

Beralih kepada cara penyediaan pulut pula, nenda mengambil dua cawan beras pulut yang sudah pun dicuci bersih dan direndam selama satu jam. Nenda berkongsi petua keberkatan makanan dengan membaca tiga kali doa ini: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi kami makan daripada kelaparan." Niatkan di dalam hati agar rumah tangga kita bahagia, terhindar daripada segala yang tidak diingini dan sebagainya.

Bonda membaca pula ayat 137 daripada surah al-Baqarah ketika membantu nenda mengukus pulut tersebut selama setengah jam. Petua nenda, memakan pulut tanak, badan akan sakit urat. Tetapi tidak, jika kita memakan pulut yang sempurna rendamananya lalu dikukus atau dibakar sehingga masak. Rasanya pun lebih enak.

Dalam bekas berasingan, bonda minta si dara menyatukan setengah cawan kepala santan dengan larutan lima sudu makan gula dan satu setengah sudu teh garam. Bonda berpesan, jika menggunakan santan kotak, wajar dicampurkan dua sudu makan minyak masak bagi menambah rasa lemak dan pulut kelihatan lebih berminyak.

Bonda memasukkan pulut lalu digaulkan bersama campuran santan tadi. Proses menyebatikan pulut kukus dengan santan berlemak, masin manis ini dikenali sebagai "arung". Sebatian tersebut dimasukkan kembali ke dalam periuk kukusan dan dikukus semula selama dua puluh minit. Kemudian ia disendukan ke dalam dulang atau "neka" untuk didedahkan kepada suhu biasa.

Di halaman belakang rumah, tok ayah sudah siap me-layurkan daun pisang tenggala berjumlah sepuluh pelepas di atas timbunan bara yang digalang dengan dua batang besi panjang. Ketika cucu teruna mahu segera tolong potong daun pisang yang tengah panas, terdengar suara tok ayah menukas. Biarkan dulu daun itu bersuhu suam-suam kuku, barulah ia senang dicarik daripada pelepas dan tidak mudah pecah. Ayah pun meningkah, peraturan membuat Pulut Lepa ini amat berkait rapat dengan aturan solat yakni ada waktu khusus sehari semalam.

Sambil menambah arang yang kian kurang, tok ayah bersembang, Pulut Lepa rekaan oleh orang tua-tua kita sebagai penggera solat awal waktu. Isi pulut yang putih sebelum dibakar melambangkan udara bersih segar pada waktu fajar. Maka solat subuh sebelum matahari terbit adalah paling wajar. Itulah falsasah juadah Pulut Lepa simbolik penggera manusia bangun tidur di awal pagi demi menjamin kebersihan spiritual yang membawa kepada kesihatan fizikal yang utuh dengan menunaikan fardu Subuh.

Setelah pulut dalam neka yang terletak di serambi dapur itu sejuk, nenda dan bonda bergilir-gilir menceduk satu sudu makan pulut kukus lalu diratakan ke atas potongan daun pisang bersaiz empat kali enam inci persegi yang membawa perlambangan ukuran lubang kubur yakni empat kaki lebar kali enam kaki panjang dan dalam.



Pulut dikukus selama setengah jam.



Santan, gula dan garam digaul dengan pulut.



Kelengkapan untuk membungkus disediakan.



Dua sudu teh serondeng ikan diletakkan di atas pulut.

Hangat layuran daun pisang tenggala ini mengolah falsafah solat awal waktu pada fardu Zuhur selaku penyegar semangat dan fizikal manusia. Secara biologi, pada waktu itu badan kita memerlukan masa tambahan. Ini kerana aktiviti daripada pagi hingga tengah hari banyak menggunakan tenaga. Selain tubuh bebas seketika daripada kesibukan kerja, solat Zuhur juga berfungsi sebagai penenang keadaan yang disebabkan perut lapar. Hal yang demikian bertepatan dengan kandungan serat makanan yang terdapat dalam santan selaku bahan asas pembuatan juadah Pulut Lepa.

Jari-jemari bersulur bakung si gadis sunti itu pun membubuh dua sudu teh serondeng ikan ke atas lepaan pulut berasal daun pisang dan menggulungnya dengan kemas sebelum dihulurkan kepada abangnya si bujang teruna untuk ditusuk hujung gulungan Pulut Lepa dengan lidi kelapa.

Satu demi satu proses di atas diulangi bersama nenda dan bonda seraya bertukar cerita tentang iktibar solat Asar secara sahih ketika fardu itu berada hampir lewat petang dan tubuh badan dalam keadaan letih.

Setelah kesemua Pulut Lepa itu siap dibungkus rapi dengan hujung daun bercucuk lidi, maka sesi membakar Pulut Lepa di atas tudung periuk lama yang telah dilengserkan minyak kelapa pun bermula dengan ayah meletakkan tudung periuk lama itu ke atas dua batang galang besi seraya mengulang bacaan doa isterinya; *maka Allah mencukupkan engkau (Muhammad) terhadap mereka dengan pertolongan-Nya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.* (al-Baqarah: 137).

Kehangatan bara bersuji sederhana membakar daun pisang berwarna hijau pucat yang membalut pulut kelebihan sedikit coklat sebagai penyampai maksud tersirat bahawa fardu Maghrib dan Isyak bermula apabila berubahnya terang menjadi gelap.

Apabila deria hidu mulai dirangsang bau semerbak harum mewangi yang berpunca daripada tindak balas bara menghangatkan daun pisang tenggala dan lidi kelapa, maka itulah aroma terapi alamiah yang mendamaikan dan membahagiakan jiwa seisi keluarga terbit daripada hidangan Pulut Lepa, resipi tradisi dari negeri Cik Siti Wan Kembang yang sarat mengandungi falsafah dan pengajaran rekaan nenek moyang Melayu yang bijaksana sebagai lambang penggera luput waktu untuk anak cucu bersiap-siaga menunaikan solat tepat pada masanya. ☺



Pulut lepa sedia untuk dinikmati bersama menu lain.



Pulut dikepal kemas bersama serondeng sebelum dibungkus dengan daun pisang.



Pengokot (stapler) digunakan bagi mengantikan lidi untuk mengemas gulungan pulut.



Pulut dibungkus rapi sebelum dibakar.




Pulut yang siap dibungkus, dibakar atas api sederhana.

Penyediaan Pulut Lepa oleh Nur Ain Fatimah Arifin.

# JERAM MENGAJI

## HUTAN LIPUR BAHARU DI SERAMBI MEKAH

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: Ahmad Nai'me Muhammad



Selising merupakan salah satu Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berada dalam kawasan Parliment Pasir Puteh. Ia terletak ditengah-tengah laluan di antara Kota Bharu dan Jertih, Terengganu. Selising yang mempunyai kepadatan penduduk lebih kurang 18,000 orang menyimpan satu khazanah alam semula jadi yang tidak terhitung nilainya namun masih belum popular dalam kalangan rakyat di negeri ini iaitu Hutan Lipur Jeram Mengaji.

Hutan lipur yang sebelum ini dikenali sebagai Mak Nenek terletak di Kampung Sungai Durian, Mukim Banggol Stol dibuka secara rasminya pada tahun 2005. Pembukaan secara rasmi itu dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan selepas melihat potensi kawasan berkenaan yang sering menjadi tumpuan masyarakat. Keadaan itu menjadikan kawasan tersebut sebagai tarikan baharu di jajahan Pasir Puteh.

Sungguhpun masih dalam kerja-kerja pembangunan dan naik taraf oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), keindahan hutan lipur itu sudah menjadi buah mulut dalam kalangan masyarakat di sekitar Selising dan bandar Pasir Puteh.

Namun selepas itu, nama Jeram Mengaji makin popular sehingga ke seluruh negeri dan menjadi salah satu kawasan rekreasi yang menjadi pilihan masyarakat. Lokasi yang sebelum ini dikenali sebagai Jeram Mak Nenek telah ditukar kepada Jeram Mengaji.

Penukaran nama itu difahamkan bertujuan untuk memberi nafas baharu kepada lokasi berkenaan bagi memastikan kawasan ini mampu menarik lebih ramai pengunjung. Tambahan pula, bacaan al-Quran (mengaji) dipasang di sekitar jeram tersebut pada masa tertentu.



**Keaslian hutan di kawasan Jeram Mengaji masih lagi terpelihara.**

### Hutan Lipur ketiga di Pasir Puteh

Terletak enam kilometer dari pekan Selising, Jeram Mengaji merupakan kawasan hutan lipur ketiga yang terdapat di jajahan Pasir Puteh selain Jeram Linang dan Jeram Pasu. Jeram Linang dan Jeram Pasu merupakan hutan lipur yang sudah popular serta sering menjadi tumpuan masyarakat untuk meredakan tekanan penat bekerja selain beriadah bersama keluarga pada hujung minggu.

Tanpa sebarang pembangunan yang pesat, keaslian hutan di kawasan Jeram Mengaji masih lagi terpelihara dengan begitu baik sekali. Keadaan semula jadi yang jauh daripada hiruk-pikuk kesibukan kawasan bandar ditambah dengan kawasannya yang redup berserta deruan air terjun pasti membuatkan para pengunjung terpesona dengan keagungan ciptaan Ilahi itu. Tidak cukup dengan itu, bunyi kicauan unggas yang hidup di kawasan hutan berkenaan menjadi alunan "muzik" yang cukup bermakna.

Maka tidak hairanlah setiap kali tibanya hujung minggu terutama Jumaat dan Sabtu, puluhan buah kereta tidak termasuk motosikal berduyun-duyun memasuki kawasan berkenaan bagi tujuan berkelah dan mandi-manda bersama keluarga selain menikmati air terjunnya yang sejuk.



**Kebersihan Jeram Mengaji dijaga dengan baik.**

### Tersorok, tapi menarik

Walaupun kedudukan Jeram Mengaji agak tersorok dan berada di kawasan hujung kampung, selain terpaksa melalui ladang ternakan lembu, ia sama sekali tidak mematahkan semangat orang ramai untuk menikmati keindahan alam ciptaan Yang Maha Esa. Segala "kepayahan" ketika memandu kereta atau menunggang motosikal kerana terpaksa melalui jalan yang sempit dan sedikit mendaki akan hilang sebaik sahaja melihat keindahan kawasan hutan lipur berkenaan.

Menghirup udara yang segar, nyaman dan tenang ditambah pula deruan air terjun pastinya membuatkan para pengunjung tidak sabar untuk membasahkan diri dengan mandi-manda di kawasan berkenaan. Airnya yang sejuk dicampur pula dengan kehijauan kawasan hutan malar segar dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan serta pokok kayu menjadikan para pengunjung tidak akan menyesal walaupun terpaksa berdepan sedikit cabaran untuk sampai ke hutan lipur itu.



**Pemandangan menghijau, berbukit-bukau, dan terdapat ladang ternakan lembu memberikan rasa tenang dan suasana yang indah.**

Malah cabaran memandu atau menunggang motosikal untuk ke Jeram Mengaji itu dianggap sebagai satu "hiburan" bagi menghilangkan penat. Situasi itu pastinya membuatkan orang ramai akan tersenyum setiap kali kawasan berkenaan bermain dibenak fikiran mereka dan itulah yang pastinya diharapkan oleh pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) bagi memastikan lokasi tersebut terus melekat di hati para pengunjung.

### Rasai New Zealand di Jeram Mengaji

Sebelum sampai ke Jeram Mengaji, para pengunjung pastinya akan teruja apabila dihidangkan dengan pemandangan menarik ketika melalui ladang ternakan lembu tenusu. Ladang ternakan yang terletak sekitar satu kilometer sebelum ke kawasan rekreasi itu merupakan antara rahsia tersembunyi. Mana tidaknya kawasan yang kaya dengan pemandangan cantik dan menarik itu jarang diketahui umum kecuali penduduk sekitar Selising.

Berlatar belakangkan kawasan bukit, pengguna yang melalui kawasan itu untuk ke Jeram Mengaji akan merasai pengalaman seolah-olah sedang berada di sebuah perkampungan di New Zealand. Di Malaysia, situasi itu boleh dirasai di ladang lembu yang terdapat di Kundasang, Sabah sahaja. Jadi tidak hairanlah, keindahan kawasan ladang menyebabkan para pengunjung sanggup berhenti seketika bagi merakamkan foto kenangan sebelum meneruskan perjalanan ke Jeram Mengaji.

Bukan itu sahaja, pengguna laluan berkenaan juga boleh berhenti rehat seketika dengan membeli produk tenusu segar yang dijual untuk dijadikan bekal sebelum menyambung pemanduan ke hutan lipur berkenaan.

Antara produk tenusu yang dijual ialah dadih, susu lembu segar dan susu kambing segar. Produk tenusu itu mampu membuatkan penggemarnya tidak senang duduk untuk menikmati keenakan rasa minuman tersebut.



**Pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan**

Sungguhpun belum tersohor seperti Jeram Linang atau Jeram Pasu, Jeram Mengaji yang berada di bawah seliaan dan tanggungjawab MDPP dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk para pengunjung. Kemudahan ini merupakan salah satu bentuk terima kasih pihak kerajaan negeri menerusi MDPP kepada masyarakat yang menjadikan kawasan Jeram Mengaji sebagai pilihan untuk berkelah bersama keluarga.

Antara kemudahan asas yang terdapat di Jeram Mengaji ialah gerai jualan makanan, surau, tandas, kawasan tempat letak kereta yang luas serta peralatan untuk memanggang atau "barbeque" turut diwujudkan. Bagaimanapun, kemudahan yang disediakan oleh kerajaan perlu digunakan sebaik mungkin bagi mengelakkan ia rosak sekali gus menjaskan reputasi Jeram Mengaji sebagai kawasan pelancongan baharu di bumi Serambi Mekah.

## **Jeram Mengaji Agro Resort**

Jeram Mengaji Agro Resort (JMAR) merupakan sebuah pusat latihan dan rekreasi keluarga yang diuruskan oleh Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK). Berkeluasan 2.5 ekar, JMAR merupakan mercu tanda baharu yang dibangunkan di Jeram Mengaji bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan keindahan hutan secara lebih dekat selain dapat menghirup udara segar.

Walaupun baharu dibuka, kawasan itu telah mempunyai 21 bilik hotel bajet untuk kemudahan para pengunjung sekiranya mahu bermalam di kawasan berkenaan. Malah, JMAR turut mempunyai dewan tertutup yang sesuai dijadikan lokasi seminar serta ceramah dan mampu menampung 300 orang dalam satu masa.

Jika mahu datang secara berkumpulan, JMAR turut mempunyai kemudahan dua blok asrama dan dewan terbuka untuk kegunaan 200 orang pada satu masa. Tidak cukup dengan itu, tapak perkhemahan yang mampu memuatkan 300 orang dalam satu-satu masa turut disediakan termasuklah surau dan dewan makan.

Bagi melengkapkan lagi kemudahan di JMAR, perkhidmatan untuk aktiviti rekreasi seperti Flying Fox, Abseiling, Wall Climbing, Jungle Trekking, memanah dan sebagainya turut disediakan. Menariknya harga yang tawarkan cukup berpatutan.

## **Konsep Patuh Syariah**

Selaras berada di negeri Serambi Mekah, JMAR menjadikan konsep patuh syariah sebagai asas utama dalam menggerakkan pusat rekreasi berkenaan. Pematuhan konsep itu merangkumi semua acara yang dikendalikan oleh pihak mereka. Langkah ini amat bertepatan dengan saranan kerajaan Kelantan yang memberikan penekanan kepada sistem pentadbiran berlandaskan Islam. Situasi ini terus meletakkan kerajaan Islam Kelantan menjadi peneraju dalam memperjuangkan sistem pentadbiran dengan meletakkan al-Quran dan hadis sebagai ikutan. Q



**Pejabat urusan Jeram Mengaji Agro Resort.**



# DR.YAACOB YUSOFF

## *Perjuangan Pendidikan Rabbani*

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Foto: Ahmad Nai'me Muhammad



**DR. YAACOB YUSOFF**

**Usia:**  
64 tahun

**Asal:**  
Kampung Teluk Kitang, Pengkalan Chepa

**Isteri:**  
Shamsiah Harun

**Usia:**  
58 tahun

**Anak:**  
Tiga orang

**Pendidikan:**

Sekolah Kebangsaan (SK) Parang Puting, Pengkalan Chepa.

Maahad Muhammadi Jalan Merbau.

Kolej Islam Klang (tingkatan enam bawah dan enam atas).

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan kepujian (Pengajian Arab dan Tamadun Islam) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Diploma Pendidikan UKM.

Masters in Islamic Studies (Islamic Civilisation) University of Birmingham, United Kingdom.

Doctor of Philosophy in Education University of Birmingham.

Kecenderungannya dalam bidang pendidikan bermula sejak mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berpuluh tahun beliau berjuang memartabatkan Islam sebagai tunjang semua bidang pendidikan dan pelbagai ranjau telah ditempuhi sehingga terbentuknya Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Dr. Yaacob Yusof memulakan kerjaya pada tahun 1979 sebagai pensyarah di Pusat Pendidikan Islam Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang ketika itu dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM). Ia bermula di kampus utama Shah Alam sebelum dihantar ke ITM Cawangan Sarawak pada tahun 1980 sehingga 1981. Kemudian beliau kembali ke Shah Alam pada tahun 1982.

"Ketika di ITM, saya beri tumpuan kepada bidang Tamadun Islam. Dalam pada itu saya berminat untuk menerokai perkembangan bidang pendidikan. Pada tahun 1984, saya melanjutkan pengajian Sarjana di Universiti of Birmingham, United Kingdom (UK) dengan fokus kepada *theory of knowledge*. Ia merujuk keperluan pendidikan sebenar iaitu pendidikan Islam."

"Saya pulang ke ITM Shah Alam dan menyambung tugas sebagai pensyarah selama lima tahun. Selepas itu saya kembali ke Universiti of Birmingham untuk menyempurnakan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pendidikan," kata Dr. Yaacob.

**Sakit, bersara awal dan perjuangan**

Ketika membina karier dalam bidang pendidikan, beliau melihat ada beberapa isu yang berbahaya kepada akidah umat Islam. Antaranya adalah teori Darwinism dan Evolusi Hayat yang disebar luas dalam pendidikan sains. Bagi beliau, bukan hanya teori sains, malah teori-teori lain seperti ekonomi, kimia, fizik, peredaran alam dan sebagainya yang bersifat kebaratan mempunyai bahaya tersendiri terhadap akidah umat Islam.

"Kebimbangan ini mendorong saya untuk memperjuangkan Islam sebagai tunjang kepada semua bidang pendidikan, terutama di ITM yang majoriti pelajarannya adalah Muslim. Malangnya saya jatuh sakit dan terpaksa bersara awal pada tahun 2006.

"Bagaimanapun saya mendapat peluang kedua apabila mula bertugas sebagai pendaftar di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada tahun 2009. Saya turut melaksanakan tugas sebagai pensyarah semasa tiga tahun terakhir di KIAS. Namun subjeknya berubah kepada Perhubungan Etnik serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)," katanya.

Pada tahun 2015, sekali lagi Dr. Yaacob jatuh sakit dan kontraknya bersama KIAS tidak disambung. Namun peluang meneruskan perjuangan terus terbuka. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan,

Pendidikan dan Pengajian Tinggi ketika itu, Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan meminta beliau menjadi Pegawai R&D, dan seterusnya pada Julai 2018 sebagai Pengarah Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK).

Bagaimanapun, bukan itu sahaja permintaan Dr. Mohamed Fadzli. Exco Kerajaan Negeri Kelantan itu turut meminta Dr. Yaacob bersama beberapa tenaga pakar lain membentuk satu sistem pendidikan atau orientasinya yang mematuhi Syariah Islamiah. Ia bagaikan restu daripada Allah SWT terhadap perjuangan beliau selama ini dan dari situ lahirlah Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

"Bagi saya, Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan merupakan kemuncak sumbangan saya dan kawan-kawan dalam dunia pendidikan negara. Bagaimanapun ia tetap memerlukan kerja susulan seperti latihan, pembinaan modul dan lain-lain," kata Dr. Yaacob lagi.

### Kepentingan Dasar Pendidikan Rabbani

Usaha memperjuangkan Dasar Pendidikan Rabbani dianggap penting kerana ia adalah dasar pendidikan yang benar-benar memartabatkan Islam. Menurut Dr. Yaacob, dasar ini menggunakan semula tema daripada al-Quran yang telah lama ditinggalkan iaitu Rabbani. Misi dan visinya telah dilaksanakan di KIAS serta Yayasan Islam Kelantan (YIK). Melalui dasar ini, golongan pendidik diberi gelaran Murabbi, malah konsep kemahaguruhan Rabbani diperkenalkan.

"Ada yang tanya saya sama ada Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan bertentangan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan atau tidak. Jawapannya tidak. Namun Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai ruang lompong iaitu tiada nilai Rabbani. Ia tidak menyebut tentang ukhrawi sedangkan ia adalah tujuan tertinggi dalam Islam iaitu kejayaan di dunia dan akhirat."

"Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan adalah penambah lengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kita mahu lahirkan graduan Rabbani melalui dasar pendidikan ini. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan masih baharu tetapi jika dilaksanakan dengan serius dan bersistematis, kesannya akan dapat dilihat dengan jelas," kata Dr. Yaacob.

Tahap keberkesanan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan tetap dikaji dari semasa ke semasa dan ada rekod yang jelas. Ia merupakan sistem pendidikan yang bagus serta diterima baik oleh semua pihak. Beliau menasarkan dalam masa lima tahun akan ada kelompok pelajar membawa orientasi pendidikan sebegini ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di dalam dan luar negara serta menjadi manusia yang lebih sempurna.

**Dr. Yaacob mengakui penguasaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan belum berada pada tahap maksimum. Namun telah ada pendedahan dan golongan pendidik serta pelajar menerima dasar ini sebagai tanggungjawab sebenar. Penguasaan perlu ada penghadaman, susulan dan beberapa elemen lain.**

"Penguasaan juga merujuk kepada kesediaan sumber atau bahan. Kajian mendapat guru-guru aliran sains serta lain-lain teras memerlukan manual bagi membantu mereka mengetahui ayat al-Quran yang boleh dikaitkan dengan teori dan fakta tertentu sains."

"Kita putuskan untuk melaksanakan projek penyediaan manual berkaitan dan insya-Allah akan bermula pada tahun 2019. Ia mungkin akan ambil masa setahun dan kita juga memerlukan peruntukan untuk petugas dan tenaga kerja. Kertas kerja projek ini sudah dibawa ke mesyuarat dan diluluskan," katanya.

### Harapan kembali jadi hab pendidikan

Dr. Yaacob berharap Kelantan kembali menjadi hab pendidikan Islam di Nusantara. Menurut beliau, Kerajaan Melayu Melaka mungkin kerajaan Islam terbesar dalam sejarah Nusantara tetapi ia tidak terkenal dalam bidang pendidikan. Begitu juga kewujudan kerajaan Islam awal di Kuala Berang, Terengganu seperti dibuktikan dengan penemuan batu bersurat.

Kata beliau, kedua-dua kerajaan itu tidak terkenal dalam bidang pendidikan. Kerajaan Melayu Melaka sendiri lebih terkenal dalam bidang perdagangan dan penguasaan politik. Dalam konteks tarbiah dan pendidikan Islam, mercu tanda serta habnya bagi seluruh Nusantara adalah di Patani dan Kelantan.

"Saya harap sejarah itu berulang. Sebenarnya keperluan ini ada kaitan dengan misi pengislamahan ilmu yang digagaskan di Mekah, Islamabad, Dakkar dan Jakarta pada tahun 1980-an. Kerajaan Malaysia cuba melaksanakan gagasan itu melalui Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), namun kerana polemik politik, ia tidak konsisten dan kini tidak lagi kedengaran.

"Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri Kelantan mengajak kami memimpin agenda ini. Jadi kita turut mempunyai komitmen, restu, perlindungan dan sokongan politik. Ia semakin kuat dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), kita dapat lihat pengaruhnya meluas sehingga ke negeri lain. Jadi saya amat berharap Kelantan kembali sebagai pusat pendidikan Islam dan insya-Allah pengaruhnya meluas ke Nusantara," katanya.

### Pendidikan dan kebersihan

Dr. Yaacob tercuit untuk membicarakan isu kebersihan Kelantan secara realistik. Beliau menekankan perkaitan rapat antara kebersihan dengan kebersihan hati dan pendidikan. Dalam aspek inilah pentingnya peranan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan yang kekuatannya adalah dalam aspek rohani.

"Kelantan sering disebut sebagai negeri Islam, negeri tadahan wahu dan kebersihan sebahagian daripada iman. Namun isu kebersihan menjadi polemik sehingga ke hari ini. Di sini pentingnya Dasar Pendidikan Rabbani yang meletakkan Allah SWT sebagai Rabb dan mempunyai kekuatan untuk menerjah hati, merubah sikap serta mencorak pemikiran dan gaya hidup Muslim agar cintakan kebersihan," jelasnya.



**"Golongan pendidik juga harus menjadi suri teladan kepada pelajar dan masyarakat. Bukan hanya beri nasihat malah jadi contoh di samping berusaha memasukkan elemen Rabbani ke dalam pendidikan dan mengaitkan dengan isu kebersihan. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) mempunyai sembilan prinsip dan nilai teras yang menekankan aspek kebersihan jiwa. Saya harap dengan menghayati dasar pendidikan ini, akan wujud rasa untuk mengutamakan kebersihan dalam jiwa masyarakat," kata beliau.**

Beliau percaya, apabila sampai ke kemuncak kejayaan atau pencapaiannya, pendidikan bersifat Rabbani akan memberi kesan kepada manusia dan kebersihan. Seseorang yang mempunyai sifat Rabbani pasti memahami bahawa Tuhan tidak suka kepada kekotoran dan dia sendiri pasti tidak selesa dengan kekotoran.

"Usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan kefahaman mengenai Rabbani. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan mula dibentuk pada November 2015 bersekali dengan pelancaran ILPK. Ia dibentuk melalui dua persidangan pada tahun 2016 dan 2017, kita menggiatkan kefahaman mengenai dasar pendidikan ini. Pada tahun 2018, kita melaksanakan proses pendokumentasian dasar ini bagi menjadikan ia benar-benar seperti dikehendaki al-Quran termasuk dalam aspek kebersihan," tambah beliau.

#### **Didik jiwa cintai kebersihan**

**Tidak dinafikan penguatkuasaan, denda dan habuan mempunyai kesan dalam isu kebersihan kerana manusia mudah terasa dengan aspek kebendaan. Bagaimanapun Dr. Yaacob berpendapat lebih baik rasa cintakan kebersihan lahir daripada jiwa supaya masyarakat tetap menjaga kebersihan walaupun tanpa penguatkuasaan; hukuman atau ganjaran.**

"Pendidikan kebersihan perlu bermula pada peringkat prasekolah sehingga tamat persekolahan. Saya masih ingat ketika di sekolah rendah, setiap pagi kami berbaris di hadapan kelas dan kutip sampah sebelum memulakan sesi pembelajaran. Ini cara pelajar dahulu dilatih untuk sentiasa peka dan jaga kebersihan."

"Pelajar akan rasa bersalah jika sampai lewat ke sekolah sebab tidak sempat bersama rakan-rakan untuk membersihkan kawasan sekolah. Jika pendekatan sama diguna pakai pada masa kini, pasti ibu bapa akan pertikai," kata beliau sambil menekankan betapa pemikiran masyarakat hari ini dipengaruhi unsur individualistik dan glamor.

Ibu bapa perlu dibawa bersama untuk menyokong pendidikan kebersihan. Sektor politik boleh membantu dalam aspek ini dengan syarat politik itu bersifat Rabbani. Ini kerana politik pada masa kini adalah lebih bersifat kebendaan dan tidak bersifat mendidik.

"Kita perlu bersabar kerana ada cabaran besar dalam melaksanakan perkara ini. Janganlah kita risau dengan fenomena ini kerana apa yang penting adalah kerja keras membentuk kehidupan Islam dalam erti kata sebenar, termasuk juga hidup secara bersih," katanya.



# NAIMbif

*Jenama Lembu Kelantan*

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Idea penubuhan NAIMbif sebenarnya telah bermula pada tahun 2012 dan telah disebar luas kepada penternak lembu kacukan di Bachok. Namun idea dan konsepnya hanya dibentangkan dan diluluskan dengan beberapa pindaan pada 26 Mac 2016.

NAIMbif diperkenalkan dengan tujuan memenuhi dasar Bertani Satu Ibadah. Ia bersesuaian dengan konsep pentadbiran berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah iaitu konsep pentadbiran yang telah 29 tahun diamalkan oleh kerajaan negeri Kelantan melalui dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

*"Makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah iaitu yang halal lagi baik dan bertawakkallah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman"* (Al-Maidah: 88)

Dalil al-Quran itu secara jelas menunjukkan Allah SWT memerintahkan umat Islam agar mementingkan makanan halal, sihat dan berkualiti. Aspek yang cukup penting bukan hanya kepada umat Islam tetapi umat manusia secara keseluruhannya. Dalil ini juga secara jelas menuntut umat Islam untuk sentiasa mengharapkan perkara yang baik daripada Allah SWT.

## **Halalan toyyiba**

Melalui Pelan Strategik Merakyatkan MBI, kerajaan negeri memperkenalkan sistem penternakan lembu secara tertutup atau bridlot di Kelantan. Sistem yang digunakan dalam NAIMbif mampu melengkapi keperluan "halalan toyyiba" serta dasar Bertani Satu Ibadah.

Melalui sistem ini, induk lembu dipelihara dan dibiakan secara intensif atau semi-intensif dalam kawasan berpagar serta terkawal. Ia diberi makanan daripada rumput yang ditanam, bahan hijau atau sisa pertanian dirawat bagi menambahkan nilai nutrisi. Di samping itu, konsentrat diberikan sebagai makanan tambahan untuk menghasilkan daging halal, berkualiti, bersih dan suci berdasarkan hukum syarie.

Induk lembu dipilih daripada kacukan baka Charolais generasi F2 dan F3. Ia merupakan keperluan minimum yang telah mencapai tahap piawai kualiti yang ditetapkan. NAIMbif adalah perancangan jangka panjang kerajaan negeri dengan hasrat menjadikan Kelantan pengeluar utama lembu pedaging halal negara. Ia selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk melihat Kelantan menjadi peneraju perubahan dalam pelbagai bidang demi kemaslahatan umat Islam.



## Pemilihan baka

Lembu kacukan Charolais adalah bersesuaian dengan tujuan serta matlamat penubuhan NAIMbif. Ia mempunyai nilai produktiviti tinggi yang boleh membantu prestasi pengeluaran. Charolais menunjukkan prestasi pembiakan yang baik dengan purata jarak kelaahiran tidak melebihi tempoh 360 hari.

Charolais sesuai dikacukkan dengan mana-mana baka berprestasi tinggi. Ia juga memiliki otot berganda dengan kadar kesulitan rendah semasa melahirkan anak. Nilai-nilai ini dapat membantu peningkatan pengeluaran hasil lembu pedaging.

Charolais sebenarnya telah diperkenalkan sejak tahun 1974 tetapi ramai tidak tahu ia merupakan baka paling popular. Ia juga menjadi pilihan utama penternak lembu hibrid di Kelantan. Lebih menarik, baka lembu ini mampu menghasilkan kacukan anak lembu berkualiti dan mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

Charolais juga dilihat semakin stabil dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca, suhu serta persekitaran, jadi ia memudahkan proses penjagaan. Ia juga mempunyai sifat keibuan yang baik, jinak dan mudah diurus. Lembu betina kacukan Charolais mampu mencapai umur matang dengan cepat dan menunjukkan tanda-tanda mengawan seawal usia setahun.

## Transformasi penternakan lembu

NAIMbif membawa misi kerajaan negeri Kelantan iaitu transformasi bidang penternakan dan memupuk minat rakyat untuk menceburii bidang penternakan. Begitu juga dengan memanfaatkan segala sumber alam, potensi dan tanah terbiar dengan aktiviti yang dapat mengoptimumkan penjanaan ekonomi.

Namun misi yang lebih penting adalah melahirkan golongan penternak yang menghayati Islam dan menghidupkan konsep ibadah dalam kehidupan serta pekerjaan harian, juga melahirkan masyarakat yang sedar dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan persekitaran, kejiranan dan pengeluaran produk halal serta selamat dimakan.

Transformasi bidang penternakan dilaksanakan menerusi penghasilan produk lembu pedaging berkualiti, halal, bersih, suci dan bebas penyakit berbahaya. NAIMbif diharap dapat melahirkan penternak dengan kesedaran mengenai kepentingan amalan penternakan yang baik iaitu peka terhadap kepentingan kualiti melalui penggunaan sistem cekap dan produktif.

Transformasi ini akan membolehkan Kelantan terus menjadi contoh dalam menerajui perubahan industri penternakan lembu di Malaysia. NAIMbif adalah platform terbaik bagi merangsang industri penternakan lembu pedaging semi-komersial dan kecil-kecilan di Kelantan. Ia diharap akan menjadi lebih berdaya saing dan maju pada masa hadapan menerusi perkhidmatan veterinar berkualiti.

## Ibadah dalam penternakan

"Dan Kami jadikan untukmu di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur serta Kami pancarkan untuknya beberapa mata air. Agar mereka dapat makan buahnya dan daripada hasil usaha tangan mereka. Mengapa mereka tidak bersyukur?" (Yaasin: 34-35)

Antara matlamat utama di sebalik penubuhan NAIMbif adalah untuk menjadikan bidang penternakan sebagai satu pekerjaan mulia. Matlamat ini sangat bersesuaian dengan firman Allah SWT:

*"Agar mereka menyaksikan pelbagai manfaat untuk mereka dan agar mereka menyebut nama Allah pada beberapa hari yang telah ditentukan atas rezeki yang Dia berikan kepada mereka berupa haiwan ternakan. Maka makanlah sebahagian daripadanya dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan oleh orang-orang yang sengsara dan fakir"* (Al-Hajj: 28)


Aspek pendidikan sangat penting dalam membentuk penternak yang menghayati konsep ibadah dalam kehidupan. Konsep ini sangat penting kerana ia mempengaruhi kualiti hasil ternakan. Kerana itu, penternak perlu dididik dengan rasa kebertanggungjawaban tinggi melalui penjagaan kebajikan ternakan. Ia merangkumi penyediaan makanan mencukupi dan kebersihan kawasan kandang bagi memastikan ternakan menikmati persekitaran yang baik kerana ia juga akan mempengaruhi kualiti daging.

### Amalan Pengeluaran Lembu NAIMbif

Konsep ibadah dalam penternakan dilengkapkan dengan penetapan pematuhan piawaian kualiti dinamakan Amalan Pengeluaran Lembu NAIMbif. Tujuannya adalah menjadikan projek lembu pedaging kacukan penjana sumber ekonomi masyarakat tani di Kelantan berdasarkan konsep Bertani Satu Ibadah. Seterusnya menyediakan kaedah pengiktirafan kepada pengusaha lembu pedaging mengikut tahap piawaian di bawah Amalan Pengeluaran Lembu NAIMbif.

NAIMbif dijangka dapat mendorong perkembangan pesat industri penternakan kecil-kecilan di Kelantan. Ia mampu menjadikan industri penternakan lebih maju dan berdaya saing yang mana lembu diternak dengan sistem ini dijangka mampu bertahan daripada pelbagai serangan penyakit menerusi bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

NAIMbif juga mampu merangsang pertumbuhan aktiviti huluhan seperti pemprosesan bahan hijau dan sisa pertanian untuk sumber makanan ternakan. Juga aktiviti hiliran seperti pengeluaran baja organik, perusahaan makanan tradisional berdasarkan daging, kulit dan sebagainya. Aktiviti penternakan di bawah jenama NAIMbif boleh digerakkan secara bersepadu bersama aktiviti lain bagi memacu sektor agropelancongan di Kelantan. ☐





# Masjid Bersih, Negeri Makmur

**Empat masjid terbaik untuk  
dikunjungi jemaah dan musafir**

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed  
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Islam amat menitikberatkan kebersihan dalam mencari kesempurnaan iman dan ibadat. Lebih-lebih lagi melibatkan masjid sebagai rumah Allah SWT dan identiti Islam. Ia juga perkara paling didambakan musafir demi keselesaan beribadat setelah penat melalui perjalanan yang jauh.

Terdapat beberapa masjid yang telah diiktiraf sebagai terbaik dan terbersih oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Empat antaranya adalah Masjid Ibrahim di Pasir Puteh, Masjid Sultan Yahya Petra di Machang, Masjid Sultan Muhammad III di Pasir Mas dan Masjid Ansorillah di Mukim Kemahang, Tanah Merah. Qiadah berkongsi kaedah yang digunakan empat masjid berkenaan dalam pengurusan kebersihan agar dapat dicontohi oleh masjid-masjid lain di seluruh Kelantan.

## Masjid Ibrahim, Pasir Puteh

Damai rasanya bila berkunjung ke Masjid Ibrahim yang dinamakan sempena Sultan Kelantan, Almarhum Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Muhammad IV. Masjid berusia 77 tahun ini dibina pada tahun 1939 di kawasan seluas 2.02 hektar di pusat bandar Pasir Puteh. Halamannya dihias landskap menghijau dan kebersihan persekitaran dijaga rapi.

Imam Tua, Mohd Rosman Che Harun memaklumkan, sebagai masjid bandar dan kepala jajahan, Masjid Ibrahim menerapkan sistem pentadbiran dan pengurusan bersistematis yang diperkenalkan oleh MAIK sejak tahun 2009 termasuklah aspek pengurusan kebersihan.

**“Pengurusan kebersihan masjid digerakkan oleh lima pekerja lantikan MAIK dan lima pekerja lantikan masjid. Ia diletakkan di bawah pemantauan bilal, Shukri Hassan dengan dibantu mandur, Shamsuddin Abdullah. Kita juga ada dua perjawatan tetap iaitu seorang tukang kebun dan seorang siak. Setiap pekerja diberikan satu kawasan untuk dijaga. Mereka akan melakukan kerja pembersihan di kawasan jagaan masing-masing mengikut jadual ditetapkan. Kesemua gerak kerja akan dipantau oleh bilal dan mandur,” katanya.**



Menurut Mohd Rosman, banyak inisiatif diambil bagi memajukan Masjid Ibrahim. Beliau mahu orang ramai melihat masjid bukan hanya tempat ibadat tetapi sebagai pusat tumpuan ramai dan institusi yang mampu membantu golongan yang memerlukan. Kerana itu juga, bantuan untuk asnaf sebanyak RM1,200 daripada peruntukan kewangan masjid dimulakan pada tahun 2017.

**“Kerja memajukan masjid adalah ibadat, perlu kesepakatan, persefahaman dan kerjasama. Paling penting mesti ikhlas dan jangan berkira untuk guna sumber kewangan demi memajukan masjid. Percayalah, lebih banyak kita belanjakan, lebih banyak akan kita peroleh kembali. Usaha ini menggalakkan fidyah yang mampu menghidupkan masjid,” pesan Mohd Rosman.**

## Masjid Sultan Yahya Petra, Machang

Masjid Sultan Yahya Petra adalah pusat tumpuan masyarakat dengan adanya pelbagai perkhidmatan disediakan. Antaranya ialah kaunter zakat, khidmat kaunseling Islam dan kelas bahasa Inggeris. Sejak tahun 2010, banyak anugerah diterima oleh masjid yang dibina pada tahun 1968 ini. Namun paling besar adalah muncul juara sulung Anugerah Masjid Terbaik Malaysia kategori Masjid Daerah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2014.

Menurut Imam Tua, Mohd Hafizi Ramli, masjid ini ditadbir oleh dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan Machang dan diberisi ketua-ketua jabatan. Manakala Jawatankuasa Kerja pula dipengerusikan oleh beliau dan semua jemaah merupakan ahli jawatankuasa dengan 46 individu sebagai ahli jawatankuasa utama.


**“Pengurusan kebersihan dipantau oleh Biro Keselamatan dan Keceriaan Masjid dan digerakkan oleh empat pekerja kebersihan iaitu sukarelawan yang dibayar elauan harian. Mereka diberikan zon untuk dijaga mengikut jadual. Kami turut adakan gotong-royong bulanan melibatkan jemaah dan jabatan kerajaan.”**

“Pihak masjid turut mainkan peranan mendidik masyarakat mengenai kebersihan melalui program yang digerakkan oleh Biro Hal Ehwal Belia dan Remaja. Dalam aspek keselamatan, masjid ini dilengkapi 16 kamera litar tertutup (CCTV) dan tiga pengawal keselamatan yang bertugas 12 jam setiap malam. Turut disediakan adalah ruang solat untuk musafir,” katanya.

Beliau berpendapat, masjid bandar dan jajahan sudah mencapai tahap kebersihan memuaskan. Namun di peringkat mukim, tahap kebersihan belum memuaskan dan ia mungkin kerana kekurangan tenaga kerja dan tiada biro yang menjaga kebersihan.

“MAIK sudah menganjurkan banyak kursus untuk mendidik imam serta ahli jawatankuasa berkenaan cara mendidik jemaah mengenai kebersihan. Kerajaan negeri Kelantan juga sudah mengambil inisiatif dengan menganjurkan anugerah pada sambutan Hijratul Rasul setiap tahun,” katanya.

Mohd Hafizi memberitahu, pihak masjid sedang merancang untuk membina kompleks tahniz di atas tanah seluas 0.40 hektar yang sudah dibeli. Usaha mencari dana untuk tujuan itu sedang dirangka. Orang ramai yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut atau menyumbang, boleh menghubungi Pejabat Pentadbiran Masjid Sultan Yahya Petra pada talian 09-975 4150.



## Masjid Sultan Muhammad III, Pasir Mas

Masjid Sultan Muhammad III di Pasir Mas juga ditadbir oleh dua jawatankuasa. Jawatankuasa Induk dipengerusikan oleh Ketua Jajahan Pasir Mas dan Imam Tua, Mohamad Sabri Abd Ghani sebagai Timbalan Pengerusi. Ahli jawatankuasanya pula dalam kalangan ketua-ketua jabatan. Satu lagi adalah Jawatankuasa Imarah Masjid yang dipengerusikan oleh Mohamad Sabri sendiri.

Masjid yang mula dibina pada tahun 1937 dengan kos RM31,000 ini telah beberapa kali dianugerahkan sebagai masjid terbaik di Kelantan. Pengurusan kebersihan dan keceriaannya digerakkan oleh lima pekerja am (tiga lelaki dan dua perempuan) yang merupakan sukarelawan yang dibayar eluan oleh MAIK.


Mohamad Sabri memaklumkan, pihak masjid turut mengadakan bengkel kebersihan dan keceriaan masjid bersiri kepada kesemua 20 kaktangannya. Pengurusan kebersihan masjid dipantau oleh seorang siak lantikan MAIK bersama pembantu siak lantikan masjid. Selain lima pekerja am, masjid ini turut mempunyai seorang tukang kebun lantikan MAIK untuk pengurusan keceriaan masjid.

"Kami sentiasa mengadakan perjumpaan mingguan bersama Jawatankuasa Kebersihan dan Keceriaan Masjid untuk taklimat. Kerja-kerja pengurusan harian tetap berjalan seperti biasa. Kita turut menganjurkan gotong-royong dua atau tiga bulan sekali melibatkan jemaah dan jabatan kerajaan sebagai inisiatif tambahan.

**"Kerja pembersihan ditetapkan sebanyak tiga kali sehari iaitu pagi, tengah hari dan petang. Setakat ini saya berpuas hati dengan tahap kebersihan masjid. Kami sebenarnya berdepan cabaran dengan pengurusan kebersihan kerana masjid ini menjadi tempat pelajar dari lima sekolah sekitar berkumpul sementara menunggu ibu bapa datang mengambil mereka," katanya.**

Menurut Mohamad Sabri, segelintir pelajar sekolah akan meninggalkan sisa atau bekas makanan yang mereka beli di merata tempat walaupun tong sampah telah disediakan. Oleh sebab itu, ahli jawatankuasa masjid perlu sentiasa membuat pemantauan di sekeliling kawasan masjid untuk memastikan kebersihan terjaga.

"Kami mengambil pelbagai inisiatif dan sentiasa mengingatkan jemaah untuk menjaga kebersihan. Dalam khutbah juga perkara ini seringkali diulang-ulang. Kita juga adakan forum melibatkan belia serta remaja dan aspek kebersihan sentiasa diselitkan dan ditekankan."



**"Kesedaran jemaah terhadap kebersihan berada pada tahap pertengahan dan boleh dikatakan telah ada perubahan positif berbanding sebelum ini. Bagaimanapun, usaha memberi kesedaran termasuk kempen kebersihan perlu diteruskan dari semasa ke semasa. Harapan saya adalah usaha ini mendapat kerjasama daripada semua pihak," katanya.**

Beliau turut berkongsi tips pengurusan kebersihan iaitu mestilah kerap adakan kempen serta program berkaitan kebersihan termasuk gotong-royong. Tidak boleh serik atau putus asa dan usaha menjaga kebersihan perlu diteruskan. Pesan beliau, kita perlu ikhlas dalam berkhidmat kepada masjid demi mencari keredaan Allah SWT dan jangan terlalu mengira habuan dunia.


## Masjid Ansorillah, Mukim Kemahang, Tanah Merah

Sungguhpun hanya bertaraf masjid mukim, pengurusan, kebersihan dan keceriaan Masjid Ansorillah patut dipuji. Boleh dikatakan, masjid ini menjadi lambang kesatuan masyarakat kerana mereka terlibat secara langsung sejak pembinaannya pada tahun 1987.

Pengerusi Masjid Ansorillah, Mohd Jusoh Ismail berkata, penglibatan masyarakat di Felda Kemahang 1 dengan masjid ini bermula sejak mula penubuhannya lagi. Ini termasuklah modal pembinaan masjid yang sepenuhnya disumbangkan oleh masyarakat serta sedikit sumbangan daripada pihak Felda. Beliau juga bersyukur kerana penduduk yang juga peneroka memberi kepercaayaan kepada pihak masjid.

Pada tahun 2017, masjid ini menerima Anugerah Masjid Terbaik Felda peringkat Kebangsaan dan Anugerah Masjid Terbaik Negeri Kelantan dalam kategori Masjid Mukim dengan memenuhi 100 peratus kriteria yang telah ditetapkan. Pengurusan kebersihan diletakkan di bawah tanggungjawab empat siak (dua lelaki dan dua wanita). Seorang siak merupakan lantikan MAIK, manakala tiga siak lagi adalah lantikan masjid.

Imam tua, Mohd Humaizi Abd Aziz memberitahu, pemantauan kebersihan dan keceriaan masjid adalah di bawah jawatankuasa kecil bahagian kebersihan yang diketuai oleh Abd Wahab Sulaiman. Bagaimanapun, semua jemaah mengambil tanggungjawab untuk sama-sama memantau kebersihan dan keceriaan di sekitar kawasan Masjid Ansorillah.



**"Alhamdulillah, setakat ini semua pihak berpuas hati dengan tahap kebersihan dan keceriaan masjid. Kita juga beri elauan kepada semua siak walaupun tidak banyak. Ia sebagai menghargai titik peluh yang mereka curahkan demi masjid ini."**

**"kerja-kerja pembersihan dilaksanakan tiga kali seminggu dan akan mengambil masa selama dua hingga tiga jam sehari mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, keempat-empat siak biasanya ambil inisiatif untuk buat kerja lebih masa kerana Allah SWT," katanya.**

Pesan Mohd Humaizi, masjid adalah rumah Allah SWT dan kebersihannya perlu diutamakan bagi memastikan suasannya selesa dan boleh memakmurkan masjid itu sendiri. Katanya, sekiranya sesebuah masjid itu bersih terutama di bahagian tandas, kemakmuran pasti berlaku. Apa yang penting, semua ahli jawatankuasa masjid memberi sepenuh kerjasama dan teguran secara berhemah andai ada sebarang masalah.

Sementara itu, Mohd Jusoh pula berkata, aspek imarah masjid adalah sangat penting terutama pada hari kebesaran Islam. Menurutnya, Masjid Ansorillah tidak pernah ketinggalan dan sentiasa mengadakan majlis sambutan hari kebesaran umat Islam. Hasilnya, masjid berkenaan tidak pernah sunyi daripada kehadiran jemaah dan juga orang kenamaan termasuk mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Hj. Ahmad Yakob. ☉





# Jiwa Kental Kunci Kejayaan

## Tan Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh

Oleh: Aishah Jamal

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Jiwa kental adalah kunci kejayaan Tan Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh sebagai usahawan berjaya. Pemilik Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. ini menekankan, tidak mudah untuk menempa kejayaan tanpa semangat dan wawasan tinggi. Qiadah mendekati beliau untuk mengetahui resipi kejayaan serta pandangan mengenai Kelantan.

### Qiadah: Boleh ceritakan sedikit latar belakang diri Tan Sri?

Saya lahir di Kota Bharu dalam keluarga 10 beradik. Ayah saya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah, kemudian dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Persekolahan saya bermula di Kota Bharu sebelum berpindah ke Kuala Krai kerana ayah bertugas sebagai Pegawai Daerah di sana.

Selepas ayah bersara kami kembali ke Kota Bharu dan saya sambung persekolahan sehingga tamat tingkatan enam atas di Sultan Ismail College (SIC). Saya melanjutkan pengajian selama enam bulan di USM, kemudian terima biasiswa MARA untuk melanjutkan pengajian di Universiti Ohio, USA dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Kimia dan Matematik. Saya sambung lagi pengajian di Universiti Miami, USA dalam jurusan Ijazah Sarjana Ekonomi dan Statistik.

### Qiadah: Bagaimana pula dengan perjalanan kerjaya Tan Sri?

Saya memulakan kerjaya sebagai pensyarah ekonomi di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1980. Setelah

setahun mengajar, saya bekerja di Petronas sebagai Eksekutif Pemasaran di bahagian Pemasaran Antarabangsa selama setahun sebelum saya dipelawa oleh rakan untuk meyertai HICOM pada tahun 1982 sebagai Penolong Pengurus di bahagian projek. Saya bertanggungjawab mengenal pasti dan menguruskan pembangunan projek.

Kemudian saya bertemu projek yang menyaksikan kelaahiran Proton dan Edaran Otomobil Nasional (EON). Pada tahun 1984, saya mula bertugas sebagai Pengurus Pemasaran EON dan dua tahun kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Bahagian.

Pada tahun 1989, saya dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah EON. Pada tahun 1992, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad minta saya ambil alih pengurusan Proton daripada Jepun. Saya bersara awal pada tahun 1996 untuk ceburi bidang keusahawanan.

### Qiadah: Kenapa Tan Sri memilih industri pengangkutan awam darat?

Ia bermula dengan pelawaan Dr. Mahathir untuk membeli MARA Holdings yang 60 peratus pendapatannya daripada bas ekspres. Ketika itu ia adalah sebuah konglomerat yang tidak pernah untung dan saya tiada pengalaman langsung dalam industri pengangkutan. Alhamdulillah, saya berjaya pulihkan MARA Holdings dalam setahun setengah dan ia mula jana keuntungan.

Saya mula faham masalah industri pengangkutan awam darat dan bila United Engineers mahu pelbagai

kan Park May Berhad, saya mohon kepada Dr. Mahathir untuk beli syarikat itu. Saya pulihkan Park May dalam masa yang lebih singkat iaitu setahun dan gabungkan dengan MARA Holdings di bawah Kumpulan Kenderaan Melayu Berhad (KKMB). Maka lahirlah Konsortium Transnasional Berhad (KTB) yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Pada tahun 1997, Dr. Mahathir lantik saya sebagai Pengurus Eksekutif Ekspres Relay (KLIA Express). Beliau minta saya laksanakan projek kereta api laju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Saya ambil masa selama 32 bulan untuk laksanakan projek tersebut.



Perasmian ERL.



Perasmian bas baharu Transnasional.

### **Qiadah: Boleh Tan Sri kongsikan lima resipi kejayaan sehingga berada pada tahap sekarang?**

Pertama, kepelbagaiannya latar belakang pendidikan dan perlu ada *based education*. Walaupun belajar sains, kita ambil tahu mengenai sains sosial dan kemajuan manusia. Ia dikenali sebagai *liberal education*. Saya sendiri ambil dua ijazah di USA iaitu kimia serta matematik dan ekonomi di samping pelbagai mata pelajaran elektif. Ia membantu saya melihat sesuatu perkara melalui sudut pandang yang pelbagai dan lebih kompetitif.

Kedua, semangat dan wawasan untuk berjaya serta tekad *we do things with excellent*. Itu cara pemikiran saya. Ketiga, mesti tabah hadapi cabaran dan dugaan. Perlu dedikasi, tidak berkira dan sentiasa berfikiran positif jika ingin berjaya. Keempat, kreatif dan inovatif. Jangan buat sesuatu yang orang lain juga akan buat. Tetapkan dalam minda kita boleh keluarkan idea kreatif yang tidak boleh ditiru oleh orang lain.

Kelima, semangat tidak mudah putus asa. Saya pernah mewakili negara ke pertandingan keusahawanan dunia dan bertanding pada peringkat global bersama 200 peserta dari seluruh dunia. Kami pernah ditanya, "kamu semua begitu berjaya berbanding jutaan rakyat di negara masing-masing. Apa yang membuatkan kamu berjaya berbanding orang lain? Cuba laungkan keistimewaan pada diri kamu sekarang!" Semua laungkan slogan sama, iaitu "we are different because we never give up".

### **Qiadah: Apa petua yang Tan Sri amalkan dalam mengurus segala cabaran?**

Tidak mudah mengalah. Bila kita dapat atasi sebarang rintangan dan cabaran, kita akan lebih berjaya. Perlu bijak mengurus masalah. Jangan hanya menanti tetapi perlu bertindak. Saya ambil risiko untuk beli MARA Holdings yang tidak pernah untung dengan harga murah. Akhirnya ia jana keuntungan dalam masa setahun setengah dan nilainya melambung naik.



Menangi anugerah Entrepreneur Of The Year.

### **Tan Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh**

Tarikh lahir: 1 Mei 1954  
Tempat lahir: Kota Bharu, Kelantan.

#### **Pendidikan:**

Sekolah Rendah Sultan Ismail,  
Kota Bharu (sehingga darjah 4).

Sekolah Rendah Sultan Yahya  
Petra, Kuala Krai.

SMK Sultan Yahya Petra 1  
sehingga Lower Certificate of  
Education (LCE).

Maktab Sultan Ismail (SIC) –  
tingkatan 4 hingga 6 Atas.

Universiti Sains Malaysia (USM)  
(selama 6 bulan).

Universiti Ohio, USA: Ijazah  
Sarjana Muda Ekonomi, Kimia  
dan Matematik.

Universiti Miami, USA: Sarjana  
Ekonomi dan Statistik.

#### **Kerjaya:**

1980: Pensyarah ekonomi  
Universiti Putra Malaysia (UPM).

1981: Eksekutif Pemasaran  
Petronas.

1982: Penolong Pengurus  
Bahagian Projek, HICOM.

1984: Pengurus Pemasaran  
Perkhidmatan, EON.

1986: Pengurus Division, EON.

1989: Ahli Lembaga Pengarah  
EON.

1990: Ketua Pegawai Eksekutif  
EON.

1996: Pemilik Nadicorp Holdings  
Sdn. Bhd.

#### **Pencapaian:**

Entrepreneur of the year 2009  
(Asia Pasific Entrepreneuership  
Awards).

Achiever of the year 2003  
(Charted Institute of Logistic  
and Transportation).



## Qiadah: Berapa kerap Tan Sri pulang ke Kelantan dan kenapa orang Kelantan suka merantau?

Saya pulang ke Kelantan lebih kurang sekali sebulan untuk jumpa ibu tiri dan abang saya. Lagipun Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan (SKMK) berada di bawah kelolaan saya. Saya juga terlibat dengan projek perumahan di Kelantan dan dilantik sebagai Pengurus Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Jadi saya perlu hadir banyak mesyuarat di Kelantan.

Faktor utama orang Kelantan merantau adalah kekurangan peluang pekerjaan di negeri sendiri. Ramai orang Kelantan melanjutkan pengajian pada peringkat universiti dan mahukan pekerjaan lebih baik. Sebab itu mereka berhijrah dan cari peluang di negeri lain sebagai pegawai kerajaan Pusat, berjawan di syarikat swasta dan menjadi usahawan. Apabila berhijrah, kita nampak peluang dan boleh mengembangkan potensi.

## Qiadah: Pada pandangan Tan Sri, apa kelebihan dan keistimewaan Kelantan?

Budaya, masakan dan kebolehan melaksanakan pelbagai perkara adalah kelebihan orang Kelantan. Namun saya lihat ia kian merosot seperti dalam industri krafangan. Dahulu, Kelantan masyhur dengan produk krafangan seperti tembaga, batik, songket, ukiran batu dan perak. Sekarang produk dari negeri lain lebih terkehadapan. Contohnya batik Terengganu. Jika perkara ini tidak dibendung, kita akan terus ketinggalan.

Kelantan ada banyak keistimewaan tetapi tidak diberikan tumpuan dan peningkatan. Sudahnya ia akan hilang begitu sahaja. Satu lagi keistimewaan Kelantan adalah kepelbagaiannya lauk dan masakan. Di negeri lain, lauk dan masakannya tidak sebanyak di negeri Kelantan.

## Qiadah: Sebagai anak Kelantan, apakah yang Tan Sri akan dilakukan untuk mengekalkan keistimewaan ini?

Bukan saya seorang, semua kelompok masyarakat perlu terlibat dalam mengekalkan keistimewaan Kelantan. Kita mesti sedar yang keistimewaan ini merosot kerana tiada inovasi. Bila buat benda sama selama bertahun-tahun, nilainya tidak berubah. Kita perlu berinovasi untuk lebih maju. Dalam budaya Jepun disebut kaizen. Perlu ada nilai kaizen dalam pengurusan agar mutu kerja dapat ditingkatkan secara berterusan.

# THE EDGE

BY RODWYN SIAH | 19 BUSINESS & INVESTMENT • EVERY MONDAY THE WEEK OF JANUARY 8, 2007

## Kong Triv's Malaysian connections

After the interview attended by Prime Minister Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad and his Cambodian counterpart Hun Sen at Hyatt Regency Kuala Lumpur, Kong Triv, a dark lounge suit stepped forward and shook out statements to journalists, some of them in Chinese first.

Today he is among the Cambodian business community at one of the most popular night spots in Phnom Penh, Carlton Hotel, with New Year's Noheng on board the Independence Night of Royal Cambodian Armed Forces.

The oligarchs were here to witness the finalisation of a USD 150 million deal between the Cambodian government and Malaysian businessman Chou Lop Kong, head of the Cambodian-based multimedia joint venture firm, Multimedia-Malaysia-Cambodia (MMC), worth USD 150 million, under the privatisation of Proton.

MMC, a joint venture between Malaysian partners and Cambodian government, will be headed by Kong Triv.

The Edify Ring Tzu started his corporate career in 1980 as a 20-year-old boy Teo Teng who kept the book of the big rich and most well-connected Singaporeans.

Now a multimillionaire in his own right, Kong Triv is chairman of the Cambodian Telecom Co Ltd, Cambodia World Trade Centre Co Ltd, Cambodian Construction Co Ltd, and Asia Pacific Commercial Bank Ltd. He is also the chairman for Multimedia and National products for Multimedia and Multimedia, listed on the KL Stock Exchange, and chairman of a diversified civil construction company based in Kuala Lumpur.

Honoured as managing director of Ngau Fook, Multimedia has completed more than 100 projects worth RM1 billion in contracts. The group made RM14.2 million turnover on turnover of RM99.46 million last year.

Chou is a low-profile entrepreneur whose business interests include furniture company Federal Furniture Holdings Bhd, in Petaling Jaya, the Edify Group and Asia Pacific Bank Ltd. — By Alan Wong

Off The Edge - Page 4

## In high gear

Bright fortunes for Proton despite high yen



Malaysian car giant Proton's latest car model.

By Adam Aris

The rising yen has eaten into the profits of companies the world over, but not so much in Malaysia. The upside of this is that it has boosted the national oil multilateral to record levels, and the yen's strength has managed to offset the exchange rate losses.

For stockbroking analysts, any real increase in oil prices is welcome news.

Analysts assume that Proton's profit will be much lower than last year's because of the yen. They could be right, but, equally, they could be wrong.

"Of course we are affected by the yen — about 20 per cent of our sales are directly from Japan," says Proton spokesman Goh Seng.

He says appreciation, which for protons means a rise in oil prices, has been a factor this year, but not as bad. Last year, price increases attributed to the appreciation of the US dollar against the yen caused a 10 per cent hit to Proton's earnings.

Oil prices have risen 10 per cent since last year. Proton had registered a record pre-tax

profit of RM400 million against a turnover of RM1.6 billion.

The 10 per cent bigger depreciation above 13 per cent against the yen last year.

Analysts say the market is still upbeat.

"It's a bit of a stockbroking analysts' rule of thumb that you can expect a 10 per cent

depreciation in the yen to result in a 10 per cent

fall in oil prices," says Nadirah.

Analysts say the yen's strength will be

mainly because of the yen's because of the yen.

They could be right, but, equally, they

could be wrong.

"It shows that everybody in the country is depending on the ways of living up to the price of oil," says Nadirah.

She says the rise in oil prices has been

the main reason for the rise in oil prices.

"We have brought about substantial cost savings," she says. "These measures will result in a better performance in the future."

"It shows that everybody in the country is depending on the ways of living up to the price of oil," says Nadirah.

She says the rise in oil prices has been

the main reason for the rise in oil prices.

"We have brought about substantial cost

avings," she says. "These measures

will result in a better performance in the future."

Ketika bersama Proton.



Ketika menyandang jawatan Executive Chairman di ERL.

## Qiadah: Bagaimana pula dengan segelintir masyarakat yang suka melabelkan Kelantan sebagai negeri kotor dan masyarakat pengotor? Adakah itu realitinya?

Ada asasnya dan kita jangan syok sendiri. Bandingkan negeri kita dengan negeri lain, dan letak satu standard kebersihan. Jangan terasa bila orang perlekeh negeri kita sebaliknya kaji kenapa mereka kata begitu. Kerajaan dan rakyat perlu menggembung tenaga demi memastikan Kelantan lebih bersih.

Kerajaan perlu laksanakan projek budaya kebersihan melibatkan semua golongan termasuk barisan Exco turut turun padang. Juga pastikan kempen diadakan berterusan.



Bersama Tun Dr. Mahathir ketika di Proton.



Sewaktu perasmian ERL Transit bersama Tun Dr. Mahathir.



Kenangan graduasi di Universiti Ohio.

**Program sebegini tentu ada kesannya dan orang Kelantan akan lebih peka dengan kebersihan. Jangan sekadar hangat-hangat tahi ayam. Penilaian tahap kebersihan perlu sentiasa dibuat untuk pastikan tahap kebersihan lebih baik atau sebaliknya. Kerajaan perlu cipta budaya baharu bagi meningkatkan kebersihan dan memastikan usaha ini berjaya.**

#### **Qiadah: Apa pandangan Tan Sri mengenai pentadbiran Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob dan Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI)?**

Kepimpinan Dato' Ahmad boleh diterima semua golongan dan beliau mahu membangunkan Kelantan. Namun beliau perlukan lebih banyak sokongan serta bantuan. Saya pernah cakap dengan beliau, kerajaan hanya boleh permudahkan proses meluluskan projek untuk tarik pelabur. Kerajaan negeri perlu bekerjasama dengan kerajaan Pusat untuk tarik lebih ramai pelabur.

Kerajaan negeri perlu kenal pasti sektor yang ada kelebihan kompetitif di Kelantan seperti perlombongan. Kelantan ada banyak bijih tetapi tiada ilmu untuk majukan industri perlombongan. Industri kecil dan sederhana (IKS) juga perlu dibina kerana industri besar sukar memasuki Kelantan disebabkan jaraknya jauh dari Kuala Lumpur. Kita juga tiada pelabuhan sesuai untuk eksport besar-besaran.

Membangun Bersama Islam (MBI) dan MMBI membawa satu harapan. Tetapi kita mesti nilai secara realistik. Tidak cukup ia sekadar menjadi slogan kerana yang penting adalah pengisian, pemantauan, ukuran dan objektif. Bayangkan apa pandangan orang lain terhadap MBI dan MMBI jika Kelantan masih dianggap negeri termiskin. Di sinilah pentingnya pandangan orang yang bukan ahli politik seperti saya.

Tanpa usaha tegas dalam melaksana pecutan pembangunan, mustahil Kelantan boleh membangun dengan pesat. Perlu ada strategi untuk menaikkan Kelantan dan kerajaan perlu main peranan untuk menggembungkan usaha agar pembangunan dapat dilaksanakan dengan pesat.

Bagi saya, lebih baik fokus kepada pemerkasaan IKS. Dulu Kelantan juarai industri keropok tetapi kini keropok Terengganu lebih dikenali. Pendapat saya sebagaimana pernah saya suarkan kepada mantan Menteri Besar, Allahyarham Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah Kelantan boleh dikatakan agak kurang mempunyai pemimpin yang boleh mendorong semua perkara ini.

Kena buang sikap hipokrit kalau mahu berjaya. Hayatilah nilai-nilai murni dalam Islam kerana itulah permulaan untuk berubah menjadi lebih baik. ☺



# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN **SURAU AL-MUSAFIR**

Anjuran: Kelab Mahabbah, PMBK

Tarikh: 26 Januari 2019

Masa: 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

Tempat: Surau Al-Musafir, Terminal Bas Kota Bharu  
(berhampiran pasar raya Tesco).




Program dimulakan dengan taklimat dan bacaan doa.


## AKTIVITI MENGECHAT SURAU



### MENCUCI TEMPAT WUDUK



### MEMBERSIKHAN SAWANG



### MEMBERSIKHAN KARPET



### MENGELAP TINGKAP



### LIPAT DAN SUSUN TELEKUNG SOLAT



### BERSIH DAN BERWAJAH BAHRU



### BERGAMBAR BERSAMA SELEPAS KERJA SELESAI DAN MENYAMPAIKAN SUMBANGAN PEMBERSIH VAKUM KEPADA PIHAK SURAU





## SYAWAL YANG MULIA DIRAI BERSAMA

Oleh: Siti Norazami Mohd Anuar

Foto:Ahmad Naime Muhammad

Tanggal 20 Syawal 1439 bersamaan 04 Julai 2018, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Kumpulan tidak melepaskan peluang untuk menyambut kedatangan bulan Syawal yang mulia dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis yang diadakan di perkarangan PMBK telah dihadiri oleh hampir 1,000 orang tetamu. Antara menu yang dihidangkan adalah nasi minyak, sate, soto, lontong, mi goreng, roti jala, kambing golek, air cendol dan pelbagai lagi.



PMBK  
Development  
Sdn. Bhd.  
menjuarai  
Pertandingan  
Gerai Cantik.

Tempat kedua  
dimenangi  
oleh Air  
Kelantan  
Sdn. Bhd.



Tempat ketiga  
dimenangi oleh  
Kelantan Utilities  
Mubaarakan  
Holdings Sdn.  
Bhd.



PMBK ditempat  
keempat bagi  
Pertandingan  
Gerai Cantik.



Pelancaran butik Bio Tajmeel juga telah diadakan bersekali dengan majlis tersebut. Antara acara yang menarik perhatian pengunjung ialah Menteri Besar Kelantan dan Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan telah dibawa menaiki beca elektrik sebagai tanda simbolik memperkenalkan teknologi yang digunakan untuk menggerakkan beca tersebut tanpa perlu menggunakan tenaga manusia.

Majlis Sambutan Hari Raya PMBK dan Kumpulan berlangsung dengan bersederhana namun kemeriahannya tetap dirasai oleh semua petugas dan tetamu yang hadir ke majlis tersebut. 



**Menteri Besar Kelantan dibawa menaiki beca ke perkarian PMBK.**



**Pelancaran Butik Bio Tajmeel oleh Menteri Besar Kelantan.**



**Menteri Besar Kelantan diiringi oleh KPEK ke tempat jamuan.**



**Gerai PMBK menghidangkan nasi minyak.**



**Gerai PMBK Development Sdn. Bhd.**



**Gabungan tiga syarikat menghidangkan roti jala.**



**Tetamu memenuhi perkarian PMBK bagi menikmati pelbagai juadah yang disediakan.**



**Gerai PMBK Sawit menyediakan air jagung kaw.**



**Gerai sate KUM.**



**Tetamu beraturpanjang untuk mendapatkan kambing golek.**



**Warga kerja PMBK Development Sdn. Bhd.**



**Warga kerja Kifaalah Sdn. Bhd.**



**Muslimat bergambar kenangan dengan Datin Tuan Sabariah.**




**Warga kerja (muslimin) PMBK bergambar bersama di gerai PMBK.**



**Muslimat bergambar kenangan sambil berehat seketika.**

MERAIKAN  
**10**  
TAHUN  
SKIM BANTUAN IMAM  
**ALGHAZALI**





675  
PELAJAR

RM735,000  
SUMBANGAN

RM50 x 12  
SELAMA 2 TAHUN

## SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI 10 TAHUN PMBK MENYALURKAN BANTUAN

Oleh: Siti Norazami Mohd Anuar Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Skim Bantuan Imam Al-Ghazali (SBIAG) Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah memasuki tahun ke-10 sejak ianya dilancarkan pada 02 Jamadil Akhir 1430 bersamaan 27 Mei 2009 oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat. Bantuan ini diberikan selama 2 tahun kepada pelajar yang terpilih. Pada awal pelancaran, jumlah penerima adalah seramai 50 orang bagi setiap sesi.

Namun bermula tahun 2014, bilangan penerima bantuan ini telah ditambah kepada 75 orang pelajar. Sehingga tahun 2018, jumlah keseluruhan pelajar yang menerima bantuan sejak ianya dilancarkan adalah seramai 675 pelajar yang terdiri daripada seluruh sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Majlis Penyampaian SBIAG kali ini telah diadakan di Dewan Teratai, Kota Darulnaim pada 23 Zulhijjah 1439 bersamaan 04 September 2018. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Hj. Ahmad Yakob dan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Kelantan, Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hj. Hassan.

Seramai 150 pelajar telah menerima sijil pengiktirafan daripada PMBK kerana telah terpilih untuk menerima bantuan ini. Pihak PMBK berbesar hati memberikan sumbangan kepada 5 orang pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2017. Antara pelajar terbaik ialah Aqilah Hadirah Hazizi (Maahad Muhammadi Pasir Mas), Amirul Shazwan Mohd Zul (Maahad Amir Indera Petra), Nik Fateen Syahirah Nik Mohd Zaki (Maahad Muhammadi Perempuan), Siti Fatihah Mohd Yusof (Maahad Muhammadi Perempuan) dan Raja Hasrullah Raja Hussin (Maahad Muhammadi Lelaki). Masing-masing telah memperolehi 12A dan 11A dalam peperiksaan tersebut.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli menyarankan agar jumlah pembiayaan bulanan dan bilangan pelajar ditambah supaya lebih ramai pelajar yang akan mendapat manfaat daripada usaha murni ini. Besar harapan agar pelajar yang terpilih menerima bantuan ini dapat menggunakan secara berhemah serta dimanfaatkan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik masing-masing. ☺



# PROGRAM BUBUR ASYURA

## SIMBOL KEKUATAN WARGA KERJA KUMPULAN PMBK

Oleh: Yusri Yaakub (Pengerusi Kelab Mahabbah, PMBK) Foto: Mustaqim Isa



Seramai 100 orang warga kerja Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah ber-gotong-royong memasak bubur asyura dan bubur lambuk sempena sambutan Hijratul Rasul 1440 di perkarangan parkir bangunan PMBK.

Program ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darulnaim (JAMiL) dengan kerjasama Kelab Mahabbah PMBK pada 17 Muharam 1440 bersamaan 27 September 2018 telah memasak dua kawah bubur asyura dan satu kawah bubur lambuk.



**Warga kerja PMBK & Kumpulan berganding bahu memasak bubur asyura dan bubur lambuk.**



**Bubur asyura dan bubur lambuk yang telah siap dibungkus dan sedia untuk diagihkan.**



Proses persiapan bahan mentah bubur ini telah bermula pada malam tersebut dan aktiviti memasak bermula dari pukul 7 pagi. Hasil kesungguhan semua peserta program dalam membantu kelancaran program ini, bubur lambuk telah dapat disiapkan seawal pukul 10.30 pagi manakala bubur asyura pula pada pukul 11.30 pagi. Bubur-bubur tersebut diagihkan kepada warga kerja di bangunan PMBK serta pelajar tahfiz yang berdekatan.

Program ini sangat bermakna kepada semua peserta yang mana segala kerumitan serta kesukaran telah dihadapi dengan penuh kesabaran dalam memastikan bubur ini dimasak dengan baik. Pada masa yang sama, aktiviti gotong-royong ini dapat menerapkan semangat kekitaan dalam kalangan warga kerja Kumpulan PMBK ini. ☺



## AKSB TUAN RUMAH MyWAC 2018

MALAYSIAN WATER ENGINEERS ACTION COMMITTEE

Diiktiraf oleh Malaysia Book Of Records sebagai 'Largest Ground Water Operator' di Malaysia

Oleh: Air Kelantan Sdn. Bhd.



Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) secara khususnya dan negeri Kelantan secara amnya telah dipilih sebagai hos kepada Mesyuarat Tahunan MyWAC 2018, (Malaysian Water Engineers Action Committee) bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, pada 25-28 November 2018, dan Kelab Kakitangan AKSB (KKAK) telah dilantik sebagai Pengurus Acara sepanjang persidangan berlangsung. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Sr. Hj. Azami Mohd Nor, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Utiliti, yang mewakili Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan, serta kehadiran Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli, Azizah Ariffin.

MyWAC sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Tindakan Jurutera Air Daerah se-Malaysia (JTJAD). Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras dan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti dalam kalangan Jurutera Air Daerah seluruh negara.

Mesyuarat Tahunan MyWAC diadakan secara tahunan dan dihadiri oleh 14 entiti pembekalan air dan juga penglibatan semua jurutera/pengurus air di seluruh negara. Delegasi seramai hampir 700 orang terdiri daripada peserta, pembentang kertas kerja, pempamer serta ahli keluarga yang turut serta dalam persidangan kali ini.

Bertemakan 'Land Use Development and Climate Changes: The Sustainable Adaption Options', bertujuan memberi kesedaran kepada penggerak-penggerak industri air berkaitan kelestarian penggunaan air bersih untuk masa hadapan. Kemajuan penggunaan tanah dan perubahan iklim serta cuaca akan memberi kesan kepada kuantiti dan kualiti sumber air.



AKSB diiktiraf oleh Malaysia Book of Records.



Majlis Perasmian MyWac 2019.

Selain itu, tema ini mempromosikan teknologi-teknologi sistem rawatan air yang telah dibangunkan oleh pihak AKSB di loji-loji rawatan air yang terpilih bagi menangani perubahan guna tanah dan cuaca.

Dalam majlis yang sama, AKSB telah diiktiraf oleh Malaysia Book Of Records sebagai 'Largest Ground Water Operator' di Malaysia.

Horizontal Collector Well (HCW) yang pertama telah dibangunkan pada tahun 2009 dan sehingga kini tedapat lebih 20 buah HCW yang beroperasi untuk membekalkan sumber air mentah kepada loji-loji di seluruh negeri Kelantan.

Secara keseluruhannya sehingga November 2018, AKSB mengoperasikan sebanyak 21 HCW dan 119 telaga tiub dengan kadar pengeluaran melebihi 220 juta liter air bersih sehari (JLH).

Berdasarkan rekod Malaysian Water Industry Guide 2017 (MWIG) terbitan Malaysian Water Association (MWA) yang berkollaborasi dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, negeri Kelantan merupakan pengguna terbesar sumber air bawah tanah di Malaysia dengan penggunaan sebanyak 214JLH atau 84.25% daripada jumlah keseluruhan penggunaan sumber air bawah tanah negara sebanyak 254JLH. ☺



Sesi lawatan ke booth pempameran.

#### Objektif Penganjuran MyWAC 2018:

- Mempromosikan teknologi yang ada di AKSB serta berkaitan daripada segi pengetahuan, teknikal, kajian, pembangunan dan hasil yang diperolehi.
- Sebagai platform perhubungan dan perkongsian maklumat dalam industri pembekalan air di Malaysia.
- Menyediakan cadangan kepada pihak berwajib bagi menaiktaraf mutu perkhidmatan bekalan air kepada pengguna pada masa hadapan.
- Mempromosikan negeri Kelantan dalam usaha AKSB menyokong Tahun Melawat Kelantan 2018.

#### Aktiviti Sepanjang Program MyWAC 2018:

- Persidangan & pembentangan kertas kerja.
- Pameran produk berkaitan bekalan air (50 buah booth disediakan).
- Lawatan teknikal ke Loji Rawatan Air Pintu Geng.
- Lawatan keluarga ke Narathiwat & sekitar bandar Kota Bharu.
- Majlis Makan Malam untuk semua delegasi.



Sumber dan foto ehsan daripada Perbadanan Muzium Kelantan.

“

**TEROWONG  
MASA  
TIME  
TUNNEL  
DAHULU**

Penjara di Padang Churchill (sekarang Padang Perdana). Penjara ini telah dirobohkan pada tahun 1950 kerana berpindah ke Pengkalan Chepa. (gambar diambil pada tahun 1905).

The prison at Padang Churchill (now Padang Perdana). The prison has been demolished in 1950. New prison was built at Pengkalan Chepa.

”



Foto: Ahmad Naime Muhammad

“  
TEROWONG  
MASA  
TIME  
TUNNEL  
KINI

Sebahagian bekas tapak penjara Padang Churchill yang sekarang ini diduduki oleh Pejabat Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Kelantan. (Padang Perdana sekarang).

A part of Padang Churchill prison has been occupied by the Insecticide Disease Protection Office. (Now Padang Perdana).



# Dialek KELANTAN

Oleh: Jabatan Komunikasi Korporat PMBK  
Kerjasama: Dewan Bahasa & Pustaka (Wilayah Timur)

## WOH TTENEY

### WOH TTENEY (PETOLA, KETOLA)

Sejenis sayur berwarna hijau yang kulitnya agak keras, buahnya bersegi-segi dan boleh dibuat sayur. Nama saintifiknya ialah Luffa Acutangular dan disebut 'woh ten-ney'.

*A type of green vegetable with hard skin, sharp corners, and can be eaten raw. Its scientific name is Luffa Acutangular and pronounce 'woh ten-nair'.*

## KKABOR

### KKABOR (KUMBANG)

Sejenis serangga yang berkepak dan berkulit keras. Serangga ini disebut 'kkab-bor'.

*A type of winged and hard-shelled insect. This insect called 'car-bow'.*

## LEYRAK

### LEYRAK (CURAH)

Mencurah dengan deras dan banyak, dan disebut 'ley-rak'.

*Pouring heavily and abundantly and pronounce 'lair-rak'.*

## CCOPONG

### CCOPONG (MIKROFON)

Sejenis alat pembesar suara bagi membantu pendedengaran agar lebih jelas terutamanya di kawasan yang luas dan ramai orang dan disebut 'ccor-pong'.

*A kind of loud speaker to help hearing more clearly especially in large areas and many people and called 'choar-pong'.*

## NGEPENG

### NGEPENG (IKLAN)

Pemberitahuan kepada umum melalui media massa seperti surat khabar, televisyen, radio dan lain-lain dan disebut 'ngey-peng'.

*Notifications to the public through mass media such as newspapers, television, radio and others and called 'ngair-paing'.*



## KENALENG

### KENALENG (BERDEBAR)

Perasaan berdebar-debar, berdenyut-deniyut kerana seseorang itu terperanjat, ketakutan atau gementar dan penyebutannya ialah 'ke-na-leng'.

*Feeling of anxious, throbbing because someone was shocked, scared or nervous and pronounce 'ke-na-laing'.*



## GOBEK

### GOBEK(ALAT UNTUK MELUMATKAN PINANG DAN SIREH)

Alat ini berbentuk silinder yang digunakan untuk melumatkan pinang dan sirih bagi mereka yang berusia dan tidak memiliki gigi untuk mengunyah. Disebut 'go-bek'.

*A cylindrical tool that is used to crush the betel nut and betel leaf for those who are old and have no teeth to chew. It is called 'go-back'.*




## KACE MIYO

### KACE MIYO (BENDI)

Kacang lendir merupakan sejenis sayur hijau yang tidak berdaun dan berlendir. Nama saintifiknya ialah Hibiscus Esculentus. Disebut 'ka-cey mi-yo'.

*Ladies finger is a kind of green vegetables that is not leafy and slimy. Its scientific name is Hibiscus Esculentus. It is known as 'car-chair mee-yo'.*





## BBEKOK

### BBEKOK (BERGURAU)

Percakapan atau perbuatan untuk bermain-main sahaja dan menggembirakan hati serta membuat kelakar, disebut 'bbey-kok'.

*Conversations or deeds to play alone and delight the heart and make fun, called 'bbair-cock'.*




## KACE CAMBOH

### KACE CAMBOH (TAUGE)

Kecambah kacang hijau ialah anak benih yang baru bercambah dan menjadi sejenis sayur yang boleh dimakan mentah atau sesudah masak, disebut 'ka-cey cam-boh'.

*The green bean sprouts are freshly grown seedlings and become a kind of edible vegetable or cooked, mentioned as 'car-chair chum-boh'.*



## TTITIH

### TITEH (ASAL USUL KETURUNAN)

Asal-usul keturunan dan salasilah keluarga, dan disebut 'ti-teih'.

*Origin of family and family tree, and called 'tee-taih'.*



## SSESEK

### SSESEK (BERGESEL)

Bersentuhan antara satu dengan yang lain ketika bergerak dan disebut 'sse-sek'.

*Touching with each other when moving and called 'ssair-sack'.*

## SEDUWEY

### SEDUWEY (RESDUNG)

Penyakit hidung yang disebabkan oleh radang pada rongga di bahagian hidung yang disebabkan oleh jangkitan kuman dan disebut 'se-du-wey'.

*Nasal diseases caused by inflammation of the nasal cavity caused by bacterial infections and called 'sir-do-where'*



## TTAKOK

### TTAKOK (TIDAK SAMA POTONGANNYA)

Potongan rambut atau lain-lain yang tidak sama dan agak kurang kemas seolah-olah menggunakan mata pisau yang tumpul dan disebut 'tta-kok'.

*Haircut or others that are not the same and rather less neat as if using blunt blade points and called 'tta-cock'.*



## TTAKOP

### TTAKOP (GABUNG/CANTUM)

Bercantum menjadi rapat atau bertaut semula (seperti luka yang sembuh) dan disebut 'tta-kop'.

*Merge closer together or re-linked (such as healed wounds) and called 'tta-kop'.*



## BBEDAE

### BBEDAE (RUAM GATAL)

Sejenis gejala bintil-bintil merah dan gatal pada kulit kerana digigit serangga berbisa atau berpeluh kerana panas dan disebut 'bbe-dae'.

*A type of redness and rashes in the skin due to bite of venomous insects or sweating due to heat and called 'ber-dair'.*





# کلیه تربوک و اینیتا

Rasulullah S.A.W. bersabda:


وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

**“Ingatlah, dan berwasiatlah kepada wanita dengan baik”**  
(Hadis Riwayat Tirmidzi, An-Nasai dan Baihaqi)

Kerajaan Kelantan melalui Dasar Wanita Kelantan sentiasa mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita secara adil dan bersesuaian dengan batas-batas syara' dan agama.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan Membangun Bersama Islam secara keseluruhannya, antara inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan untuk wanita Kelantan melengkapkan diri dengan ilmu dunia dan akhirat agar dapat melahirkan wanita yang berkualiti adalah melalui program-program:

**KULIAH TAFSIR  
AL-QURAN WANITA**  
di 45 DUN  
seluruh Negeri Kelantan



**KULIAH FIQH  
WANITA**  
di seluruh Parlimen  
Negeri Kelantan



**KULIAH BULANAN  
WANITA**  
di peringkat  
Negeri Kelantan



## KULIAH TERBUKA WANITA

*Hubungi:*

Pejabat Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan  
PT109 Wisma Dr Alias, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu Kelantan  
Tel (P): 09-747 6568 / 09-747 6569 Faks: 09-747 6510



ukekwa@kelantan.gov.my



ukekwa



u\_kekwa



wanitakelantan.com

# PERUMAHAN MEWAH UNTUK DIMILIKI



## WADI IMAN PMBK II

*Perumahan Kami, Impian Anda*



KOK LANAS



PASIR GENDA

BANGLO



SEMI D

**WADI IMAN EKSKLUSIF**  
KOK LANAS, KETEREH, KELANTAN

HARGA DARI **RM283,000-RM459,000**

**WADI IMAN PMBK II**  
PASIR GENDA, TANAH MERAH, KELANTAN

HARGA DARI **RM280,000-RM380,000**

BAKAL DIBINA



HUBUNGI KAMI

**013-907 3209** Noorin

**013-981 0054** Syazwan

**011-2546 9440** Yusri

**09-747 4082** Pejabat



f Kempen Kelantanku Bersih



# JUPO SAPOH KUTIP JANGE TOHOK KOKSEY

KEMPEN  
**KELANTANKU  
BERSIH**

#kelantankubersih

## PELAN STRATEGIK KEBERSIHAN

“Amalan Kebersihan” merupakan fokus pertama bagi Pelan Strategik MMBI dengan objektifnya bagi mewujudkan Kelantan Bersih (Kelantan Go Green), melahirkan masyarakat cakna kebersihan dan amalan kebersihan sebagai budaya unggul.